LINDUNGI MASA DEPAN ANDA,
GALAKAN SIMPANAN UNTUK SEMUA
Safeguarding Your Future, Inculcating Savings For All

2020

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

Mengenai Laporan Ini

About This Report

LINDUNGI MASA DEPAN ANDA, GALAKAN SIMPANAN UNTUK SEMUA

Bank Simpanan Nasional (BSN) mendukung mandat sosial yang jelas – menggalakkan tabiat menyimpan dan menyediakan akses perbankan menyeluruh kepada semua segmen masyarakat di negara ini.

Platform perkhidmatan kewangan dan infrastruktur menyeluruh kami yang mudah diakses kekal memenuhi keperluan para pelanggan, terutamanya yang kurang berkemampuan dan penyimpan kecil. Kami memberi bantuan kepada pelanggan kami dalam semua keperluan kewangan mereka seperti menabung dan melabur hingga urusan pembiayaan kediaman, kereta atau perniagaan. Selain itu, kami juga menyokong dan memperkasakan mobiliti ekonomi untuk perniagaan-perniagaan kecil dengan memberi tumpuan kepada keperluan khusus yang diperlukan oleh komuniti.

Kemerosotan ekonomi yang berpunca daripada penularan wabak COVID-19 telah mempengaruhi pekerjaan dan kehidupan semasa. Memahami keadaan ketika ini, kami memberikan fokus yang lebih intensif kepada usaha melindungi masa depan semua rakyat Malaysia dan membantu masyarakat berkembang maju.

SAFEGUARDING YOUR FUTURE, INCULCATING SAVINGS FOR ALL

Bank Simpanan Nasional (BSN) has a clear social mandate – inculcating the habit of savings and providing comprehensive banking access to all community segments in the country.

Our comprehensive financial services platform and infrastructure are easily accessible continues to meet the needs of customers, particularly the underserved and small savers. We help our customers with all their financial needs, from saving and investing to transacting and financing for a home, car or business. We also assist and empower economic mobility for small businesses through a community-centred approach that offers resources tailored to meet their needs.

With the economic downturn brought on by the COVID-19 pandemic impacting jobs and lives, now more than ever, we remain focused on safeguarding the future of all Malaysians and helping society thrive.

Salinan Laporan Tahunan BSN 2020 boleh didapati melalui:

A copy of BSN Annual Report 2020 can also be found on:

www.bsn.com.my

Dalam Laporan Ini
What's Inside

Seimbas Lalu
At A Glance

BSN menawarkan perkhidmatan perbankan yang komprehensif merentasi komuniti bandar, luar bandar dan pedalaman di Malaysia melalui rangkaian Cawangan BSN dan Ejen Bank BSN (EB BSN) yang meluas dalam memastikan keterangkuman kewangan ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

BSN offers comprehensive banking services across urban, rural and remote communities in Malaysia through an extensive network of BSN Branches and Ejen Bank BSN (EB BSN) in ensuring financial inclusivity towards improving the well-being and quality of life of Malaysians.



390
CAWANGAN DI SELURUH NEGARA
BRANCHES NATION WIDE

38
PUSAT MIKRO KEWANGAN
FINANCIAL MICRO CENTRES

PENDAPATAN
REVENUE
RM2.0
BILION/BILLION

PENDAPATAN BERSIH
NET INCOME
RM1.4
BILION/BILLION

LEBIH
OVER
7,000
KAKITANGAN/
EMPLOYEES

675
MESIN TELER AUTOMATIK
AUTO TELLER MACHINES (ATM)

LEBIH/OVER
3,400
EJEN BANK BSN (EB BSN)
EJEN BANK BSN (EB BSN)

317
MESIN DEPOSIT TUNAI
CASH DEPOSIT MACHINES (CDM)

79
MESIN DWI FUNGSI
CASH RECYCLER MACHINE (CRM)

DEPOSIT DAN SIMPANAN
DEPOSITS AND SAVINGS
RM34.0
BILION/BILLION

JUMLAH TRANSAKSI EB BSN
TOTAL TRANSACTION OF EB BSN
RM1.59
BILION/BILLION

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT
PROFIT AFTER TAX AND ZAKAT
RM204.1
JUTA/MILLION

visi • vision

Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan

Di BSN, kami berhasrat untuk memberi semua warga Malaysia peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dengan memungkinkan masa depan kewangan yang lebih baik melalui rangkaian yang meluas dan perkhidmatan yang pelbagai.

No Malaysian Left Behind

At BSN, we aim to provide every Malaysian the opportunity to enjoy a better life by enabling a better financial future through our extensive network and range of services.

misi • mission

Misi kami adalah membina perhubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan yang lebih baik dengan:

Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:

- Menyediakan saluran untuk menyimpan dan melabur bagi orang awam dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan perbankan yang komprehensif.

  Providing the means for savings and investments for the general public with a comprehensive range of banking services.

- Menggalakkan dan menggembleng simpanan, terutamanya daripada penyimpan-penyimpan kecil.

  Promoting and mobilising savings, particularly from small savers.

- Menanam tabiat berjimat cermat dan menyimpan.

  Inculcating the habit of thrift and savings.

- Menggunakan dana Bank untuk pelaburan termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.

  Utilising the Bank's funds for investment including financing of economic development of the nation.

nilai-nilai murni

core values

Di BSN, cara kerja dan tindakan kami adalah berlandaskan Nilai-Nilai Murni:

At BSN, the way we work and behave are guided by our Core Values:

C

Komited
Committed

Kami komited ke arah kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.

We are committed to excellence in all that we do.

A

Cerdas & Tangkas
Agile

Kami menjangkakan arah aliran pasaran dan memanfaatkan peluang.

We anticipate market trends and leverage on opportunities.

R

Menghormati
Respectful

Kami hargai kepelbagaian antara orang ramai, idea dan sudut pandangan serta berusaha untuk meletakkan diri di tempat mereka untuk lebih memahami kehendak mereka.

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.

E

Beretika
Ethical

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai-nilai moral yang paling tinggi.

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.

Piagam Perkhidmatan Pelanggan
Customer Service Charter

BSN komited sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan dan produk berkualiti tinggi yang layak diterima oleh setiap warga Malaysia.

BSN is totally committed in providing high quality service and products that every Malaysian deserves.



Piagam Perkhidmatan Pelanggan (juga dikenali sebagai Piagam) Bank Simpanan Nasional (BSN) yang ditubuhkan pada Disember 2020 bertujuan untuk menggariskan komitmen utama di samping memastikan tahap piawaian perkhidmatan berada pada tahap yang tertinggi dan bantuan yang ditawarkan untuk setiap perkhidmatan yang berbeza kepada pelanggan adalah berkualiti.

The Bank Simpanan Nasional (BSN) Customer Service Charter (also referred to as Charter) was established in December 2020 with the intention to outline our key commitments to deliver a high service standard of customer service and to provide quality service and assistance when providing different banking services to customers.

Objektif utama BSN sejak dahulu lagi adalah menggalakkan perkembangan simpanan dan pelaburan dalam kalangan warga Malaysia dari segenap lapisan masyarakat. Kini, kami meneruskan usaha kami dengan menawarkan lebih banyak produk dan perkhidmatan yang memenuhi perubahan keperluan kehidupan moden. Dengan perubahan yang sejajar mengikut arus pembangunan, kami berharap dapat menyediakan peluang yang saksama kepada semua warga Malaysia untuk menikmati kehidupan yang lebih baik selari dengan visi BSN iaitu "Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan".

BSN's main objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life. Today, we continue on our quest by offering even more products and services that cater to the progressive needs of modern life. By doing so, we hope to provide every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life which is in line with the Bank's vision "No Malaysian Left Behind".

Kami menyedari bahawa akan ada ruang untuk penambahbaikan. Piagam Perkhidmatan Pelanggan ini adalah untuk tujuan maklumat dan tidak dimaksudkan, dan tidak membuat hak atau kewajiban yang mengikat secara sah.

We recognise that there will always be room for improvements. This Customer Service Charter is for information purposes only and is not intended to, and does not, create any legally binding rights or obligations.

Struktur Korporat
Corporate Structure



Pegangan BSN di dalam Anak Syarikat/Syarikat Bersekutu pada 31 Disember 2020
BSN's holdings in Subsidiary/Associates Companies as at 31 December 2020

Profil Korporat

Bank Simpanan Nasional (BSN) ditubuhkan pada 1 Disember 1974 dengan mandat yang jelas untuk mendorong pertumbuhan simpanan dalam kalangan rakyat Malaysia dan menyokong pembangunan negara. Sejak dilancarkan oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kedua Malaysia, Bank tetap berpegang teguh pada matlamat terangkum ini dan menerapkan prinsip korporatnya iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan'.

Tujuan utama BSN adalah untuk memperkasakan dan meningkatkan keupayaan kewangan pihak individu dan masyarakat di seluruh Malaysia. Menerusi kerjasama rakan niaga dan pihak berkepentingan yang berkongsi visi dan nilai yang sama, BSN telah memperluaskan keterangkuman kewangan merentasi seluruh negara dan menyediakan akses kepada sumber kewangan sekaligus mempertingkatkan kehidupan rakyat. BSN telah mewujudkan sebuah tradisi berunsurkan inovasi demi melaksanakan amanahnya. Sejak penubuhannya, BSN sentiasa beradaptasi mengikut perubahan zaman dengan menerapkan teknologi dan cara bekerja terkini untuk menyampaikan perkhidmatan yang sebaik mungkin. Ini memastikan capaian perkhidmatan kewangan termasuk golongan masyarakat di kawasan pedalaman atau kurang mendapat perkhidmatan perbankan.

BSN kini berusaha dengan gigih bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia. Sebagai salah satu institusi kewangan terkemuka di negara ini, BSN memberi perkhidmatan kepada lebih 9 juta rakyat Malaysia di seluruh negara, dengan deposit dan simpanan runcit berjumlah RM17.81 bilion. Jangkauan BSN yang semakin meluas merangkumi lebih daripada 7,000 kakitangan yang disokong oleh 390 cawangan, 38 Pusat Kewangan Mikro, 675 Mesin Teler Automatik (ATM), 317 Mesin Deposit Tunai (CDM) dan lebih 3,400 Ejen Bank BSN di seluruh negara. Setakat Disember 2020 BSN kekal melabur dalam produk dan perkhidmatan digital baharu untuk memastikan bahawa kami terus memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan dan rakyat kami yang kian mendakap perbankan digital dan e-dagang.

Iltizam BSN terhadap mandatnya diterapkan di semua aspek perniagaannya dan merupakan teras budaya korporatnya. Setelah hampir mencecah lima dekad dalam perniagaan, amanah tersebut tetap menjadi prinsip panduan bagi BSN.

Corporate Profile

Bank Simpanan Nasional (BSN) was established on 1 December 1974 with a clear mandate to foster the growth of savings among Malaysians and to support national development. Since its launch by YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, the second Prime Minister of Malaysia, the Bank has stayed true to this inclusive objective and continues to embrace 'No Malaysian Left Behind' as its corporate maxim.

BSN's central purpose is to financially empower and elevate individuals and communities throughout Malaysia. Working with partners and stakeholders who share its vision and values, BSN has expanded financial inclusion across the nation and provided access to financial resources that have transformed lives. To deliver on its mandate, BSN has established a tradition of innovation. Since its inception, the Bank has continuously adapted to the changing times by embracing new technologies and ways of working to better-serve its clients, ensuring access to financial services even for those in remote and other underbanked communities.

Today, the Bank is doing more than ever to uplift the economic well-being of Malaysians. As one of the nation's leading financial institutions, BSN serves over 9 million Malaysians across the country, with deposits and retail savings totalling RM17.81 billion. BSN's reach has never been wider, with over 7,000 employees supported by 390 branches, 38 Micro Finance Centres, 675 Automated Teller Machines (ATMs), 317 Cash Deposit Machines (CDMs) and over 3,400 Ejen Bank BSN across the country (as of December 2020). As Malaysians, increasingly, embrace digital banking and e-commerce, BSN is continuing to invest in new digital products and services to ensure that we continue to serve our customers' and the nation's needs.

BSN's commitment to its mandate is woven into all aspects of its business and is central to its corporate culture. As the Bank now marks almost five decades in business, it remains BSN's guiding principle and provides the standard against which BSN measures itself.



Anugerah & Pengiktirafan
Awards & Recognition



BSN telah memenangi anugerah berprestij pada tahun 2020 yang mengiktirafkan prestasi teguh kami dalam bidang yang merupakan teras kepada amanah kami.

BSN won a prestigious award in 2020, recognising our strong performance in areas central to our mandate.

1. **Top FI Partner 2019 (Kategori Anugerah Perusahaan Kecil dan Sederhana)**
   Majlis Anugerah Institusi Kewangan & PKS Ke-25
   BSN diiktiraf untuk kekuatan produk kewangan mikro.
   Top FI Partner 2019 (Small and Medium Enterprise Award Category)
   25th FI & SME Awards
   BSN was recognised for the strength of its microfinance products.

Carta Organisasi
Organisation Chart

Ketua Pegawai Perniagaan
Chief Business Officer
Mujibburrahman Abd Rashid

Undang-undang & Sekretariat Korporat
Legal & Corporate Secretariat
Ummul Shirin Mohamed Thalha

Strategi Korporat
Corporate Strategy
Haris Yaakob Abdullah

Customer Experience
Customer Experience
Arida Ariffin**

Pengurusan Sumber Manusia
Human Resource Management
Syanorida Bahari

Perniagaan Kad & CRM
Cards Business & CRM
Mohd Sofian Amirudin

Perbankan Islam
Islamic Banking
Anuar Elias

Deposit & Pembayaran
Deposit & Payment
Zarida Jean Noordin

Perbankan Runcit
Retail Banking
Mohd Hafis Hashim

Ketua/Head
Ketua Bahagian/Division Head
* Sehingga 30 November 2020/Until 30 November 2020
** Pemangku Ketua/Acting Head
*** Bahagian/Division

Carta organisasi ini adalah setakat Disember 2020
This organisation chart is as of December 2020

PENGERUSI & LEMBAGA PENGARAH
CHAIRMAN & BOARD OF DIRECTORS

Ketua Eksekutif*
Chief Executive*
Datuk Yunos Abd Ghani

Jawatankuasa bagi Lembaga Pengarah
Respective Board Committees

Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer
Kameel Abdul Halim

- Operasi Perbankan / Banking Operations — **Mohd Khairil Mohd Nor****
- Teknologi Maklumat / Information Technology — **Lee Choon Yong**
- Operasi Kredit / Credit Operations — **Azlan Abu Bakar**
- Perbankan Digital / Digital Banking — **Muhamad Adlan Hussan**
- Perbendaharaan & Pelaburan / Treasury & Investment — **Vacant**
- Data Governans*** / Data Governance*** — **Andy Chew Chin Heng**

Ketua Pegawai Kewangan
Chief Financial Officer
Asaraf Aboo Bakar

- Pemulihan Kredit / Credit Recovery — **Misah Meon**
- Kewangan / Finance — **Ahmad Khairi Shamsuddin**
- Pentadbiran Am & Keselamatan / General Administration & Security — **Sr Rosman Ramlan**
- Komunikasi Strategik / Strategic Communications — **Aizurra Mellissa Muzammil**
- Perolehan*** / Procurement*** — **Zadatul Akhmar Sharmila Mustaffa**

- Audit Dalaman / Internal Audit — **Roodi Mohd Rashid**
- Pematuhan / Compliance — **Samsudin Samsuri**
- Pengurusan Risiko / Risk Management — **Mohd Fuad Jamel****
- Integriti & Governans*** / Integrity & Governance*** — **Mohamad Nizam Kalam**

Menyediakan platform perkhidmatan kewangan menyeluruh

Providing a comprehensive platform of financial services

Sehingga ke hari ini, BSN terus menyediakan platform perkhidmatan kewangan dan infrastruktur menyeluruh yang mudah diakses oleh para pelanggan yang berteraskan pengurusan kewangan yang teguh serta telah terbukti sejak sekian lama.

Through the years, BSN continues to provide a comprehensive platform of financial services and infrastructures that are easily accessible for customers, anchored in sound financial management that has withstood the test of time.



PUAN ROSSANA ANNIZAH AHMAD RASHID
Pengerusi/Chairman

Penyata Pengerusi

Chairman's Statement

> BSN telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada segmen perusahaan mikro dan sosio-ekonomi B40 yang disasarkan di bawah program rangsangan PENJANA dan PRIHATIN kerajaan.
>
> BSN collaborated with the Ministry of Finance to ensure that financial aid under the government's PENJANA and PRIHATIN stimulus programmes reached the targeted microenterprise and B40 socio-economic segments.

Secara keseluruhannya, tahun 2020 adalah satu tahun yang sangat mencabar berikutan pandemik COVID-19 yang bukan sahaja mengakibatkan gangguan ekonomi malahan juga memberi kesan terhadap masyarakat dan perniagaan di seluruh dunia. Meskipun berdepan dengan persekitaran yang sangat mencabar, saya ingin memaklumkan bahawa BSN terus kekal melaksanakan mandatnya untuk mempergiatkan rangkuman kewangan dan berpegang teguh kepada visi "Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan".

Masyarakat secara keseluruhannya merasakan keperitan kehidupan dari impak COVID-19, terutamanya bagi golongan yang paling terkesan. Dalam mendukung tanggungjawab kami terhadap negara, BSN telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada segmen perusahaan mikro dan sosio-ekonomi B40 yang disasarkan di bawah program rangsangan PENJANA dan PRIHATIN kerajaan.

Ternyata BSN merupakan saluran yang tepat dan efisien untuk program bantuan kerajaan, memandangkan lebih daripada 70% peminjam dan pelanggan simpanan kami tergolong dalam kumpulan B40. Rangkaian cawangan dan Ejen Bank kami yang menyeluruh di segenap negara membolehkan kami memperluaskan jangkauan kepada masyarakat luar bandar, termasuk di luar pangkalan pelanggan sedia ada dan di kawasan-kawasan terpencil di negara ini. Kami juga telah melangkaui tugas kebiasaan kami dengan membuka cawangan pada hujung minggu dan melanjutkan waktu operasi untuk memenuhi keperluan masyarakat semasa pandemik.

By any measure, 2020 was an extraordinary year, with the COVID-19 pandemic and the resulting economic disruption demanding the resilience of societies and businesses everywhere. I am pleased to share that despite the highly challenging circumstances, BSN continued to deliver on our unique mandate to intensify financial inclusion, staying true to our vision of 'No Malaysian Left Behind'.

In a year when society as a whole felt the strain from the impact of COVID-19, the burden fell most heavily on the most vulnerable. Recognising our national responsibilities, BSN collaborated with the Ministry of Finance to ensure that financial aid under the government's PENJANA and PRIHATIN stimulus programmes reached the targeted microenterprise and B40 socio-economic segments.

With more than 70% of BSN's borrowers and deposit customers belonging to the B40 group, the Bank was a natural and efficient conduit for the government's aid programmes. Through our unparalleled network of branches and Ejen Bank nationwide, we were able to extend our outreach to rural communities, including those outside our existing customer base and in some of the most remote parts of the country. Further responding to society's needs under the pandemic, we went beyond the ordinary such as by keeping our branches open during the weekend and lengthening our operating hours.

Penyata Pengerusi
Chairman's Statement

Kami terus komited melaksanakan mandat yang tersemat dalam semua aspek perniagaan. Sepanjang tahun ini kami terus membuat pelbagai pembaharuan, demi menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik.

Our commitment to our mandate is embedded in all aspects of our business and throughout the year we continued to innovate in finding new ways to deliver better.

Kesan dari pandemik ini telah mengukuhkan peranan BSN sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) di mana kami dapat merapatkan jurang rangkuman kewangan dan memberi akses perbankan kepada masyarakat. Kami terus komited melaksanakan mandat yang tersemat dalam semua aspek perniagaan. Sepanjang tahun ini kami terus membuat pelbagai pembaharuan, demi menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik. Meskipun menghadapi ketidaktentuan ekonomi yang berterusan, BSN berhasrat untuk memesatkan rancangan transformasi strategik kami untuk memastikan keberkesanan dalam usaha menyokong pihak berkepentingan kami berlatarkan keadaan yang mencabar dan tidak dijangka ini.

PERSEKITARAN OPERASI

Pandemik COVID-19 merupakan faktor utama yang telah membawa kepada penjejasan ekonomi global pada tahun 2020, dan telah memberi kesan kepada semua aspek persekitaran operasi kami. Bank Negara Malaysia (BNM) menganggarkan bahawa ekonomi Malaysia telah menguncup sebanyak 5.6%, berbanding dengan pertumbuhan 4.3% yang dicatatkan pada tahun 2019. Penguncupan ini adalah akibat dari perintah berkurung dan sekatan perjalanan yang dikuatkuasakan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah menjejaskan banyak perniagaan, ditambah pula dengan kejatuhan mendadak harga minyak global pada suku pertama.

The impact of the pandemic has reinforced the vital role that BSN plays as a Developmental Financial Institution (DFI) by bridging financing gaps and serving underbanked communities across our country. Our commitment to our mandate is embedded in all aspects of our business and throughout the year we continued to innovate in finding new ways to deliver better. As we go forward amidst the continuing economic uncertainty, BSN aims to accelerate its strategic transformation plans to ensure that we continue to be effective in supporting our stakeholders during these challenging and unprecedented times.

OPERATING ENVIRONMENT

The COVID-19 pandemic was the single most impactful factor on the global economy in 2020, and its effects were felt on all aspects of our operating environment. Bank Negara Malaysia (BNM) estimates that the Malaysian economy contracted by 5.6%, compared to the 4.3% expansion recorded in 2019. The decline was driven by the required lockdowns and travel restrictions imposed under the Movement Control Order (MCO) which affected many businesses, coupled with a sharp fall in global oil prices in the first quarter.

Bank Negara Malaysia (BNM) menganggarkan bahawa ekonomi Malaysia telah menguncup sebanyak 5.6%, berbanding dengan pertumbuhan 4.3% yang dicatatkan pada tahun 2019.

Bank Negara Malaysia (BNM) estimates that the Malaysian economy contracted by 5.6%, compared to the 4.3% expansion recorded in 2019.

Penyata Pengerusi
Chairman's Statement

Walaupun berdepan persekitaran ini, pelonggaran PKP dari Mei 2020 telah membawa kepada pemulihan separa ekonomi domestik. Kerajaan telah melancarkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang komprehensif bernilai RM305 bilion, termasuk PRIHATIN, Prihatin SME+, Penjana dan Kita Prihatin, serta melaksanakan moratorium pembayaran pinjaman bagi meredakan impak dari pandemik ini. BNM juga telah menurunkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 125 mata asas kepada kadar terendah iaitu 1.75 peratus, untuk merangsang ekonomi negara. Walau bagaimanapun, pengurangan kadar ini telah mengakibatkan penguncupan margin kadar faedah di sektor perbankan, yang mempengaruhi keuntungan industri perbankan secara keseluruhannya.

Walaupun kemudahan moratorium telah memainkan peranan penting dalam menyokong ekonomi Malaysia, ia juga telah meliputi tekanan kualiti aset. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) keseluruhan sistem perbankan telah mencapai 1.49% pada suku keempat 2020. Kesan dari persekitaran ekonomi yang mencabar dan kemudahan moratorium telah menjejaskan keuntungan industri perbankan, disebabkan oleh peruntukan kerugian dan pengubahsuaian yang lebih tinggi sepanjang tahun.

Despite these challenges, the easing of the MCO from May 2020 led to a partial recovery of the domestic economy. This was bolstered by the various comprehensive economic stimulus packages worth RM305 billion launched by the government, including PRIHATIN, Prihatin SME+, Penjana and Kita Prihatin, as well as the implementation of loan repayment moratoriums. The Malaysian economy was also supported by BNM's cumulative interest rate reduction of 125 basis points to the Overnight Policy Rate (OPR), to a record low of 1.75%. However, the rate cuts also resulted in compression of interest rate margins in the banking sector, which impacted the banking industry's profitability across the board.

While, the loan moratorium played a critical role in supporting the Malaysian economy it has also masked asset-quality stress. The overall banking system's non-performing loans (NPLs) ratio reached 1.49% in Q4 2020. As a result of the challenging economic environment and the impact of the loan moratorium, the banking industry's bottom line was affected by significantly higher provisions and modification losses during the year.

Keuntungan selepas cukai dan zakat

Profit after tax and zakat

RM204.1
JUTA / MILLION
(TK 2020/ FY2020)

Jumlah Aset Bank

Bank's Total Assets

RM40.5
BILLION ↑ 18.0%
(31 Disember 2020 /
31 December 2020)

PRESTASI KAMI

BSN telah mencatatkan keuntungan selepas cukai dan zakat sebanyak RM204.1 juta, bagi TK2020 iaitu RM104.5 juta atau 33.9% lebih rendah berbanding tahun 2019. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pendapatan faedah bersih yang lebih rendah pada portfolio aset pinjaman kami serta pengurangan keseluruhan aktiviti perniagaan semasa tempoh PKP yang berkuat kuasa pada bulan Mac.

Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan BSN terus mengukuh pada tahun 2020. Setakat 31 Disember 2020, jumlah aset Bank berjumlah RM40.5 bilion, peningkatan kukuh sebanyak 18.0%, atau RM6.2 bilion, dari tahun sebelumnya. Sebanyak 73.6% daripada aset berupa pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, 18.2% dalam bentuk sekuriti pelaburan, dan 8.2% dalam aset lain.

Jumlah deposit Bank meningkat sebanyak RM5.4 bilion, atau 18.7%, berbanding tahun 2019. Jumlah rizab meningkat sebanyak RM200.9 juta sepanjang tahun, dari RM3.3 bilion pada tahun 2019 kepada RM3.5 bilion pada akhir tahun 2020. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh keuntungan Bank pada tahun di bawah tinjauan.

OUR PERFORMANCE

For FY2020, BSN recorded profit after tax and zakat of RM204.1 million, which was RM104.5 million or 33.9% lower than the figure recorded in 2019. This was largely due to lower net interest income across our loan asset portfolios, as well as the overall reduction in business activities during the MCOs that began in March.

However, BSN's financial position continued to strengthen in 2020. As at 31 December 2020, the Bank's total assets stood at RM40.5 billion, a strong increase of 18.0%, or RM6.2 billion, from the year before. A total of 73.6% of assets were in the form of loans, advances and financing, 18.2% in the form of investment securities, and 8.2% in other assets.

The Bank's total liabilities stood at RM37.0 billion at the end of 2020, an increase of RM6.0 billion, or 19.3%, compared to 2019. Deposits constituted the largest portion of liabilities, amounting to RM34.0 billion or 91.9% of total liabilities. Total reserves increased by RM200.9 million over the year, from RM3.3 billion in 2019 to RM3.5 billion recorded at the end of 2020. The bulk of this increase was contributed by the Bank's profit in the year under review.

Jumlah rizab meningkat sebanyak

RM200.9
JUTA

sepanjang tahun.

Total reserves increased by

RM200.9
MILLION

over the year.

Penyata Pengerusi
Chairman's Statement

MEMACU TRANSFORMASI KAMI

BSN menyedari akan keperluan untuk terus berkembang. Pada masa kini, penyampaian perkhidmatan perbankan dipacu oleh pengantaraan dalam talian, sistem e-pembayaran dan pertumbuhan e-dagang yang dipergiatkan.

Pelan Strategik Korporat tiga tahun kami yang dikenali sebagai STEP21, yang dilancarkan pada tahun 2019, menggariskan perjalanan transformasi kami untuk memacu perniagaan dan melaksanakan mandat yang diamanahkan kepada kami. Teras strategik kami memberi fokus kepada meningkatkan hasil Bank secara mampan, mentransformasi Bank menjadi institusi yang berprestasi tinggi, mempertingkatkan pendigitalan dan sentiasa "mengutamakan pelanggan".

Berlatarkan persekitaran yang mencabar pada tahun 2020, kami telah melancarkan beberapa inisiatif untuk memperkukuhkan perniagaan dan operasi bagi melaksanakan strategi pertumbuhan kami. Sepanjang tahun ini, BSN telah menyasarkan pembiayaan peribadi kepada pengamal perubatan, akauntan dan para guru. Selain dari itu, kami telah mengatur pelbagai promosi yang menghasilkan pertumbuhan yang kukuh untuk pembiayaan Peribadi, pembiayaan gadai janji, pembiayaan Mikro, Sijil Simpanan Premium (SSP) dan simpanan GIRO/-i. Pinjaman dan pembiayaan pula meningkat 17.1% kepada RM29.8 bilion dan deposit meningkat dengan ketara sebanyak 18.7% kepada RM34.0 bilion. Kami telah berjaya mencapai hasil ini sambil terus melaksanakan mandat yang dipertanggungjawabkan kepada kami untuk meningkatkan rangkuman kewangan bagi kesemua segmen masyarakat Malaysia.

ACCELERATING OUR TRANSFORMATION

BSN recognises the need to continue evolving. Today, the delivery of banking services are accelerated by online intermediation, e-payment systems and intensified e-commerce growth.

BSN is guided by our three-year Corporate Strategic Plan called STEP21, launched in 2019, which outlines our transformation journey in order to drive business and deliver on the mandate entrusted to the Bank. The strategic thrusts focus on sustainably growing the Bank's revenue, transforming the Bank into a high performance-driven institution, enhancing digitalisation and always "putting customers first".

To deliver on our growth strategy against the challenging backdrop of 2020, we launched several initiatives to strengthen our business and operations. During the year, BSN targeted our personal financing towards medical practitioners, accountants and teachers. Additionally, we undertook a range of promotions which resulted in strong growth for the Bank's Personal financing, Mortgage financing, Micro financing, Sijil Simpanan Premium (SSP) and GIRO/-i savings. Over the period, our loan and financing book has grown by 17.1% to RM29.8 billion and our deposits grew significantly by 18.7% to RM34.3 billion. Critically, we achieved these results while continuing to deliver on our mandate to bring the unserved and underserved segment of the population into the financial system.

> Berlatarkan persekitaran yang mencabar pada tahun 2020, kami telah melancarkan beberapa inisiatif untuk memperkukuhkan perniagaan dan operasi bagi melaksanakan strategi pertumbuhan kami.
>
> To deliver on our growth strategy against the challenging backdrop of 2020, we launched several initiatives to strengthen our business and operations.

MENGUKUHKAN TERAS

Dalam mengekalkan fokus kepada matlamat kami untuk meningkatkan rangkuman kewangan, kami juga terus mengambil langkah-langkah penting untuk memastikan kemampanan jangka panjang perniagaan kami. Kami telah meningkatkan fokus terhadap tumpuan pelanggan dan memanfaatkan teknologi baharu. Sepanjang tahun 2020, BSN telah beroperasi sebagai salah satu saluran utama pembayaran skim bantuan kerajaan. Pada masa yang sama, kami terus mempercepatkan peningkatan kapasiti kami.

Kerajaan telah memperkenalkan siri pakej rangsangan ekonomi dengan tiga objektif yang jelas: Melindungi Rakyat, Menyokong Perniagaan dan Memperkukuhkan Ekonomi bagi melindungi ekonomi Malaysia semasa pandemik COVID-19. Di bawah inisiatif ini, BSN telah diberi mandat oleh kerajaan untuk berfungsi sebagai bank pembayar untuk program bantuan kerajaan, termasuk PRIHATIN dan PENJANA untuk kumpulan B40 dan perusahaan mikro. BSN telah berjaya menyalurkan dana yang disasarkan ini kepada lebih dari 8 juta akaun penerima, dengan nilai keseluruhan berjumlah RM12.26 bilion.

Kepentingan BSN telah dibuktikan oleh peranannya sebagai institusi kewangan utama yang menyediakan akses perbankan yang komprehensif ke seluruh pelusuk negara. Pencapaian kami ini diterajui oleh Ejen Bank BSN (EB BSN). Kami mempunyai 3,428 EB BSN yang beroperasi di seluruh negara, merangkumi 95.7% daripada 886 mukim di Malaysia. EB BSN kami telah mencatatkan 21.81 juta transaksi bernilai RM1.58 bilion pada tahun 2020.

BSN juga bekerjasama dengan kerajaan negeri Sabah dan Sarawak untuk mendekati penduduk terpencil di negeri-negeri tersebut yang tidak memiliki akaun bank. Di kawasan-kawasan ini, kami telah mengagihkan bantuan tunai kerajaan di 36 lokasi di Sarawak dan 21 lokasi di Sabah, menjangkau 28,000 orang penerima, dengan nilai keseluruhan berjumlah RM16 juta.

STRENGTHENING THE CORE

While BSN remains focused on our goal of increasing financial inclusion, we also continue to take significant steps to ensure the long-term sustainability of our business. Central to these are our increased focus on customer-centricity and leveraging on new technologies. Throughout 2020, we accelerated capacity-building while operating as one of the principal channels for the payment of government aid schemes.

To protect the Malaysian economy during the COVID-19 pandemic, the government introduced a series of economic stimulus packages with three clear objectives: Protecting the Rakyat, Supporting Businesses and Strengthening the Economy. Under these initiatives, BSN was given the mandate by the Malaysian government to act as the payee bank for key government aid programmes, including PRIHATIN and PENJANA, for the B40 and microenterprise groups. In total, BSN channelled this targeted funding to more than 8 million recipient accounts, with a total value of RM12.26 billion.

BSN's critical role was demonstrated by its position as the key financial institution providing comprehensive banking access to some of the most rural parts of the country. Our success on this front has been driven by our Ejen Bank BSN (EB BSN). We currently have a total of 3,428 EB BSNs operating nationwide, covering 95.7% of the 886 mukims in Malaysia. Our EB BSNs recorded 21.81 million transactions worth RM1.58 billion in 2020.

In order to fulfil this mandate, BSN also worked closely with the state governments of Sabah and Sarawak to reach remote populations in those states that did not have bank accounts. In these areas, we carried-out off-site distribution of the government's cash aid at 36 locations in Sarawak and 21 locations in Sabah, reaching a total of 28,000 recipients, with a total financial value of RM16 million.

Penyata Pengerusi
Chairman's Statement

Pandemik COVID-19 juga telah menimbulkan pelbagai cabaran bagi pengusaha mikro di mana perniagaan mereka terjejas oleh PKP. Selaras dengan keperluan masyarakat semasa pandemik ini, BSN telah memperluaskan capaian pembiayaan bagi pengusaha mikro melalui kemudahan seperti BSN Micro-i Kredit Prihatin, BSN Micro-i Kredit PENJANA dan Kemudahan Bantuan Khas Mikro BSN. Kami juga telah mempermudahkan proses kelulusan pinjaman dan pembiayaan untuk perkhidmatan yang lebih baik kepada kumpulan sasaran ini.

Inisiatif ini telah menghasilkan peningkatan ketara sebanyak 19,624 akaun baharu, tambahan kepada 2,100 akaun sedia ada, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 21,724 pada akhir tahun 2020. Dari segi kewangan, BSN telah menyalurkan pembiayaan mikro sebanyak RM741.4 juta, di mana 87.2% adalah ke akaun-akaun baharu.

Untuk memastikan keberkesanan berterusan perniagaan pembiayaan mikro dalam tempoh pertumbuhan pesat ini, kami telah memantapkan sistem pemprosesan dalaman untuk menyelaraskan maklumat serta mempercepatkan kelulusan kredit.

OPERASI DIGITAL YANG KUKUH

Strategi digital BSN didorong oleh matlamat kami untuk memenuhi keperluan segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan perbankan. Dalam kami meningkatkan rangkuman kewangan, kami juga mengadaptasi dengan landskap yang berkembang pesat melalui pertumbuhan perbankan dalam talian, sistem e-pembayaran dan start-ups fintech, selari dengan peralihan pengguna kepada transaksi dalam talian. Perubahan dalam tingkah laku pengguna dan corak pasaran semasa pandemik juga memerlukan kami memacu perniagaan serta strategi transformasi digital dengan segera. Untuk kekal selari dalam trend ini, kami terus menyempurnakan Hala Tuju Digital kami dan beralih dari model berasaskan transaksi ke model yang mengutamakan pelanggan sebagai tumpuan transformasi kami, berserta dengan fokus yang jelas terhadap keperluan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan.

BSN telah berjaya mengharungi perubahan landskap ini dan operasi perbankan digital kami telah menyaksikan pertumbuhan yang ketara pada tahun 2020. Jumlah pendaftaran baharu untuk perbankan internet myBSN meningkat sebanyak 492,779, peningkatan yang ketara sebanyak 137% berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, myBSN telah mencatatkan 21.5 juta transaksi, dengan jumlah keseluruhan mencecah RM5.07 bilion untuk tahun 2020. Operasi digital kami yang semakin kukuh juga penting untuk membolehkan Ejen Bank kami menyediakan perkhidmatan

The COVID-19 pandemic also posed an unprecedented challenge for many micro-entrepreneurs whose businesses were affected by the MCOs. Adapting to the needs of society during the pandemic, BSN focused on widening access to financing for micro-entrepreneurs through facilities such as BSN Micro-i Kredit Prihatin, BSN Micro-i Kredit PENJANA and the BSN Micro Special Relief Facility. To better-serve this target group we have also streamlined our loan and financing approvals process.

This resulted in a significant rise of 19,624 new accounts being added to the existing 2,100 at BSN, for a total of 21,724 by the end of 2020. In financial terms, BSN disbursed RM741.4 million in microfinancing, with 87.2% going to new accounts.

To ensure the continued efficiency of our microfinance business during this rapid expansion, we strengthened our end-to-end internal processing system to streamline information for credit approval. This has resulted in increased productivity and faster credit approval decisions.

ROBUST DIGITAL OPERATIONS

BSN's digital strategy is driven by our aim of meeting the needs of the unbanked and underserved. As we intensify financial inclusion, we have continued to adapt to the fast-evolving landscape that has seen the rapid growth of online banks, e-payment systems and fintech start-ups as consumers move towards online transactions. Additionally, changes in consumer behaviour and market patterns during the pandemic have also forced businesses to accelerate their digital transformation strategies. To capitalise on these trends, we have continued to refine our Digital Roadmap as we transition from a transactional model to one that puts customer-centricity at the heart of our transformation journey, with a clear focus on the needs of the underserved.

perbankan yang komprehensif seperti pembukaan akaun, simpanan, pengeluaran tunai, pembayaran tanpa tunai dan perkhidmatan utama yang lain. Di samping itu, platform ini juga telah memberikan pengalaman perbankan yang lebih baik kepada masyarakat luar bandar yang kurang mendapat perkhidmatan, terutamanya dalam keadaan pandemik ketika ini.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha bersepadu kami untuk memanfaatkan teknologi dalam melaksanakan amanah kami untuk meningkatkan rangkuman kewangan.

MEMPERTINGKATKAN TADBIR URUS KORPORAT

BSN komited untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat dan amalan etika terbaik. Pada bulan Oktober 2020, Lembaga Pengarah telah meluluskan Piagam Lembaga Pengarah yang dikemas kini, selaras dengan Dokumen Dasar Tadbir Urus Korporat baharu Bank Negara Malaysia.

Kami terus memantapkan kawalan dalaman kami dengan membangunkan pelbagai dasar dan garis panduan seperti polisi Anti-Rasuah dan Anti-Penyelewengan, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi dan Polisi Tadbir Urus Syariah. BSN juga telah meningkatkan pemantauan terhadap akaun keldai (*mule account*), mengautomasi sistem Pemantauan Tindakan Pembetulan Audit Dalaman dan melancarkan Sistem Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) serta Pemarkahan Kredit. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuhkan budaya integriti BSN secara berterusan.

TENAGA KERJA KAMI

BSN sentiasa mengutamakan kesejahteraan lebih daripada 7,000 kakitangan kami. Pada tahun yang sangat mencabar ini, Bank terus menyokong kakitangannya melalui manfaat bersasar dan program hubungan kakitangan. Selain dari itu, program kerja dari rumah yang berkesan juga telah dilaksanakan untuk mengurangkan pendedahan kepada risiko jangkitan COVID-19.

Kejayaan strategi transformasi kami bergantung kepada kewibawaan tenaga kerja kami. Oleh itu, Bank terus melabur dalam pembangunan bakat dan melengkapkan kakitangan dengan kemahiran yang diperlukan melalui pelancaran portal e-pembelajaran kami. BSN juga telah melancarkan program Budaya Berprestasi Tinggi (HPC) yang merangkumi empat fasa – Kesedaran, Menerap dan Mengamalkan, Menunjukkan dan Mengukuhkan, dan Buku Panduan Pengalaman Pelanggan (CX) sebagai panduan untuk kakitangan terus berusaha ke arah meningkatkan keupayaan dan budaya berprestasi tinggi.

BSN has successfully adapted to this shifting landscape and our digital banking operations saw significant growth in 2020. The number of new sign-ups for myBSN internet banking rose by 492,779, representing a significant increase of 137% over the previous year. For 2020 as a whole, myBSN recorded 21.5 million transactions, with the total amount approaching RM5.07 billion. Our increasingly robust digital operations have been crucial to allowing our Ejen Bank to provide comprehensive banking services such as account opening, savings, cash withdrawal, cashless payment and other key services. In addition, the platform has also provided underserved rural communities with a better banking experience, particularly during the pandemic.

This initiative forms part of our concerted push to leverage on technology to deliver on our mandate of intensifying financial inclusion.

ENHANCING CORPORATE GOVERNANCE

BSN is committed to maintaining the highest standards of corporate governance and ethical practices. In October 2020, the Board approved the updated Board Charter, which was amended to align with Bank Negara Malaysia's new Corporate Governance Policy Document.

We have continued to tighten our internal controls by developing various policies and guidelines such as our Anti-Bribery and Anti-Corruption policies, the Technology Risk Management Framework and our Shariah Governance Policy. BSN also stepped-up our monitoring of mule accounts, automated our Internal Audit's Corrective Action Tracking system and launched our Anti-Money Laundering (AML) and Credit Scoring System. These initiatives aim to reinforce BSN's strong culture of integrity continuously.

OUR PEOPLE

BSN is strongly committed to the wellbeing of its more than 7,000 employees. In what was a highly challenging year, the Bank supported its employees through targeted benefits and employee relations programmes. Additionally, an effective work from home programme was implemented to reduce exposure to infection risks during the pandemic.

Having the right people in our workforce is crucial to the success of our transformation strategy. Accordingly, the Bank continues to invest in developing our talent and equipping them with the necessary skills with the launch of our e-learning portal. We also launched our four-phase High-Performance Culture (HPC) programme – Awareness, Internalise & Embrace, Demonstrate and Reinforcement, and our Customer Experience (CX) Playbook as a standard guide for staff to continue leaning towards upskilling their capabilities and high-performance culture.

Penyata Pengerusi
Chairman's Statement

BSN CARE

BSN telah melancarkan jenama BSN Care pada tahun 2019, yang merangkumi semua aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) Bank sambil memperkukuhkan komitmen kami terhadap empat tonggak teras, iaitu Pendidikan, Komuniti, Kesihatan & Keselamatan dan Sukan. Komitmen kami terhadap matlamat ini telah dibuktikan dengan menjalankan aktiviti CSR yang berkaitan dalam menangani kesan pandemik.

Sepanjang tahun ini, BSN terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (MOE) dalam pelbagai program celik kewangan dan tabungan yang melibatkan lebih daripada satu juta orang pelajar sekolah. BSN telah memilih 1,266 sekolah di seluruh negara sebagai sekolah angkat dalam usaha menanam tabiat menabung di kalangan belia.

BSN juga menyalurkan sumbangan kewangan untuk petugas barisan hadapan, bekerjasama dengan badan-badan awam dan swasta dalam usaha membantu mereka. Kami juga menghulurkan sumbangan kepada komuniti yang kurang berkemampuan di seluruh negara.

TINJAUAN

Kami tetap berwaspada akan risiko peningkatan pinjaman tidak berbayar (NPL) di sektor perbankan domestik. BSN akan terus mengawasi dan memantau kesannya terhadap kualiti aset Bank dan langkah-langkah akan diambil untuk membantu peminjam yang terjejas membuat pembayaran sehingga lunas. Ianya boleh mengakibatkan peruntukan pinjaman terjejas, kos kredit dan NPL yang lebih tinggi. Walaupun terdapat beberapa kerapuhan, kualiti aset pinjaman tertunggak dijangka stabil untuk tahun 2021 selebihnya berikutan penerusan bantuan pembayaran balik bersasar yang dipertingkatkan oleh sektor perbankan untuk pelanggan yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Kami akan terus memantau keadaan ini dengan teliti.

Melangkah ke hadapan, BSN percaya bahawa strategi kami untuk mengutamakan pelanggan, memperluaskan penawaran dan mempertingkatkan pendigitalan meletakkan kami pada kedudukan yang baik untuk terus melaksanakan amanah kami dalam landskap kewangan yang pesat berubah.

BSN CARE

BSN launched the BSN Care brand in 2019, which covers all of the Bank's CSR activities whilst strengthening our commitment to four core pillars, namely Education, Community, Health & Safety and Sports. Our commitment to these aims was demonstrated in 2020 as we responded to the impact of the pandemic.

During the year, BSN continued to work closely with the Ministry of Education (MOE) on a range of financial literacy and savings programmes involving more than a million school students. As part of this drive, BSN has adopted 1,266 schools across the country as we work to inculcate the savings habit amongst Malaysian youth.

BSN also actively provided financial support for our frontliners, working with public and private bodies as they undertook relief efforts. We also donated to underprivileged communities nationwide, distributing food packages to families and individuals.

OUTLOOK

We remain conscious of the risk of increasing NPLs in the domestic banking sector. BSN will continue to track and monitor their impact on the Bank's asset quality as existing measures to support borrowers gradually expire, which could lead to higher impaired loan provisions, credit cost and NPLs. Although there is some fragility, the asset quality of outstanding loans is expected to be stable for the rest of 2021 as the banking sector continues its enhanced targeted repayment assistance for customers who are adversely impacted by the COVID-19 pandemic. This remains an area that we will be monitoring closely.

Going forward, BSN believes that our strategy of focusing on customer-centricity, widening our offerings and accelerating digitalisation leaves us well-positioned to continue delivering on our mandate in the fast-evolving financial landscape.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan kami yang terus meletakkan kepercayaan mereka tatkala kami mengharungi cabaran yang tidak dijangka pada tahun 2020. Seterusnya jutaan terima kasih kepada Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan dan semua kakitangan kami atas komitmen mereka sepanjang tahun ini.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengalu-alukan pelatikan Dr. Mastura Abdul Karim, sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 4 Disember 2020, berikutan peletakan jawatan En. Razali Othman. Penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada En. Razali Othman atas sumbangannya sebagai Pengarah sejak Februari 2019. Kami juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Yunos Abd Ghani atas sumbangannya yang tidak berbelah bagi sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Lembaga Pengarah.

Akhir sekali, terima kasih saya ucapkan kepada pihak berkepentingan kami atas kepercayaan yang berterusan terhadap BSN. Kami akan terus berusaha untuk mengekalkan kepercayaan ini dalam kemaraan kami ke masa hadapan.

Terima kasih.

Rossana Annizah Ahmad Rashid
Pengerusi

ACKNOWLEDGEMENTS

I would like to thank our customers, who continued to place their trust in us as we faced the unprecedented challenges of 2020. My deepest gratitude to the Board of Directors, Management and all our staff for their commitment during the year.

On behalf of the Board of Directors, I would like to welcome Dr. Mastura Abdul Karim, who was appointed as a Non-Independent Non-Executive Director of BSN on 4 December 2020, following the resignation of En. Razali Othman. As he departs, I would like to express our deepest appreciation and gratitude to En. Razali Othman for his contribution to BSN as a Director since February 2019. We also would like to express our sincere appreciation to Datuk Yunos Abd Ghani for his tireless contribution as Chief Executive Officer and Executive Director of the Board.

Finally, I wish to thank our stakeholders for their continued confidence in BSN. We will continue to work to deserve that confidence as we go forward.

Thank you.

Rossana Annizah Ahmad Rashid
Chairman

Memastikan rangkuman kewangan

Ensuring financial inclusion

Financial inclusion – Touch points in rural areas	Access to banking services for rural/remote communities	Rural/suburban areas in Malaysia are serviced by: – 179 BSN branches (45.9% of total branches) – 2,249 banking agents (65.6% of total EB BSN)	Total branches: 390 Total EB BSN: 3,428
Assisting targeted segments to finance the purchase of their first homes	Youth Housing Financing Scheme (YHS) for individuals between the age of 21 and 45 to purchase their first home	RM836 million approved financing to more than 3,500 youths	Year-on-year financing growth: RM412.67 million The scheme ended in September 2020.
Approve financing to Microenterprises	Micro financing scheme offered to Micro enterprises	RM1,675.3 million approved financing to more than 47,000 micro enterprises	Year-on-year financing growth: RM1,564.59 million
	Financing to new micro businesses (in operation for less than 3 years)	RM51.8 million approved financing to around 1,000 new businesses	Year-on-year financing growth: RM28.86 million
Promote and mobilise savings	Growth in childrens' participation in Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) and BSN Smart Junior (BSJ)	New account openings of 117,362, with total new savings of RM42.6 million	

Pencapaian Peranan Pembangunan/Dimandatkan
Developmental/Mandated Achievements

KAJI SELIDIK EJEN BANK BSN

LATAR BELAKANG

Sebahagian daripada *design additionality* di bawah PMF, BSN telah menjalankan kaji selidik terhadap ejen-ejen banknya, Ejen Bank BSN (EB BSN). Tujuan kaji selidik ini adalah untuk menilai keberkesanan saluran EB BSN dalam meningkatkan kualiti perniagaan sedia ada pemilik perniagaan (ejen). 450 ejen telah dipilih secara rawak (10.2% daripada jumlah EB BSN). Walau bagaimanapun, hanya maklumat daripada 392 responden telah digunakan untuk kajian ini disebabkan oleh 58 soal selidik lagi adalah kurang lengkap. Dalam kaji selidik ini, kami bertujuan untuk menilai kesan intervensi *additionality* melalui EB BSN.

HASIL PENEMUAN



- Secara keseluruhan, 97% responden berpendapat bahawa perkhidmatan EB BSN telah menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan mereka, sejajar dengan peningkatan jumlah pelanggan (91%), yang sekali gus telah meningkatkan pendapatan mereka (94%).
- Sebilangan besar ejen masih kekal kecil, seperti yang dibuktikan dengan peningkatan jumlah premis yang rendah (8%). Namun, mereka telah memberi lebih keutamaan kepada pengubahsuaian premis mereka yang sedia ada (26%).
- 93% responden berpendapat bahawa perkhidmatan EB BSN telah meningkatkan pengetahuan mereka dalam pengendalian digital.
- 30% ejen telah melanjutkan waktu perkhidmatan mereka kepada pelanggan setelah menjadi ejen.

EJEN BANK BSN SURVEY

BACKGROUND

As part of design additionality under the PMF, the Bank has conducted a survey of its bank agents, Ejen Bank BSN (EB BSN). The main purpose of this survey was to assess the effectiveness of BSN's EB channel in improving the quality of business owners' (agents) existing businesses, in terms of creating better livelihood. 450 agents were randomly chosen (10.2% of EB BSN's total). However, 392 respondents' data were used for analysis as 58 incomplete questionnaires were rejected. In this survey, we aimed to assess the additionality of interventions through EB BSN.

FINDINGS



- Overall, 97% of the respondents feel that the EB BSN services have contributed to their business's growth, in line with the increase in the number of customers (91%), which has led to an increase in their income (94%).
- Most agents have remained small, as evident from the low increase in the number of premises (8%). However, they have shown a preference for renovating their existing premises (26%).
- 93% of the respondents believe that EB BSN services have increased their knowledge in digital handling.
- 30% of agents lengthened their service hours to customers after becoming an agent.

Pencapaian Peranan Pembangunan/Dimandatkan
Developmental/Mandated Achievements

HASIL PENEMUAN LAIN BERDASARKAN JENIS PERNIAGAAN EJEN

Daripada 83 responden;

93% peningkatan pengetahuan digital

95% peningkatan pendapatan

94% peningkatan jumlah pelanggan

34% pengubahsuaian premis perniagaan setelah menjadi ejen

Kategori Lain-Lain (seperti kedai buku, kedai perkakasan dll) merupakan jenis perniagaan yang mencatat tahap tertinggi dalam membuat pengubahsuaian premis perniagaan mereka setelah menjadi EB BSN.

Daripada 189 responden;

96% peningkatan pengetahuan digital

94% peningkatan pendapatan

92% peningkatan jumlah pelanggan

23% pengubahsuaian premis perniagaan setelah menjadi ejen

Kedai Runcit mencatatkan peningkatan tertinggi dalam pengetahuan digital, mungkin kerana skala perniagaan mereka yang lebih kecil dan kebergantungan mereka kepada pengendalian wang tunai sebelum menjadi ejen.



Daripada 46 responden;

91% peningkatan pengetahuan digital

93% peningkatan pendapatan

78% peningkatan jumlah pelanggan

33% pengubahsuaian premis perniagaan setelah menjadi ejen

Stesen Petronas mencatatkan peningkatan terendah dalam jumlah pelanggan yang membuat transaksi. Namun, mereka mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 15%, menunjukkan bahawa jumlah transaksi yang lebih tinggi bagi setiap pelanggan.

Daripada 74 responden;

85% peningkatan pengetahuan digital

93% peningkatan pendapatan

95% peningkatan jumlah pelanggan

20% pengubahsuaian premis perniagaan setelah menjadi ejen

Perniagaan telekomunikasi mencatat peningkatan terendah dalam pengetahuan digital berbanding perniagaan yang lain.

KESIMPULAN

Menerusi hasil kaji selidik ini, kami membuat kesimpulan bahawa saluran EB BSN telah menghasilkan kesan yang efektif dalam meningkatkan kualiti perniagaan ejen berikutan peningkatan yang jelas dalam pendapatan dan pengetahuan digital. Selain itu, kaji selidik ini telah menunjukkan bahawa perkhidmatan EB BSN bukan hanya sekadar memberi kesan positif terhadap pertumbuhan perniagaan ejen, malah juga kepada masyarakat setempat. Sejak permulaan EB BSN pada tahun 2012, BSN telah kekal sebagai satu-satunya Bank yang menyediakan akses perbankan yang komprehensif kepada komuniti pedalaman. Pelanggan dapat menerima akses kepada produk dan perkhidmatan BSN dengan mudah tanpa perlu mengunjungi cawangan BSN. Perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi simpanan, pengeluaran, pembayaran bil, pembelian BSN SSP, pembayaran tanpa tunai, penambahan nilai prabayar dan pembukaan akaun Giro/i. BSN juga sedang berusaha untuk memperkukuhkan perkhidmatan EB BSN untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan kami serta menyediakan aliran pendapatan yang lebih baik untuk para ejen kami.

OTHER FINDINGS BASED ON AGENT'S TYPES OF BUSINESS

From 83 respondents;

93% increase in digital knowledge

95% increase in income

94% increase in number of customers

34% renovated business premises after becoming an agent

The Others category (such as bookshops, hardware shops etc.) is the business type that recorded the highest level of carrying-out some form of renovation to their business premises after becoming an EB BSN.

From 189 respondents;

96% increase in digital knowledge

94% increase in income

92% increase in number of customers

23% renovated business premises after becoming an agent

Retail shops recorded the highest increase in digital knowledge, probably because of the smaller scale of their business prior to becoming agents and their prior reliance on cash handling.



From 46 respondents;

91% increase in digital knowledge

93% increase in income

78% increase in number of customers

33% renovated business premises after becoming an agent

Petronas stations recorded the lowest increase in the number of customers transacting. However, they recorded a 15% increase in income, suggesting a higher number of transaction per customer.

From 74 respondents;

85% increase in digital knowledge

93% increase in income

95% increase in number of customers

20% renovated business premises after becoming an agent

Telco businesses recorded the lowest increase in digital knowledge compared to other types of businesses.

CONCLUSION

We conclude from the survey results that EB BSN's channel has been effective in improving the quality of agents' businesses as there have been clear increases in income and digital knowledge. In addition, the survey shows that EB BSN services not only have a positive impact on the growth of agents' businesses but also on the local community. Since EB BSN's inception in 2012, BSN has remained the only Bank providing comprehensive banking access to rural communities. Customers can conveniently access the Bank's products and services without having to visit BSN branches. Services offered include savings, withdrawal, bill payment, purchase of BSN SSP, cashless payment, prepaid reload and opening of Giro/i accounts. BSN is also in the midst of strengthening our EB BSN services in order to better serve our customers and provide a larger revenue stream for our agents.

Pencapaian Peranan Pembangunan/Dimandatkan
Developmental/Mandated Achievements

Dana dan Skim Kerajaan untuk membantu segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan

Sejajar dengan peranan yang diamanatkan, BSN telah menjalinkan kerjasama erat dengan pihak kerajaan dalam membantu segmen yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan, terutama pembeli rumah pertama dan perniagaan mikro. Sebagai DFI yang memiliki jangkauan luas di seluruh Malaysia, terutamanya di kawasan pedalaman, BSN telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk mengagihkan pembiayaan kepada segmen sasaran yang telah dikenal pasti oleh kerajaan.

Pada tahun 2020, Kementerian Kewangan telah menyalurkan dana ke segmen yang disasarkan melalui BSN yang bertindak sebagai agen pengeluaran dana mikro. Ini termasuk perniagaan-perniagaan perusahaan mikro yang terjejas oleh kesan wabak COVID-19 dan pelbagai peringkat perintah kawalan pergerakan (PKP), dan juga pembiayaan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah seperti pekerja estet untuk mampu membeli rumah pertama mereka. Ringkasan dana kerajaan dalam bentuk geran yang diterima adalah seperti berikut:

			Prestasi setakat 31 Disember 2020	
Geran	**Tujuan**	**Saiz Geran setakat 31 Disember 2020**	**Jumlah Baki Pinjaman/ Pembiayaan**	**Bilangan peminjam yang dibantu[1]**
Skim Khas Rumah Pekerja Estet (SKRE)	Skim pembiayaan perumahan bagi pekerja estet untuk membeli rumah pertama mereka	RM50 juta	RM17.3 juta	258
Skim Pembiayaan Perusahaan Kecil Komuniti Cina	Pembiayaan Mikro untuk perusahaan kecil dalam komuniti Cina	RM150 juta	RM114.1 juta	3,587
Skim Pembiayaan Penjaja Kecil Komuniti Cina	Pembiayaan mikro untuk penjaja kecil dalam komuniti Cina	RM5 juta	RM476,000	52
Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina	Pembiayaan Mikro untuk penduduk Kampung Baru Cina	RM163 juta	RM58.1 juta	8,311
Pakej Rangsangan Mikro Kredit BSN – PRIHATIN – PENJANA	Pembiayaan mikro ditawarkan kepada perniagaan mikro yang terjejas oleh wabak COVID-19 dan PKP	RM500 juta	PRIHATIN: RM376.2 juta PENJANA: RM311.5 juta	PRIHATIN: 11,379 PENJANA: 9,077

[1] Berdasarkan pengeluaran pinjaman

Seramai 32,664 rakyat Malaysia telah menerima manfaat daripada pembiayaan dan geran yang disalurkan melalui skim-skim yang disenaraikan di atas. Selain itu, BSN juga telah dipertanggungjawabkan untuk menyalurkan dana di bawah skim Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Prihatin Nasional (BPN). Pada tahun 2020, BSN telah menyalurkan sejumlah RM16.9 bilion kepada lebih 7 juta rakyat Malaysia melalui skim-skim ini.

Government Funds and Schemes to help the unserved/underserved segments

In line with BSN's mandated role, the Bank worked closely with the government in helping the unserved / underserved segments, especially first home buyers and microbusinesses. As a DFI that has a wide reach across the Malaysian population, particularly in rural areas, BSN had been entrusted by the Government to distribute much needed financing to targeted segments identified by the government.

In 2020, the Ministry of Finance (MoF) channelled funds to targeted segments through BSN, as an agent for the disbursement of microfinancing. This included microenterprises whose businesses were affected by the COVID-19 pandemic and the series of movement control orders (MCO), as well as mortgage financing for low wage earners, such estate workers, to be able to afford to purchase their first homes. A summary of the government funds in the form of grants received is as below:

			Performance as at 31 December 2020	
Grant	**Purpose**	**Grant size as at 31 December 2020**	**Outstanding Loans/Financing**	**Number of borrowers assisted[1]**
Skim Khas Rumah Pekerja Estet (SKRE)	Mortgage financing scheme for estate workers to purchase their first home	RM50 million	RM17.3 million	258
Skim Pembiayaan Usahawan Perusahaan Kecil Komuniti Cina	Microfinancing for small entrepreneurs in the Chinese community	RM150 million	RM114.1 million	3,587
Skim Pembiayaan Penjaja Kecil Komuniti Cina	Microfinancing for small traders in the Chinese community	RM5 million	RM476,000	52
Special Financing Scheme for Residents of Chinese New Villages	Microfinancing for residents of Chinese New Villages	RM163 million	RM58.1 million	8,311
Micro Credit Stimulus Package – PRIHATIN – PENJANA	Microfinancing offered to microenterprises whose businesses were affected by COVID-19 pandemic and movement control orders	RM500 million	PRIHATIN: RM376.2 million PENJANA: RM311.5 million	PRIHATIN: 11,379 PENJANA: 9,077

[1] Based on loans disbursed

A total of 32,664 Malaysians benefitted from the financing and grants channelled through the schemes listed above. Additionally, BSN has been entrusted to channel funds under the Bantuan Sara Hidup (BSH) and Bantuan Prihatin Nasional (BPN) schemes. In 2020, BSN channelled a total of RM16.9 billion to more than 7 million Malaysians under these various schemes.

Tinjauan Strategik
Strategic Outlook

TAHUN 2020 YANG MENCABAR

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat sukar disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang menguji daya tahan syarikat dan kerajaan di seluruh dunia. Penularan wabak ini pada awal 2020 membawa kepada kemelesetan ekonomi global sekali gus mendedahkan persekitaran perniagaan yang paling mencabar di peringkat global. Sekatan perjalanan antarabangsa dan perintah berkurung yang dilakukan di kebanyakan negara di dunia telah mengakibatkan penurunan terhadap permintaan pengguna serta gangguan dalam rantaian bekalan global. Sebahagian besar harga komoditi juga telah merudum pada separuh pertama tahun 2020. Akibatnya, ekonomi global telah menyusut sebanyak 3.3% menurut anggaran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Pada peringkat nasional, pertumbuhan ekonomi domestik telah menguncup sebanyak 5.6% pada tahun 2020, menjadikannya sebagai penguncupan terbesar sejak Krisis Kewangan Asia pada 1998. Penyusutan ini adalah gabungan beberapa faktor seperti penurunan harga minyak dan gas, serta gangguan pada rantaian bekalan global yang memberi kesan ke atas industri pembuatan dan permintaan pengguna yang lemah berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di samping itu, industri pelancongan dan penerbangan adalah di antara yang paling teruk terjejas akibat pandemik COVID-19 apabila kerajaan melaksanakan perintah berkurung dan menyekat perjalanan masuk pelancong dari luar negara serta mengurangkan aktiviti ekonomi yang kurang penting.

2020 WAS AN UNPRECEDENTED YEAR

By any measure, 2020 was an unprecedented year, with the COVID-19 pandemic testing the resilience of companies and governments globally. The outbreak of the pandemic at the beginning of 2020 triggered the deepest global recession in decades, resulting in the toughest business operating environment globally. Widespread restrictions on international travel and lockdowns in many countries resulted in falling consumer demand and major disruptions to global supply chains. Most commodity prices also dropped in the first half of the year. As a result, the global economy shrank by 3.3% according to IMF estimates.

At the national level, the economy contracted by 5.6% in 2020, the biggest contraction since the Asian Financial Crisis in 1998. The decline was driven by a confluence of lower prices in the oil and gas sector, disruptions to global supply chains that impacted the manufacturing industry and weaker consumer demand resulting from the various Movement Control Orders (MCO). Moreover, tourism and aviation sectors were decimated by the restrictions on international travel as government curtails the activities of non-essential industries.

Pertumbuhan ekonomi yang perlahan menyaksikan kadar inflasi utama menurun sehingga -1.2% akibat kesan kejatuhan harga minyak global. Sekatan pergerakan dan penguncupan dalam ekonomi domestik menyaksikan kadar pengangguran melonjak kepada 4.5% dari purata 3.2% yang dicatatkan pada masa pra-krisis.

Prestasi sektor hartanah dan automotif yang mempunyai impak yang besar kepada industri perbankan negara, menanggung impak yang besar sepanjang tahun 2020 disebabkan oleh sentimen pengguna yang sangat berhati-hati. Industri automotif yang turut terjejas akibat PKP telah mengganggu aktiviti pembekalan dan pengedaran kenderaan. Namun begitu, penjualan kenderaan masih meningkat pada separuh kedua tahun lalu selepas kerajaan mengumumkan pengecualian cukai jualan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi PENJANA bagi mendorong pertumbuhan industri. Keberkesanan langkah ini jelas dilihat apabila Jumlah Keseluruhan Industri (TIV) merekodkan jualan sebanyak 529,434 unit pada tahun 2020. Walaupun angka ini menunjukkan penurunan sebanyak 12.4% berbanding tahun sebelumnya, namun ianya melangkaui jangkaan oleh Persatuan Automotif Malaysia (MAA) iaitu sebanyak 470,000 unit. Hal ini berikutan tindak balas positif daripada pengguna terhadap insentif pengecualian cukai dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

The softer economic conditions saw the average headline inflation rate fall to -1.2%, primarily due to the substantially lower global oil prices. Movement restrictions and the contraction in the domestic economy saw the unemployment rate spike to 4.5% from the average 3.2% recorded in the pre-crisis period.

The property and automotive sectors, both of which have a significant impact on the Malaysian banking industry, faced serious challenges in 2020 as consumer sentiment turned cautious. Malaysia's automotive industry took a hit as the implementation of the MCO disrupted car distributors' and dealers' operations. This was further exacerbated by job losses and cautious spending behaviour by consumers. However, sales picked up over the second half of the year as the government granted sales tax exemption as part of the PENJANA stimulus package to kick-start the auto industry. The effectiveness of this measure is visible as the Total Industry Volume (TIV) recorded sales of 529,434 units in 2020. While this represented a 12.4% drop from the previous year, the figure was significantly higher than the projected sales of 470,000 units by the Malaysian Automotive Association (MAA) in 2020 due to positive consumers response to the tax holiday incentive during the challenging business environment.

KADAR INFLASI UTAMA

-1.2%

Disebabkan oleh kesan kejatuhan harga minyak global

INFLATION RATE

-1.2%

Due to substantially lower global oil prices

Tinjauan Strategik
Strategic Outlook

Pasaran hartanah kediaman juga telah terkesan akibat pandemik COVID-19 dengan lebihan bekalan unit rumah yang dihadapi oleh industri sejak beberapa tahun lalu. Berlatarkan keadaan ekonomi yang lemah pada tahun 2020, pasaran hartanah negara menyaksikan pengurangan dalam pelancaran unit rumah baharu apabila kebanyakan pemaju memilih untuk memberi tumpuan terhadap unit yang masih belum terjual. Kesannya, hanya 47,178 unit sahaja yang dilancarkan pada tahun 2020 berbanding hampir 60,000 unit pada tahun 2019.

Menurut Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), pasaran hartanah yang lembap dan sentimen pembeli yang cermat menyebabkan jualan sederhana sebanyak 28.7% pada 2020, yang jauh lebih rendah daripada 40.4% yang direkodkan pada 2019. Pasaran hartanah kediaman mencatatkan transaksi unit sebanyak 191,354 yang bernilai RM65.87 bilion pada tahun 2020. Ini menunjukkan penurunan dari segi jumlah unit sebanyak 8.6% dan 9.0% dalam nilai berbanding 209,295 unit dengan nilai sebanyak RM72.4 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019. Meskipun berdepan dengan kesan pandemik, inisiatif kerajaan dalam merangsang pertumbuhan sektor perumahan telah menambahbaik lambakan kediaman pada tahun 2020, dengan jumlah unit lambakan menurun kepada 29,565 unit bernilai RM18.92 bilion. Ini mewakili pengurangan sebanyak 3.6% dalam jumlah lambakan kediaman berbanding 30,664 unit pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, jumlah nilai unit lambakan kediaman telah meningkat sebanyak 0.5% dari RM18.82 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019.

The residential property market was also strongly impacted by the COVID-19 pandemic, which was further aggravated by an oversupply of properties in the industry over the last several years. Amidst the softer economic conditions in 2020, the primary market saw fewer new launches as most developers chose to focus on selling remaining unsold units. Consequently, only 47,178 new units were launched in 2020, against nearly 60,000 units in 2019.

According to National Property Information Centre (NAPIC), the sluggish property market and cautious buyers' sentiment resulted in modest sales of 28.7% in 2020, which was markedly lower than the 40.4% achieved in 2019. The residential properties market recorded 191,354 units transacted, worth RM65.87 billion in 2020. This marked a decrease of 8.6% in volume and 9.0% in value as compared to the 209,295 units worth RM72.4 billion recorded in 2019. Notwithstanding the impact of the pandemic, Government initiatives to stimulate the housing sector saw an improvement in the residential overhang situation, with the number of overhang units falling to 29,565, worth RM18.92 billion in 2020. This represented a 3.6% reduction in overhang volume, compared to 30,664 units in 2019. However, the total value of overhang units increased by 0.5% from the RM18.82 billion recorded in 2019.

Walaupun berdepan situasi mencabar, sektor perbankan Malaysia masih berkembang pada tahun 2020 meskipun pada kadar yang lebih rendah. Secara keseluruhannya, pinjaman mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 3.4% tahun-ke-tahun (YoY) pada akhir 2020 berbanding pertumbuhan 3.9% pada tahun 2019. Pada masa yang sama, nisbah pinjaman terjejas kasar (GIL) telah meningkat pada 1.56% berbanding 1.51% yang dicatatkan pada tahun 2019. Sementara itu, pertumbuhan pinjaman runcit meningkat sebanyak 5.8% pada tahun 2020 berbanding 5.1% pada tahun sebelumnya. Pinjaman untuk hartanah kediaman, pinjaman kenderaan dan pinjaman peribadi masing-masing meningkat pada 7.1%, 5.6% dan 6.2%, manakala pinjaman kad kredit menyaksikan penguncupan kepada 12.5% tahun-ke-tahun (YoY) berbanding tahun 2019. Angka-angka ini membuktikan daya tahan sektor perbankan di Malaysia secara keseluruhannya.

Kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi, perbelanjaan isi rumah dan sektor kewangan telah diimbangi oleh dasar monetari dan pakej rangsangan fiskal khususnya melalui bantuan tunai Prihatin Nasional, penangguhan atau pengurangan pembayaran balik pinjaman, dasar subsidi upah, dan skim i-Sinar dan i-Lestari yang membenarkan pengeluaran wang tunai daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pelaksanaan efektif langkah-langkah mitigasi dan rangsangan ini telah membantu ekonomi Malaysia untuk terus kekal berdaya tahan meskipun diselubungi cabaran yang tidak dijangka pada tahun 2020.

Despite the challenges, the Malaysian banking sector continued to grow in 2020, albeit at a slower rate. Overall loan growth moderated to 3.4% year-on-year (YoY) at end-2020, down from 3.9% in 2019. At the same time, the gross impaired loans (GIL) ratio gradually climbed to 1.56% YoY, a slight rise from 1.51% recorded in 2019. Retail loan growth rose by 5.8% in 2020, up slightly from the 5.1% growth recorded the year before. Loans for residential property, automotive financing and personal loans expanded at 7.1%, 5.6% and 6.2% respectively, while credit card loans witnessed a contraction to 12.5% YoY. These numbers testify to the overall resilience of the Malaysian banking sector.

The COVID-19 pandemic's impact on the economy, on household spending and the financial sector was cushioned by the monetary policy and fiscal stimulus packages, primarily through the Prihatin Nasional cash transfers, deferment or reduction in loan repayments, wage subsidies and the i-Sinar and i-Lestari schemes that allowed cash withdrawals from the Employees Provident Fund (EPF). The effective implementation of these mitigation and stimulus measures helped to ensure the continued resilience of the Malaysian economy despite the unprecedented challenges that it faced in 2020.

Tinjauan Strategik
Strategic Outlook

PEMULIHAN DIJANGKA PADA 2021

COVID-19 telah memberi kesan yang besar di peringkat global dan mendedahkan kepincangan di peringkat kerajaan dan syarikat-syarikat terhadap 'black swan event'. Namun, dengan kadar peningkatan program vaksinasi di seluruh dunia, pertumbuhan ekonomi global diramalkan akan terus berkembang. IMF mengunjurkan pertumbuhan global sebanyak 6.0% pada tahun 2021.

BNM menjangkakan ekonomi Malaysia pulih dengan kukuh pada tahun 2021 dengan kadar pertumbuhan antara 6.0% hingga 7.5%. Pemulihan ini akan didorong oleh faktor permintaan luar yang akan semakin meningkat daripada rakan dagang utama, di samping peningkatan kitaran sektor teknologi dan harga komoditi yang lebih kukuh. Melalui peningkatan permintaan dan dengan hampir kesemua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi di bawah SOP diselia semula, ia dapat meningkatkan penggunaan tenaga buruh dan menggalakkan perbelanjaan dalam kalangan isi rumah. Namun demikian, kadar pemulihan tidak akan sekata merentasi sektor di mana sektor pembuatan dan komoditi diunjurkan pulih lebih cepat berbanding sektor lain khususnya pelancongan dan industri penerbangan. Walau bagaimanapun, pemulihan ini bergantung kepada keberkesanan program vaksinasi yang kini sedang berlangsung di seluruh negara.

Pemulihan ini juga akan didorong oleh pemulihan pelaburan yang kukuh, disokong oleh peningkatan permintaan dan inisiatif-inisiatif Kerajaan. BNM berpandangan lebih optimis terhadap pelaburan tetap, yang diunjurkan akan meningkat sebanyak 7.8% pada tahun 2021 yang menandakan perubahan yang besar berbanding penguncupan sebanyak 14.5% yang dicatatkan pada tahun 2020. Peningkatan ini akan didorong oleh pelaburan awam yang lebih tinggi, terutamanya melibatkan projek-projek infrastruktur utama seperti sistem pengangkutan ECRL, MRT2 dan LRT3, serta peningkatan infrastruktur digital nasional. Pertumbuhan pesat perkhidmatan e-dagang dan digital akan terus meningkat pada tahun 2021 sekali gus mengurangkan kesan negatif terhadap perbelanjaan pengguna akibat sekatan pergerakan.

Dengan jangkaan pemulihan ekonomi, BNM mengunjurkan kadar inflasi utama akan mencatatkan angka purata antara 2.5% hingga 4.0%, terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak dan komoditi. Angka ini sekali gus mencerminkan kesan asas daripada penurunan harga bahan api dan komoditi pada tahun lalu. Kadar inflasi dijangka kekal suram antara 0.5% hingga 1.5% di tengah-tengah keupayaan ganti ekonomi yang berterusan.

RECOVERY ON THE HORIZON IN 2021

The impact of the global pandemic was intense and unpredictable, revealing the vulnerabilities of governments and corporations to a black swan event. However, as the pace of COVID-19 vaccination programmes has accelerated globally in 2021, projections for a strong rebound in the global economy have risen, with the IMF forecasting global growth of 6.0% for the year.

BNM is projecting that the Malaysian economy will rebound strongly in 2021, by 6.0% – 7.5%. This rebound will be supported by growing external demand as our major trading partners' economic recovery gathers pace, intensification of the technology sector upcycle, and stronger commodity prices. With the pick-up in demand and as almost all sectors of the economy are allowed to operate according to revised SOPs, the demand for labour is projected to continue growing. This, in turn, should support growth in consumer spending. That said, the pace of the recovery will be uneven across sectors, with the manufacturing and commodity sectors forecast to recover faster than vulnerable sectors such as tourism and airlines. The speed and strength of the recovery, however, will be dependent on the effectiveness of the vaccination programme now being rolled out nationwide.

The recovery will also be sustained by a strong rebound in investment, driven by rising demand and Government initiatives. BNM has a more upbeat view on real fixed investment, which is projected to grow by 7.8% in 2021, marking a strong turnaround from the 14.5% contraction recorded in 2020. This rise will be driven by higher public investment, especially in major infrastructure projects such as the ECRL, MRT2 and LRT3 transport systems, as well as enhancement to the national digital infrastructure. The rapid growth of e-commerce and digital services during the COVID-19 pandemic is also set to continue in 2021, helping to cushion the negative impact of targeted movement restrictions on consumption spending.

As the economy rebounds, BNM projects that the headline inflation rate will average between 2.5% to 4.0% in 2021, mainly due to higher global oil and commodity prices. These figures reflect the base effect of the sharp drop in domestic fuel prices last year and commodity price developments. Underlying inflation is expected to remain subdued at between 0.5% – 1.5% amid continued spare capacity in the economy.

Dasar-dasar monetari dan fiskal Malaysia juga dijangka kekal menyokong pemulihan ekonomi negara. Meskipun keputusan BNM baru-baru ini untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman menandakan kestabilan Kadar Dasar Semalaman (*"rate-cut cycle"*) dalam masa yang terdekat, kesan persekitaran kadar faedah rendah dan pakej-pakej rangsangan Kerajaan akan terus menyokong perbelanjaan pengguna. Pada masa yang sama, moratorium pinjaman automatik yang dilaksanakan pada bulan April 2020 dan keputusan untuk mengurangkan caruman KWSP pekerja telah membantu mengurangkan kekangan aliran tunai jangka pendek. Sektor perbankan juga terus memberi sokongan khususnya kepada segmen perniagaan dan kumpulan isi rumah yang terkesan dengan pandemik COVID-19 bagi melancarkan lagi aliran tunai seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah ini diharapkan dapat memberi kesan yang positif terhadap sektor automotif dan hartanah negara.

Sektor automotif dijangka memperlihatkan prestasi yang lebih kukuh pada tahun 2021. MAA menjangkakan pemulihan penjualan akan didorong oleh pengukuhan sentimen pengguna, serta kesan daripada pelancaran beberapa pakej insentif kerajaan. Keputusan kerajaan untuk melanjutkan insentif pengecualian cukai jualan bagi kenderaan penumpang di bawah pakej rangsangan PEMERKASA+ sehingga 31 Disember 2021 akan memberikan peningkatan positif kepada jumlah keseluruhan industri (TIV). Pelancaran model baru dengan harga yang sangat kompetitif beserta kadar faedah pinjaman sewa beli yang jauh lebih rendah akan menggalakkan penjualan automotif sepanjang tahun.

Sektor hartanah juga dijangka dapat memperlihatkan prestasi yang lebih baik yang didorong oleh peningkatan permintaan dan insentif-insentif kerajaan. Belanjawan negara pada tahun 2021 merangkumi pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pemilikan rumah, terutama untuk pembeli kali pertama yang secara tidak langsung akan mendorong permintaan rumah kediaman. Pengenalan semula Kempen Pemilikan Rumah, pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan penghapusan had pembiayaan 70% untuk harta tanah ketiga diharapkan dapat memberi manfaat kepada sektor hartanah. Selain itu, pelancaran atau penyambungan semula beberapa projek infrastruktur mega yang akan saling melengkapi pembangunan kediaman dan komersil pada masa akan datang di kawasan sekeliling dan memacu pembangunan kawasan luar bandar diharapkan dapat memberi rangsangan kepada industri hartanah.

Malaysia's monetary and fiscal policies are also expected to remain supportive of the recovery. While BNM's recent decision to keep the Overnight Policy Rate (OPR) steady may signal a pause in the rate-cut cycle for now, the impact of the low interest rate environment and Government stimulus packages should continue to support consumer spending going forward. At the same time, the automatic loan moratorium that was implemented in April 2020 and the decision to lower workers' EPF contribution have helped to relieve near-term cash flow constraints. Critically, the banking sector has also continued to extend support to business and population segments affected by the downturn to support spending and economic growth. The impact of these measures is also expected to feed into the key automotive and property sectors.

The automotive sector is projected to see a stronger performance in 2021. MAA expects the rebound in sales to be driven by strengthening consumer sentiment, coupled with the impact of several government incentive packages. Critically, the government's decision to extend further the sales tax exemption incentive for passenger vehicles under the PEMERKASA+ stimulus package until 31 December 2021 will provide a positive boost to total industry volume. The launch of new models at very competitive prices and the prevailing lower hire purchase loan interest will further spur automotive sales across the year.

Likewise, the property sector is expected to deliver stronger performance, driven by a rebound in demand and the availability of government incentives. The national Budget for 2021 includes a range of initiatives to further promote homeownership, especially for first-time buyers, which should spur demand for homes. The reintroduction of the Home Ownership Campaign, the exemption on Real Property Gains Tax (RPGT) and the lifting of the 70% cap on financing for a third property are all expected to benefit the property sector. Additionally, the launch or resumption of several infrastructure mega-projects that will complement upcoming residential and commercial developments within the vicinity and spur further development of rural areas is expected to boost the real estate industry.

Tinjauan Strategik
Strategic Outlook

Malaysia juga bakal meraih manfaat daripada kepesatan digitalisasi ekonomi global yang merupakan hasil penting sewaktu pandemik. Peralihan ke e-dagang, kewangan digital dan aktiviti masa lapang dalam talian telah mendorong peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan data dan peralatan elektronik. Sebagai pengeksport utama produk elektrik dan elektronik (E&E), industri E&E Malaysia akan terus disokong oleh usaha kerajaan ke arah kesinambungan digital yang lebih baik melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan pelan tindakan MyDigital. BSN juga memanfaatkan trend ini dengan memfokuskan ke arah digitalisasi.

Dalam mengorak langkah ke hadapan, pelaksaan Program Imunisasi Negara bagi COVID-19 dijangka akan meningkatkan sentimen ekonomi, penggunaan swasta dan pelaburan perniagaan, terutamanya pada separuh kedua tahun 2021. Dengan kadar vaksinasi yang akan dipercepatkan pada separuh kedua tahun ini, Malaysia dijangka mencapai imuniti kelompok pada suku pertama tahun 2022. Pemulihan meluas yang sedang dialami ekonomi tidak bererti akan kembali ke *status-quo-ante*. Ketidaktentuan yang tinggi di peringkat global dan ekonomi domestik akan terus mewarnai lanskap perniagaan. Syarikat-syarikat harus peka dan bersedia untuk berubah bagi menangani lanskap yang sangat mencabar ini.

Malaysia is also set to benefit from the rapid digitalisation of the global economy, which has been one of the most significant outcomes of the pandemic. The shift to e-commerce, digital finance and the growth of online leisure activities has spurred demand for both increased data services and the accompanying hardware. As a major exporter of electrical and electronic (E&E) products, Malaysia's E&E industry will be further supported by the government's drive towards greater digital connectivity through the National Digital Infrastructure Plan (JENDELA) and MyDigital blueprint. BSN is actively working to capitalise on this trend by accelerating digitalisation offerings of the Bank.

Going forward, the roll-out of the National Immunisation Programme for COVID-19 is expected to lift economic sentiment and should continue to boost private consumption and business investment, particularly over the second half of 2021. With the pace of vaccinations set to accelerate over the second half of the year, Malaysia expects to reach herd immunity by the first quarter of 2022. However, the broad rebound that the economy is experiencing will not mean a return to the status-quo-ante. Trends that emerged and accelerated during the COVID-19 pandemic are now embedded in the new business landscape and companies will have to evolve rapidly to continue thriving.

BSN PADA 2021: MENGUKUHKAN TERAS

Seiring dengan persekitaran perniagaan yang kian berkembang pesat, BSN akan mempergiatkan usahanya ke arah pengukuhan penawaran perkhidmatan berasaskan perbankan digital supaya perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan menjadi lebih cekap, berkualiti tinggi dan menyeluruh. Pada tahun 2021, BSN akan menjalankan penambahbaikan terhadap infrastruktur IT dan digitalnya untuk menjadi pemangkin kepada perbankan digital dan seterusnya dapat memberi perkhidmatan dengan lebih baik kepada pelanggannya. Dari sudut pengalaman pelanggan, inisiatif-inisiatif digital BSN adalah termasuk pelancaran platform Perbankan Mudah Alih kepada umum dan membolehkan pemindahan dana secara langsung melalui myBSN. BSN juga akan memanfaatkan platform Perbankan Desktop Korporatnya untuk melancarkan akaun semasa elektronik. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan bahawa BSN yakin penggunaan digitalisasi memainkan peranan yang penting untuk membantu BSN melaksanakan amanahnya dalam menyokong rangkuman kewangan dan juga untuk terus mengembangkan perniagaannya.

Keperluan pelanggan kami merupakan nadi dalam segala tindakan kami. Oleh itu, kami telah mengambil langkah-langkah yang teguh untuk melaksanakan Pelan Strategik Korporat kami iaitu STEP21 yang menggariskan perjalanan kami ke arah mencapai aspirasi *"Customer Centricity at the Heart of BSN"* menjelang tahun 2021. Untuk memastikan bahawa kami memberi pengalaman pelanggan yang terbaik, BSN akan melancarkan program *"Voice of Customer"* untuk memastikan segala maklum balas pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan kami diterima dan diberi maklumbalas sewajarnya. Selain itu, BSN juga akan mengambil bahagian dalam Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan tahunan yang dianjurkan oleh AIBIM untuk mengukur komitmen utama dan tahap piawaian perkhidmatan BSN berdasarkan Piagam Perkhidmatan Pengalaman Pelanggan. Inisiatif-inisiatif ini akan dijalankan seiring dengan pengukuhan penawaran digital yang juga disesuaikan dengan keperluan pelanggan kami.

Bagi mengekalkan kelestarian dan kestabilan kewangan, BSN akan terus memanfaatkan hubungannya yang kukuh bersama pihak berkepentingan utamanya, iaitu, Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia (BNM), termasuk juga pihak kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan. BSN juga akan terus memperkukuhkan hubungan eratnya dengan pihak kerajaan Negeri dan agensi-agensi ekonomi berkaitan. Kerjasama BSN dengan pihak berkepentingan ini mencerminkan mandat tersendirinya dalam mendorong rangkuman kewangan.

BSN IN 2021: STRENGTHENING THE CORE

Adapting to the rapidly-evolving business landscape, BSN will focus its efforts towards strengthening of digital offerings so that more efficient, high quality and comprehensive digital-based services will be available to its customers. For the year 2021, BSN will undertake major upgrades to its IT infrastructure and digital offerings in order to catalyse its push into digital banking and to better serve its customers. On the customer-facing front, BSN's digital initiatives will include the launch of its Mobile Banking to the public and enable direct funds transfers via myBSN. The bank will also leverage on its Corporate Desktop Banking platform to launch its e-current account. These measures reflect BSN's recognition that its embrace of digitalisation is critical to its ability to deliver on its mandate to support financial inclusion and to continue growing its business.

Our customers' needs are at the heart of everything that we do. Accordingly, we are taking concrete steps to deliver on our Corporate Strategic Plan, STEP21, which outlines our journey towards "Customer Centricity at the Heart of BSN" by the end of 2021. To ensure that we are delivering the best customer experience possible, BSN is initiating a Voice of Customer programme to ensure that our customers' feedback about their experiences and expectations for our products and services is adequately captured and responded to. At a broader level, BSN will also participate in the annual Customer Satisfaction Index Survey organised by AIBIM to measure the Bank's key commitments and service standards, as stipulated in the CX Service Charter. These initiatives will operate in-tandem with the expansion of our digital offerings that are tailored to our customers' needs.

To ensure the Bank's continued financial sustainability and stability, BSN will continue to leverage on its strong relationships with its main stakeholders, namely, the Ministry of Finance (MOF) and Bank Negara Malaysia (BNM), as well as other relevant ministries and government agencies. The Bank will also continue to strengthen its close co-operation with State governments and their economic agencies. BSN's co-operation with these stakeholders reflects its unique mandate of fostering financial inclusion.

Tinjauan Strategik
Strategic Outlook

Untuk terus kekal relevan dan berdaya saing di dalam pasaran perbankan runcit yang berkembang pesat, BSN akan terus mempelbagaikan penawaran produknya bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan serta menggunakan pendekatan penjualan yang lebih bersasar. BSN berhasrat untuk memanfaatkan peningkatan perbelanjaan pengguna pada tahun 2021 dengan melancarkan beberapa rangkaian kad kredit iaitu kad kredit "Cashback Platinum", kad kredit Persatuan Golf Malaysia dan kad kredit "Mastercard Ladies". BSN juga akan terus menawarkan produk dan perkhidmatan baru yang disesuaikan dengan keperluan kumpulan tertentu, termasuk golongan profesional, penjawat awam, guru dan pekerja sektor swasta. BSN juga berhasrat untuk memanfaatkan peningkatan pasaran hartanah dan automotif dengan melancarkan skim pembiayaan perumahan tambah nilai *(top-up home financing scheme)* untuk pelanggan sedia ada dan membuka Pusat Pembiayaan Automobil baharu di Kota Kinabalu. Selain itu, untuk meningkatkan simpanan runcit di pasaran yang berdaya saing, BSN akan melancarkan skim simpanan Tawarruq untuk memanfaatkan pasaran perbankan Islam yang kian berkembang pesat.

Walaupun BSN berterusan mengembangkan perniagaannya secara agresif, BSN tetap komited terhadap mandatnya untuk meningkatkan rangkuman kewangan kepada segmen yang kurang menerima perkhidmatan perbankan. Selaras dengan mandatnya, BSN akan sentiasa menyokong inisiatif-inisiatif kerajaan untuk membantu kumpulan sasar dalam memperoleh akses pembiayaan seperti pakej rangsangan PEMERKASA dan skim-skim pembiayaan mikro yang lain untuk pengusaha mikro, Skim Rumah Mampu Milik untuk kumpulan B40 dan Skim Perumahan Pekerja Estet. BSN juga terus menumpukan usahanya untuk menyalurkan bantuan kepada para pelanggan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 menerusi program moratorium dan bantuan bayaran balik bersasar. BSN juga akan terus berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan menerusi program pembayaran tanpa tunai di sekolah terpilih, di mana para pelajar dapat membuat pembelian menggunakan kad debit BSN di terminal *Point-of-Sale (POS)* BSN.

In order to stay relevant and ahead in the fast-evolving retail banking market, BSN will continue to diversify its product offerings to cater to customers' needs and to employ a more targeted sales approach. BSN aims to tap into the broad consumer spending rebound in 2021 by launching a series of differentiated credit cards, including the new Platinum cashback card, the Malaysian Golf Association card and the Mastercard Ladies' card. The Bank will continue to offer products and services tailored to the needs of specific groups, including professionals, civil servants, teachers and private sector employees. BSN also aims to leverage on the rebound in the property and automotive markets by launching a top-up home financing scheme for its existing customers and opening a new Auto Finance Centre in Kota Kinabalu. Additionally, in order to grow retail deposits in a very competitive market, BSN will launch its Tawarruq savings scheme to tap further into the fast-growing Islamic banking market.

Even as we continue to aggressively grow our business, BSN remains committed to its mandate of increasing financial inclusion to the underserved segments. In line with its mandate, BSN will continue to support government initiatives to help target groups gain access to financing through schemes such as the PEMERKASA stimulus package and other micro financing schemes for micro-entrepreneurs, the Affordable Home Scheme for the B40 group and the Estate Workers' Housing Scheme. BSN will continue to focus on its effort to assist customers who are affected by the COVID-19 pandemic through our moratorium and targeted repayment assistance programmes. BSN will also continue to collaborate with the Ministry of Education through the Bank's cashless payment programme which allows students in selected schools to make purchases using the BSN debit card at BSN Point-of-Sale (POS) terminals.

Menyedari pentingnya fungsi kawalan dalaman Bank, BSN akan terus memperkukuh dasar dan garis panduan risiko pasarannya, menyediakan sistem maklumat risiko operasi dan mendapatkan peralatan ujian tekanan bersepadu *(integrated stress test tool)* bagi memantapkan lagi kemampuan pengurusan risikonya. Pada masa yang sama, kedua-dua fungsi Pematuhan dan Audit Dalaman akan dipertingkatkan melalui pelaksanaan program pembelajaran yang berterusan.

BSN mengiktiraf modal insan sebagai aset paling berharga. Oleh itu, BSN akan terus melabur dalam memperkasakan bakat dalaman sebagai sebahagian dari program Budaya Berprestasi Tinggi *(High Performance Culture programme)*. Pada tahun 2021, BSN akan menjalankan kajian dan analisis untuk mengenal pasti sebarang jurang atau kekurangan kemahiran pada pelbagai peringkat BSN. Bagi melengkapkan warga kerjanya dengan kemahiran yang diperlukan untuk mencapai strategi pertumbuhannya, BSN akan meneruskan kerjasama dengan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) untuk program pensijilan pekerja seperti Jurubank Bertauliah, Juruaudit Bank dan Pegawai Pematuhan AML/CFT. Melangkah ke hadapan, BSN akan melaksanakan program pengurusan bakat dan perancang penggantian yang komprehensif bagi memastikan modal insan yang tepat berada di kedudukan yang tepat.

Dengan unjuran untuk tahun 2021 dan kesan jangka panjang yang telah dikenal pasti, BSN percaya bahawa strategi dan pelan yang telah dirancang untuk tahun 2021 akan dapat menyokong usaha BSN untuk kekal mampan dan dalam masa yang sama melaksanakan mandat yang diamanahkan.

Acknowledging the importance of the control function within the Bank, BSN will continue to strengthen its market risk policy and guidelines, have in place an operational risk information system and acquire an integrated stress test tool to further strengthen its risk management capabilities. At the same time, both the Compliance and Internal Audit functions will be further strengthened through the implementation of a continuous learning programme.

BSN recognises that its human capital is its most valuable asset. Accordingly, the Bank will continue to invest in developing talent as part of its High Performance Culture programme. In 2021, BSN will undertake a robust gap analysis study to identify gaps or skill sets lacking at various levels in the Bank. To equip its people with the skills necessary to deliver on its growth strategy, BSN will continue its partnership with the Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) for employee certification programmes such as for Chartered Bankers, Bank Auditors and AML/CFT Compliance Officers. Moving forward, in order to ensure that it has the right people in the right positions, the Bank will implement a comprehensive talent management and succession planning programme.

Given the outlook for 2021 and the impact of the longer-term trends that we have identified, BSN believes that the strategies and plans outlined for 2021 will continue to support the Bank to remain sustainable while continuing to serve its mandate.

Laporan Aktiviti
Activities Report

PENGAGIHAN NASI LEMAK KEPADA PELANGGAN SEMPENA PELANCARAN JENAMA CSR BSN – BSN CARE

5 – 30 Januari 2020 – Cawangan Utama BSN Seluruh Negara

Bersempena pelancaran jenama Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BSN, BSN Care pada bulan Disember 2019, pihak BSN telah mengadakan program pengagihan nasi lemak di Cawangan Utama BSN seluruh negara. Ini adalah salah satu inisiatif pihak Bank bagi mempromosikan penjenamaan baharu bagi program CSR BSN dan dalam masa yang sama menghargai sokongan dan kesetiaan para pelanggannya.

DISTRIBUTION OF NASI LEMAK TO CUSTOMERS IN CONJUNCTION WITH THE LAUNCH OF BSN CSR BRAND – BSN CARE

5 – 30 January 2020 – BSN Main Branches Nationwide

In conjunction with the special launch of BSN's Corporate Social Responsibility (CSR), BSN Care in December 2019, BSN held a nasi lemak distribution programme at BSN Main Branches nationwide. This is one of the Bank's initiatives to promote new branding for BSN's CSR programme and at the same time show appreciation for the support and loyalty of its customers.

PENGAGIHAN NASI LEMAK KEPADA RAKAN MEDIA SEMPENA PELANCARAN JENAMA CSR BSN – BSN CARE

9 Januari 2020 – Wisma BERNAMA, Kuala Lumpur & The New Straits Times Press, Bangsar, Kuala Lumpur

Sempena pelancaran jenama CSR BSN juga, aktiviti pengagihan nasi lemak turut diadakan bersama rakan media terpilih iaitu Bernama dan New Straits Times Press (NSTP). Pengagihan nasi lemak ini adalah sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak media yang telah banyak membantu dalam membuat liputan dan menyiarkan berita mengenai BSN. Aktiviti ini juga diadakan bagi mempromosikan penjenamaan baharu program CSR BSN iaitu BSN Care. Pengagihan nasi lemak ini telah diketuai oleh Puan Aizurra Mellissa Muzammil, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik dan Puan Arida Ariffin, bekas Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat.

BSN CSR BRAND LAUNCH WITH MEDIA PARTNERS – BSN CARE

9 January 2020 – Wisma BERNAMA, Kuala Lumpur & The New Straits Times Press, Bangsar, Kuala Lumpur

In conjunction with the launch of the BSN CSR brand, nasi lemak was distributed to media partners, Bernama and New Straits Times Press (NSTP). The distribution of nasi lemak is a small gesture to recognise and appreciate the media who have provided great support covering and broadcasting news about BSN. This activity was also held to promote the new branding of BSN's CSR programme, BSN Care. The distribution of nasi lemak was led by Puan Aizurra Mellissa Muzammil, Head of Strategic Communications Department and Puan Arida Ariffin, former Manager of the Corporate Affairs Division.

MAJLIS PELANTIKAN IKON PELAJAR BSN 2020

30 Januari 2020 – SMK Gunung Rapat, Perak

BSN telah mengumumkan Ikon Pelajar BSN buat julung-julung kalinya. Muhammad Azeem bin Mohd Fahmi, atlet olahraga remaja (lari pecut) telah dilantik sebagai Ikon Pelajar BSN di bawah segmen Sukan iaitu salah satu daripada empat (4) segmen utama jenama Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) BSN, BSN Care. Azeem telah berjaya mencipta rekod dunia sebagai remaja terpantas di dunia untuk peringkat umur bawah 16 tahun dalam acara lari 200 meter. Catatan masa 21.24 saat(s) telah dicapai beliau dalam Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) di Johor. Sebagai Ikon Pelajar BSN, Azeem menerima tajaan pembelajaran selama dua (2) tahun selain bertindak sebagai ikon pelajar rasmi kepada BSN bagi memberi inspirasi kepada remaja lain untuk terus mencapai kejayaan dalam bidang sukan serta akademik.

BSN STUDENT ICON 2020 APPOINTMENT CEREMONY

30 January 2020 – SMK Gunung Rapat, Perak

BSN announced the very first BSN Student Icon. Muhammad Azeem bin Mohd Fahmi, a teenage athlete (sprinter) has been appointed as the BSN Student Icon under the Sports strand, which is one of the four (4) main strands of BSN's Corporate Social Responsibility (CSR) brand, BSN Care. Azeem achieved a world record as the fastest teenager in the world in the 200 metre event for the under-16 age group. He set a time of 21.24 seconds at the Malaysian Schools Sports Council (MSSM) Athletics Championship in Johor. As a BSN Student Icon, Azeem received academic sponsorship for two (2) years during which he will act as an official student icon for BSN to inspire other teenagers to continue to achieve success in sports and academics.

Laporan Aktiviti
Activities Report

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA BSN & PMB INVESTMENT BERHAD

4 Februari 2020 – Hotel Maya, Kuala Lumpur
BSN telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama PMB Investment Bhd (PMB Investment), anak syarikat Pelaburan MARA Bhd, sebagai Perunding Unit Amanah Institusi (IUTA) rasminya.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN dan Encik Najmi Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif PMB Investment sambil disaksikan oleh Encik Razali Othman, bekas Timbalan Pengerusi BSN; Datuk Yunos Abd Ghani, bekas Ketua Eksekutif BSN; Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pelaburan Mara Bhd dan Datuk Zulfikri Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan) Majlis Amanah Rakyat (MARA).

BSN merupakan IUTA ke-tujuh yang dilantik oleh PMB Investment sebagai pengedar rasmi dua (2) daripada 15 produk PMB Investment melalui cawangannya di seluruh negara iaitu PMB Shariah Premier Fund (Dana Ekuiti) dan PMB Shariah Cash Management Fund (Dana Pasaran Wang). Kerjasama strategik ini diharapkan dapat memberi tawaran produk yang lebih meluas kepada pelanggan BSN sekaligus memenuhi keperluan pelaburan BSN dalam pasaran kewangan yang semakin berkembang.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING SIGNING CEREMONY BETWEEN BSN & PMB INVESTMENT BERHAD

4 February 2020 – Maya Hotel, Kuala Lumpur
BSN has signed a Memorandum of Understanding (MoU) with PMB Investment Bhd (PMB Investment), a subsidiary of Pelaburan MARA Bhd, as its official Institutional Unit Trust Consultant (IUTA).

The MoU was signed by Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Chief Business Officer of BSN and Encik Najmi Mohamed, Chief Executive Officer of PMB Investment while witnessed by Encik Razali Othman, former Deputy Chairman of BSN; Datuk Yunos Abd Ghani, former Chief Executive of BSN; Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Acting Chief Executive Officer of Kumpulan Pelaburan Mara Bhd and Datuk Zulfikri Osman, Deputy Director General (Entrepreneurship) of Majlis Amanah Rakyat (MARA).

BSN is the seventh IUTA appointed by PMB Investment as the official distributor of two (2) of PMB Investment's 15 products through its branches nationwide, namely PMB Shariah Premier Fund (Equity Fund) and PMB Shariah Cash Management Fund (Money Market Fund). It is hoped that this strategic partnership will provide a wider product offering to BSN's customers as well as meet BSN's investment needs in the growing financial markets.

AKTIVITI BERSAMA MEDIA SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA

5 Februari 2020 – Sin Chew Daily, Petaling Jaya, Selangor
BSN telah mengadakan aktiviti bersama media berbangsa Cina sempena perayaan Tahun Baru Cina dengan organisasi media terpilih. Aktiviti ini diadakan bagi menghargai kerjasama dan bantuan pihak media dalam menyalurkan berita-berita BSN di samping mengeratkan lagi hubungan baik antara BSN dan organisasi Media Cina. Antara aktiviti yang dilakukan adalah penghantaran limau mandarin serta angpau raya ke beberapa organisasi media terpilih serta aktiviti Lou Sang bersama Sin Chew Daily.

MEDIA ACTIVITIES IN CONJUNCTION WITH THE CHINESE NEW YEAR CELEBRATION

5 February 2020 – Sin Chew Daily, Petaling Jaya, Selangor
BSN held joint activities with the Chinese language media and selected media organisations in conjunction with the Chinese New Year celebration. This activity was held in recognition of the cooperation and assistance of the media in channeling BSN news as well as to strengthen the good relationship between BSN and the Chinese Media organisations. Among the activities carried out were the delivery of mandarin oranges and money packets to selected media organisations as well as Lou Sang's activities with Sin Chew Daily.

MAJLIS PELANCARAN INISIATIF PENDIGITALAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

17 Februari 2020 – Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, Selangor

BSN telah memeterai kolaborasi strategik bersama Kumpulan SME Bank dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bagi inisiatif pendigitalan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, bekas Menteri Kewangan Malaysia diringi oleh Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, bekas Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Yang Berhormat Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah, bekas Timbalan Menteri Kewangan Malaysia serta Yang Berhormat Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Ramli, bekas Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia.

Turut sama hadir di majlis berkenaan adalah Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid, Pengerusi BSN; Dato' Seri Nazir Ariff, Pengerusi Kumpulan SME Bank; Datuk Yunos Abd Ghani, bekas Ketua Eksekutif BSN; Encik Aria Putera Ismail, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SME Bank dan Puan Surina Shukri, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

Kementerian Kewangan Malaysia telah melantik BSN sebagai peneraju utama dengan kerjasama strategik bersama Kumpulan SME Bank dan MDEC untuk menyalurkan geran padanan *(matching grant)* kepada usahawan PKS bagi memantapkan penggunaan aplikasi digital dalam operasi perniagaan mereka.

Kerajaan memberikan penekanan kepada pemerkasaan proses pendigitalan, khususnya untuk sektor PKS, kerana ia penting bagi memastikan syarikat tempatan mampu terus bersaing pada masa hadapan. BSN sentiasa menyokong hasrat kerajaan dalam usaha untuk mentransformasikan Malaysia kepada ekonomi digital.

SMALL AND MEDIUM ENTERPRISE (SME) DIGITISATION INITIATIVE LAUNCHING CEREMONY

17 February 2020 – Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, Selangor

BSN has entered into a strategic collaboration with the SME Bank Group and Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) for the Small and Medium Enterprise (SME) digitisation initiative in Malaysia.

The opening ceremony was officiated by Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, former Minister of Finance Malaysia accompanied by Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, former Minister of Communications and Multimedia Malaysia, Yang Berhormat Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah, former Deputy Minister of Finance Malaysia and Yang Honourable Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Ramli, former Deputy Minister of Entrepreneur Development and Cooperatives Malaysia.

Also present at the ceremony were Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid, BSN Chairman; Dato' Seri Nazir Ariff, Chairman of SME Bank Group; Datuk Yunos Abd Ghani, former Chief Executive of BSN; Encik Aria Putera Ismail, President/Chief Executive Officer of SME Bank Group and Puan Surina Shukri, Chief Executive Officer of Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

The Ministry of Finance Malaysia has appointed BSN as the main leader in a strategic partnership with the SME Bank Group and MDEC to channel matching grants to SME entrepreneurs to strengthen the use of digital applications in their business operations.

The Government emphasizes strengthening the digitisation process, especially for the SME sector, in order to ensure that local companies are able to remain competitive in the future. BSN has always supported the government's aspirations in its efforts to transform Malaysia into a digital economy.

Laporan Aktiviti
Activities Report

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH GRAND BONANZA & CARE FOR MALAYSIAKU

17 Mac 2020 – Wisma Ehsan, Shah Alam, Selangor
Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang kempen Grand Bonaza & BSN Care for Malaysiaku telah diadakan pada 17 Mac 2020. Pemenang utama bagi kedua-dua kempen iaitu Encik Abu Ubaidah, 27, pemenang bagi kempen Care for Malaysiaku iaitu kempen Pembiayaan Peribadi BSN MyRinggit/i dan Puan Siti Rohana, 34, pemenang kempen Grand Bonanza iaitu kempen Pembiayaan Perumahan BSN MyHome/i telah membawa pulang hadiah utama kereta Proton X70.

Kempen ini merupakan salah satu inisiatif pihak BSN bagi menghargai pelanggan setia yang menggunakan pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Bank. Seramai 20,000 pelanggan telah menyertai kempen tersebut yang diadakan secara serentak bermula 1 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019. Selain itu, dua (2) orang pemenang bulanan kempen Care for Malaysiaku turut membawa pulang baucar Habib Jewels bernilai RM5,000 setiap seorang berserta baucar petrol bernilai RM500 untuk 50 orang pemenang bulanan sepanjang tempoh kempen berlangsung.

GRAND BONANZA & CARE FOR MALAYSIAKU PRIZE GIVING CEREMONY

17 March 2020 – Wisma Ehsan, Shah Alam, Selangor
The prize giving ceremony for the winners of the Grand Bonanza & BSN Care for Malaysiaku campaigns were held on 17 March 2020. Encik Abu Ubaidah, 27, won the Care for Malaysiaku campaign, which is part of BSN MyRinggit/i Personal Financing campaign. Puan Siti Rohana, 34, won the Grand Bonanza campaign, under the BSN MyHome/i Housing Financing campaign. Both took home the grand prize of a Proton X70 car.

This campaign is one of BSN's initiatives to reward loyal customers who use the various services offered by the Bank. A total of 20,000 customers participated in the campaign, which was held from 1 August 2019 to 31 December 2019. In addition, two monthly winners of the Care for Malaysia campaign also took home Habib Jewel's vouchers worth RM5,000 each. 50 monthly winners each received petrol vouchers worth RM500 throughout the campaign.

BSN HULUR SUMBANGAN CEGAH COVID-19

2 April 2020

BSN melalui jenama Tanggungjawab Sosial korporat (CSR) BSN, BSN Care, telah menyampaikan sumbangan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi Tabung Bantuan Perubatan serta beberapa hospital dan organisasi yang turut berperanan dalam menangani penularan wabak Koronavirus (COVID-19).

Sumbangan berjumlah RM120,000 secara keseluruhannya telah disalurkan kepada KKM dan organisasi seperti berikut:

1. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**
   Sumbangan dalam bentuk dana kepada KKM menerusi Tabung Bantuan Perubatan COVID-19 bagi membantu membiayai kos alat-alat kelengkapan perubatan, ubat-ubatan, bahan pakai buang serta keperluan-keperluan lain berkaitan di fasiliti KKM.

2. **National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)**
   Sumbangan bagi membantu membiayai kos penghasilan *hand sanitiser* dalam skala besar yang mempunyai permintaan tinggi bagi kegunaan petugas-petugas barisan hadapan serta orang ramai.

3. **University Malaya Medical Centre (UMMC)**
   Sumbangan bagi membantu UMMC menampung kos Peralatan Perlindungan Peribadi seperti *Disposable PE Apron* dan Thermal Thermometers untuk digunakan oleh kakitangan perubatan UMMC semasa merawat pesakit COVID-19 bagi mengelakkan daripada dijangkiti.

4. **Association of Islamic Banking & Financial Institutions Malaysia (AIBIM)**
   Selaku ahli AIBIM, BSN turut sama menyumbang dana bagi membantu Hospital Sg. Buloh dan Hospital Kuala Lumpur menyediakan kelengkapan perubatan bagi petugas-petugas barisan hadapan kedua-dua hospital tersebut.

Bantuan ini diharapkan dapat sedikit sebanyak membantu wira-wira negara yang bertugas demi keselamatan negara.

BSN COVID-19 RELIEF CONTRIBUTIONS

2 April 2020

BSN, through its Corporate Social Responsibility (CSR) brand, BSN Care, has contributed to the Ministry of Health Malaysia (MOH) through the Medical Assistance Fund as well as several hospitals and organisations that also play a role in tackling Coronavirus (COVID-19).

Contributions amounting to RM120,000 in total were channeled to the MOH and the following organisations:

1. **Ministry of Health Malaysia (MOH)**
   Contribution in the form of funds to the MOH through the COVID-19 Medical Assistance Fund to help finance the cost of medical equipment, medicines, disposable materials and other related needs at MOH facilities.

2. **National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)**
   Contributions to help finance the cost of producing large-scale hand sanitisers which are in high demand for use by frontline workers as well as the public.

3. **University Malaya Medical Centre (UMMC)**
   Donations to help UMMC cover the cost of Personal Protective Equipment such as Disposable PE Aprons and Thermal Thermometers to be used by UMMC medical staff while treating COVID-19 patients to prevent infection.

4. **Association of Islamic Banking & Financial Institutions Malaysia (AIBIM)**
   As a member of AIBIM, BSN also contributed funds to help Hospital Sg. Buloh and Kuala Lumpur Hospital provide medical equipment for the front-line staff of the two hospitals.

It is hoped that this assistance will, to some extent, support the national heroes who work to keep our nation safe.

Laporan Aktiviti
Activities Report

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH UNTUK 'TOKOH GURU KEBANGSAAN & TOKOH KEPIMPINAN PENDIDIKAN'

15 Mei 2020 – Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya
Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama BSN telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah kepada Tokoh Guru Kebangsaan & Tokoh Kepimpinan Pendidikan sebagai tanda terima kasih bersempena dengan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia telah menyampaikan hadiah berupa BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) bernilai RM50,000 kepada Tokoh Guru Kebangsaan, Puan Nor Hainei binti Abu Bakar dan Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan, Haji Aminuddin bin Adam. Penyampaian kedua-dua anugerah ini bertujuan untuk menghargai jasa, bakti serta sokongan yang telah disumbangkan oleh Puan Nor Hainei dan Haji Aminuddin dalam membentuk generasi muda berjaya pada masa akan datang menerusi pendidikan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat. Dr. Mohd Radzi Md Jidin, Menteri Kanan Pendidikan; Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon, Timbalan Menteri Pendidikan I; Tuan Muslimin bin Yahaya, Timbalan Menteri Pendidikan II; Dato' Dr. Mohd Ghazali Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan; Dr. Habibah Abdul Rahim, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia serta Datuk Yunos Abd Ghani, bekas Ketua Eksekutif BSN.

PRIZE GIVING CEREMONY FOR NATIONAL TEACHER & EDUCATIONAL LEADERSHIP AWARDS

15 May 2020 – Prime Minister's Office, Putrajaya
The Ministry of Education Malaysia in collaboration with BSN held a Prize Giving Ceremony for National Teachers & Educational Leadership Award winners as a token of gratitude in conjunction with the National Teachers' Day celebration.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Prime Minister of Malaysia presented a gift in the form of BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) worth RM50,000 to the National Teacher, Puan Nor Hainei binti Abu Bakar and the National Education Leader, Haji Aminuddin bin Adam. The presentation of these two awards celebrates the services, devotion and support that Puan Nor Hainei and Haji Aminuddin have demonstrated in developing a successful future generation through education.

Also present at the ceremony was Yang Berhormat Dr. Mohd Radzi Md Jidin, Senior Minister of Education; Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon, Deputy Minister of Education I; Tuan Muslimin bin Yahaya, Deputy Minister of Education II; Dato' Dr. Mohd Ghazali Abas, Secretary General of the Ministry of Education; Dr. Habibah Abdul Rahim, Director General of Education Malaysia and Datuk Yunos Abd Ghani, former Chief Executive of BSN.

SESI PENYERAHAN BUBUR LAMBUK OLEH YANG BERHOMAT SENATOR TENGKU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ, MENTERI KEWANGAN MALAYSIA DI CAWANGAN BSN PUTRAJAYA

20 Mei 2020 – Cawangan BSN Putrajaya

Pada bulan Ramadan yang lalu, Cawangan BSN Putrajaya telah menerima kunjungan rasmi daripada Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia. Kunjungan singkat itu telah disambut oleh wakil Pengurusan BSN iaitu Encik Ahmad Noh Jeni, bekas Ketua Jabatan Operasi Perbankan dan Encik Hafis Hashim, Pengarah Negeri Selangor.

Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri turut mengambil peluang untuk melawat kakitangan BSN yang bertugas di kaunter cawangan serta beramah mesra dengan para pelanggan. Sebelum berangkat, sesi fotografi berkumpulan mengikut SOP telah diadakan.

LAMBUK PORRIDGE DISTRIBUTION BY YANG BERHORMAT SENATOR TENGKU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ, MINISTER OF FINANCE MALAYSIA AT BSN PUTRAJAYA BRANCH

20 May 2020 – BSN Putrajaya Branch

Last Ramadan, the BSN Putrajaya Branch received an official visit from the Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Minister of Finance Malaysia. The brief visit was welcomed by BSN Management representatives, namely Encik Ahmad Noh Jeni, former Head of the Banking Operations Department and Encik Hafis Hashim, Selangor State Director.

Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri also took the opportunity to visit BSN staff working at the branch counters and socialise with customers. Before leaving, a group photography session in accordance with the SOP was held.

BSN CARE RAMADAN/RAYA 2020

22 Mei 2020

Program BSN Care Ramadan/Raya 2020 telah dijalankan melalui edaran pek makanan asas kepada golongan yang kurang berkemampuan/asnaf/ibu tunggal seramai 300 buah keluarga di seluruh negara. Program ini dijalankan melalui BSN Negeri yang mana pek makanan asas diagihkan kepada penerima berupa beras, minyak masak, tepung, gula, kicap, kopi/teh, biskut, mihun dan lain-lain lagi bernilai RM150 bagi setiap keluarga. Sejumlah RM45,500 telah diperuntukkan bagi program ini.

BSN CARE RAMADAN/RAYA 2020

22 May 2020

The BSN Care Ramadan/Raya 2020 programme distributed basic food packs to the less fortunate, asnaf and single mothers of 300 families throughout the country. This programme is conducted through BSN Negeri where basic food packs comprising of rice, cooking oil, flour, sugar, soy sauce, coffee, tea, biscuits, noodles and others worth RM150 are provided for each family. A total of RM45,500 has been allocated for this programme.

Laporan Aktiviti
Activities Report

KUNJUNGAN YANG BERHORMAT SENATOR TENGKU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ, MENTERI KEWANGAN MALAYSIA KE WISMA BSN

15 Jun 2020 – Auditorium, Wisma BSN

BSN telah menerima kunjungan hormat daripada Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia. Ini merupakan kunjungan julung-julung kali Menteri Kewangan Malaysia ke BSN dan telah disambut oleh Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid, Pengerusi BSN diiringi oleh Datuk Yunos Abd Ghani, bekas Ketua Eksekutif BSN.

Satu sesi *tele-presence* juga turut diadakan bersama Cawangan Utama BSN di seluruh negera. Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri turut menyampaikan amanat, kata-kata semangat dan penghargaan kepada warga BSN terutamanya dalam memberikan layanan kepada pelanggan ketika tempoh penularan COVID-19.

Beliau turut dibawa ke Cawangan Utama Negeri Kuala Lumpur untuk melihat dengan lebih dekat transaksi perbankan BSN di kaunter selain keadaan persekitaran cawangan tersebut. Beliau juga turut diberi taklimat mengenai SOP yang dipraktikkan oleh BSN selaras dengan saranan Majlis Keselamatan Negara. Menteri Kewangan Malaysia juga tidak melepaskan peluang untuk menyimpan dalam BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) di Cawangan Kuala Lumpur.

VISIT OF THE YANG BERHORMAT SENATOR TENGKU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGKU ABDUL AZIZ, MINISTER OF FINANCE MALAYSIA TO WISMA BSN

15 June 2020 – Auditorium, Wisma BSN

BSN received a courtesy call from Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Minister of Finance Malaysia. This was the first visit of the Malaysian Minister of Finance to BSN and he was welcomed by Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid, Chairman of BSN accompanied by Datuk Yunos Abd Ghani, former Chief Executive of BSN.

An online session was also held with BSN Main Branches throughout the country. Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri conveyed messages of encouragement and appreciation to BSN staff, especially in providing services to customers during the COVID-19 pandemic.

He was also taken to the Kuala Lumpur State Main Branch to take a closer look at BSN's banking transactions at the counter as well as the environmental conditions of the branch. He was also briefed on the SOPs practiced by BSN in line with the recommendations by the National Security Council. The Malaysian Minister of Finance also did not miss the opportunity to save in BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) at the Kuala Lumpur Branch.

PELANCARAN KEMPEN DUIT FOR BABY & BSN MYFIRST

15 Jun 2020 – Auditorium, Wisma BSN

BSN dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) telah bekerjasama melancarkan kempen 'DUIT for Baby' untuk memperkenalkan BSN MyFirst iaitu skim simpanan baharu BSN bagi membantu ibu bapa merancang masa depan anak-anak mereka. Pelancaran kempen tersebut telah dihadiri oleh Dato' Mohd Shaq bin Abdullah, bekas Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kesihatan Malaysia selaku wakil khas kepada Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, bekas Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia. Turut hadir di majlis berkenaan adalah Encik Azaddin Ngah Tasir, Ketua Pegawai Eksekutif AKPK dan Datuk Yunos Abd Ghani, bekas Ketua Eksekutif BSN.

Kempen 'DUIT for Baby' ini memberi fokus untuk mendidik ibu bapa muda mengenai perancangan kewangan apabila memulakan sesebuah keluarga menerusi modul-modul pendidikan kewangan secara dalam talian. Modul-modul ini juga turut memberi penekanan terhadap belanjawan, pengurusan aliran tunai, kos melahirkan bayi serta perlindungan dan perancangan untuk pendidikan anak-anak. Selain itu program ini turut menerima sokongan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kempen yang berlangsung dari 23 Jun sehingga 31 Disember 2020 ini telah dibuka kepada semua ibu bapa yang membuat simpanan dengan BSN MyFirst untuk anak-anak mereka yang berumur bawah tujuh (7) tahun.

LAUNCH OF DUIT FOR BABY & BSN MYFIRST CAMPAIGN

15 June 2020 – Auditorium, Wisma BSN

BSN and the Credit Counselling & Debt Management Agency (Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit, AKPK) have collaborated to launch the 'DUIT for Baby' campaign to introduce BSN MyFirst, BSN's new savings scheme to help parents plan for their children's future. The launch of the campaign was attended by Dato' Mohd Shaq bin Abdullah, former Deputy Secretary General (Management), Ministry of Health Malaysia as a special representative to Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, former Secretary General, Ministry of Health Malaysia. Also present at the ceremony were Encik Azaddin Ngah Tasir, Chief Executive Officer of AKPK and Datuk Yunos Abd Ghani, former Chief Executive of BSN.

The 'DUIT for Baby' campaign, through online financial education modules focuses on educating young parents on financial planning when starting a family. These modules develop family budgeting and cash flow management skills including childbirth costs as well as protection and planning for children's education. It also received support from the Ministry of Health Malaysia.

The campaign, which runs from 23 June to 31 December 2020 is open to all parents who have savings with BSN MyFirst for their children under the age of seven (7) years.

Laporan Aktiviti
Activities Report

LAWATAN KERJA RASMI YANG BERHORMAT TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II KE CAWANGAN UTAMA NEGERI SABAH

9 Julai 2020 – Cawangan Utama Negeri BSN Sabah

BSN telah menerima kunjungan kerja rasmi daripada Yang Berhormat Tuan Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan II. Kunjungan julung-julung kali ini telah disambut oleh Encik Mujibburrahman Abdul Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN. Yang Berhormat Tuan Mohd Shahar turut mengambil peluang ini untuk melawat Cawangan Utama BSN Sabah serta kakitangan yang berada di pejabat. Beliau turut beramah mesra dan mengakhiri lawatan tersebut dengan sesi fotografi berkumpulan mengikut SOP.

OFFICIAL WORKING VISIT OF THE YANG BERHORMAT TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH, DEPUTY MINISTER OF FINANCE II TO THE SABAH MAIN BRANCH

9 July 2020 – BSN Sabah State Main Branch

BSN received an official working visit from Yang Berhormat Tuan Mohd Shahar bin Abdullah, Deputy Minister of Finance II who was welcomed by Encik Mujibburrahman Abdul Rashid, Chief Business Officer of BSN. Yang Berhormat Tuan Mohd Shahar also took this opportunity to visit the Main Branch of BSN Sabah as well as to meet the staff in the office and ended the visit with a group photography session in accordance with the SOP.

KUNJUNGAN KE PEJABAT AKHBAR NEW STRAITS TIMES (NST) BERSEMPENA ULANG TAHUN KE-175

15 Julai 2020 – New Straits Times Press (M) Sdn Bhd, Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur

BSN telah membuat kunjungan rasmi ke Pejabat Akhbar New Straits Times Press (M) Sdn Bhd yang terletak di Bangsar, Kuala Lumpur bagi meraikan ulang tahun akhbar New Straits Times (NST) yang ke-175 tahun. Kunjungan BSN ke NST telah disertai oleh Puan Aizurra Mellissa Muzammil, Ketua Jabatan Komunikasi Strategik diiringi Puan Arida Ariffin, bekas Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat dan beberapa kakitangan Jabatan Komunikasi Strategik yang lain. Majlis turut dimeriahkan dengan penyerahan kek ulang tahun kepada Bahagian Editorial NST.

VISIT TO THE NEW STRAITS TIMES (NST) PRESS OFFICE IN CONJUNCTION WITH ITS 175TH ANNIVERSARY

15 July 2020 – New Straits Times Press (M) Sdn Bhd, Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur

BSN paid an official visit to the New Straits Times Press (M) Sdn Bhd Press Office to celebrate the 175th anniversary of the New Straits Times (NST). BSN's visit to NST was led by Puan Aizurra Mellissa Muzammil, Head of Strategic Communications Department accompanied by Puan Arida Ariffin, former Corporate Affairs Division Manager and other staff of the Strategic Communications Department. The anniversary was celebrated with the presentation of a birthday cake to the NST Editorial Division.

PELANCARAN KEMPEN 'DUIT FOR BABY' DAN BSN MYFIRST DI TERENGGANU

6 Ogos 2020 – Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT), Kuala Terengganu

BSN dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) meneruskan lagi usaha untuk melahirkan masyarakat celik kewangan dengan melancarkan kempen 'DUIT for Baby' untuk memperkenalkan skim simpanan baharu BSN – 'BSN MyFirst' di peringkat Negeri Terengganu. Majlis pelancaran ini diadakan di Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT) dan dihadiri oleh Tuan Haji Hanaah bin Mat, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga dan Perpaduan Nasional; Puan Hajah Zuraida Mohd Noor, ADUN Wanita Terengganu; Puan Nor Fazleen Zakaria, Pengurus Besar Bahagian Operasi AKPK dan Encik Mohammad Khasnieddy Khasimi, Pengarah Negeri BSN Terengganu.

LAUNCH OF 'DUIT FOR BABY' AND BSN MYFIRST CAMPAIGN IN TERENGGANU

6 August 2020 – Terengganu Science & Creativity Centre (TSCC), Kuala Terengganu

BSN in collaboration with the Credit Counselling and Debt Management Agency (AKPK) continues its efforts to create a financially literate society by launching the 'DUIT for Baby' campaign to introduce BSN's new savings scheme - 'BSN MyFirst' at the Terengganu State level. The launching ceremony was held at the Terengganu Science & Creativity Center (TACC) and was attended by Tuan Haji Hanaah bin Mat, Chairman of the Welfare, Women & Family Development and National Unity Committee; Puan Hajah Zuraida Mohd Noor, Terengganu Women ADUN; Puan Nor Fazleen Zakaria, General Manager of AKPK Operations Division and Encik Mohammad Khasnieddy Khasimi, State Director of BSN Terengganu.

AKTIVITI BERSAMA MEDIA – PENYERAHAN PEK MAKANAN TENGAH HARI KEPADA MEDIA

18 & 19 Ogos 2020

BSN telah mengadakan aktiviti bersama media melalui inisiatif penyerahan pek makanan tengah hari kepada organisasi media terpilih sebagai menghargai kerjasama dan bantuan pihak media dalam menyalurkan berita-berita BSN sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MEDIA ACTIVITIES – PRESENTATION OF LUNCH PACKS TO THE MEDIA

18 & 19 August 2020

BSN has provided lunch packs to selected media organisations in appreciation of the cooperation and assistance of the media in channeling BSN news during the period of the Movement Control Order (PKP).

Laporan Aktiviti
Activities Report

LAWATAN KERJA RASMI YANG BERHORMAT DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN I KE CAWANGAN UTAMA NEGERI BSN SABAH

7 Ogos 2020 – Cawangan Utama Negeri BSN Sabah
Pihak BSN sekali lagi menerima kunjungan lawatan kerja rasmi, kali ini daripada Yang Berhormat Datuk Abd Rahim bin Bakri, Timbalan Menteri Kewangan I. Yang Berhormat Datuk Abd Rahim telah meluangkan masa melawat cawangan serta mengadakan taklimat ringkas bersama pegawai-pegawai di sana.

OFFICIAL WORKING VISIT OF THE YANG BERHORMAT DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI, DEPUTY MINISTER OF FINANCE I TO THE MAIN BRANCH OF BSN SABAH

7 August 2020 – BSN Sabah Main Branch
BSN once again received an official working visit, this time from Yang Berhormat Datuk Abd Rahim bin Bakri, Deputy Minister of Finance I. Yang Berhormat Datuk Abd Rahim visited the branch and had a briefing with the officers.

KEMPEN 'BELANJA & MENANG DENGAN BSN-TEACHERS MASTERCARD'

11 September 2020, Wisma BSN
Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang kempen 'Belanja & Menang dengan BSN-Teachers Mastercard' telah diadakan pada 11 September 2020. Bakri bin Mat Drus, guru dari SK Demang Taha, Masjid Tanah, Melaka merupakan pemenang hadiah utama bagi kempen ini dan berjaya membawa pulang sebuah kereta Proton X70. Kempen ini diadakan bertujuan untuk menghargai sokongan dan kesetiaan semua Ahli Kad Kredit BSN-Teachers Mastercard dengan peluang memenangi pelbagai hadiah menarik.

'SHOP & WIN WITH BSN-TEACHERS MASTERCARD' CAMPAIGN

11 September 2020 – Wisma BSN
The prize giving ceremony for the winners of the 'Shop & Win with BSN-Teachers Mastercard' campaign was held on 11 September 2020. Bakri bin Mat Drus, a teacher from SK Demang Taha, Masjid Tanah, Melaka won the main prize of this campaign and took home a Proton X70 car. The campaign with the opportunity to win attractive prizes was held to appreciate the support and loyalty of all BSN-Teachers Mastercard Credit Card members.

ANUGERAH TOP FI PARTNER 2019

28 September 2020 – Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur
BSN merupakan salah satu institusi kewangan yang telah menerima anugerah Top FI Partner 2019 di bawah kategori imSME dan Anugerah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) di Majlis Anugerah Institusi Kewangan dan PKS ke-25 Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC).

Anugerah ini telah disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia kepada Datuk Yunos Abd Ghani, bekas Ketua Eksekutif BSN. Turut hadir di majlis berkenaan adalah Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) serta Pengerusi dan Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif daripada institusi kewangan dan institusi pembangunan kewangan. Majlis anugerah ini merupakan acara tahunan yang diadakan bagi mengiktiraf institusi-institusi kewangan di Malaysia atas penyertaan aktif mereka dalam pelbagai skim pembiayaan yang ditawarkan kepada PKS.

TOP FI PARTNER AWARD 2019

28 September 2020 – Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur
BSN is among the financial institutions that received the Top FI Partner 2019 award under the imSME category and the Small and Medium Enterprise (SME) Award at the 25th Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) Financial Institutions and SME Awards Ceremony.

The award was presented by the Yang Berhormat Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Minister of Finance of Malaysia to Datuk Yunos Abd Ghani, former Chief Executive of BSN. Also present at the event were Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, Governor of Bank Negara Malaysia (BNM) as well as the Chairman and Chief Executive Officers of financial institutions and financial development institutions. The awards ceremony is an annual event held to recognise financial institutions in Malaysia for their active participation in various financing schemes offered to SMEs.

MURID SPEC-TACULAR

22 Oktober 2020 – Sekolah Kebangsaan (LKPT) Lepar Hilir 1, Felda Lepar Hilir Lima, Gambang, Pahang
Program Murid Spec-tacular telah dilancarkan pada Oktober 2020 dengan sumbangan cermin mata kepada pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan yang mempunyai masalah penglihatan. Seramai 38 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan (LKPT) Lepar Hilir 1, Felda Lepar Hilir Lima, Gambang, Pahang telah dikenal pasti sebagai penerima di bawah program ini. Sekolah Lepar Hilir 1 adalah merupakan salah sebuah sekolah angkat BSN di Pahang.

SPEC-TACULAR STUDENTS

22 October 2020 – Sekolah Kebangsaan (LKPT) Lepar Hilir 1, Felda Lepar Hilir Lima, Gambang, Pahang
The Spec-tacular Students Programme was launched in October 2020 with the donation of spectacles/eyeware to students with vision problems, from underprivileged families. A total of 38 students from Sekolah Kebangsaan (LKPT) Lepar Hilir 1, Felda Lepar Hilir Lima, Gambang, Pahang have been identified as recipients under this programme. Sekolah Lepar Hilir 1 is one of the BSN foster schools in Pahang.

Laporan Aktiviti
Activities Report

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBIAYAAN/PINJAMAN PERIBADI *OUTSOURCING* ANTARA BSN DAN KWSP

5 Disember 2020 – Wisma BSN, Kuala Lumpur
BSN dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menandatangani satu perjanjian bagi produk pembiayaan/pinjaman peribadi *outsourcing* BSN.

Melalui perjanjian ini, BSN menawarkan kadar khas untuk kakitangan KWSP yang melanggani pembiayaan/pinjaman peribadi BSN dengan kadar faedah serendah 2.4% setahun. Selain itu, BSN turut menyediakan platform dalam talian bagi penyerahan permohonan dan pengesahan majikan untuk kakitangan KWSP.

Dokumen perjanjian telah ditandatangani oleh Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN dan Encik Nurhisham Hussein, Ketua Pegawai Strategi KWSP disaksikan oleh Puan Norainah Mohmad Zakuan, Pengurus Bahagian Sokongan Perniagaan, Jabatan Perbankan Runcit BSN serta Encik Mohamad Fahmi Abdul Rahim, Ketua *EPS's People Matters Department*. Sesi menandatangani perjanjian ini berakhir dengan sesi fotografi.

OUTSOURCING FINANCING/PERSONAL LOAN AGREEMENT SIGNING CEREMONY BETWEEN BSN AND EPF

5 December 2020 – Wisma BSN, Kuala Lumpur
BSN and the Employees Provident Fund (EPF) have signed an agreement for BSN's outsourced personal financing/loan products.

Through this agreement, BSN offers special rates for EPF employees who subscribe to BSN personal financing/loans with interest rates as low as 2.4% per annum. In addition, BSN also provides an online platform for application submission and employer verification for EPF staff.

The agreement document was signed by Encik Mujibburrahman Abd Rashid, BSN Chief Business Officer and Encik Nurhisham Hussein, EPF Chief Strategy Officer, witnessed by Puan Norainah Mohmad Zakuan, Business Support Division Manager, BSN Retail Banking Department and Encik Mohamad Fahmi Abdul Rahim, Head of EPF's People Matters Department. The signing session of this agreement ended with a photography session.

JOM TO SCHOOL – SPECTACULAR (JTS SPECTACULAR)

Disember 2020

Inisiatif JTS Spectacular ini adalah bertujuan membantu pelajar sekolah rendah daripada keluarga kurang berkemampuan yang mempunyai masalah penglihatan. Seramai 2,000 pelajar di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program ini yang dilancarkan sejak Disember 2020. BSN telah menyediakan perkhidmatan pemeriksaan mata dan menyumbang cermin mata bernilai RM150 secara percuma daripada pakar optometri yang telah dilantik. Selain itu, para pelajar yang terpilih juga menerima wang RM50 yang didepositkan ke dalam akaun mereka serta beg sekolah BSN Care.

JOM TO SCHOOL – SPECTACULAR (JTS SPECTACULAR)

December 2020

This JTS Spectacular initiative aims to help primary school students from disadvantaged families who have vision problems. A total of 2,000 students nationwide have benefited from this programme which was launched in December 2020. BSN has provided eye examination services and donated glasses worth RM150 for free from appointed optometrists. In addition, the selected students also received RM50 deposited into their accounts as well as BSN Care school bags.

MEMBUKA TIRAI KEMPEN BSN SSP 2021

BSN secara rasminya telah menutup tirai kempen BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) 2020 dengan mengumumkan pemenang Cabutan Istimewa BSN SSP Disember 2020 atau 'Super Jutawan' sekaligus membawa pulang BSN SSP RM2 juta. Sejak ganjaran RM1 juta mula diperkenalkan pada tahun 2014 hingga ke hari ini, lebih 50 orang penyimpan BSN SSP telah bergelar jutawan. BSN akan terus melahirkan lebih ramai lagi jutawan melalui Cabutan Istimewa BSN SSP yang masih dikekalkan bagi Kempen BSN SSP 2021 dengan ganjaran RM1 juta. Bagi tahun 2021, BSN akan menawarkan hadiah melebihi RM30 juta untuk lebih 19 ribu pemenang melalui kategori cabutan sedia ada dan kategori cabutan baharu.

BSN SSP 2021 CAMPAIGN OPENING CEREMONY

BSN has officially ended the BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) 2020 campaign by announcing the winner of the BSN SSP December 2020 Special Draw or 'Super Millionaire' of BSN SSP RM2 million. Since the RM1 million reward was first introduced in 2014, more than 50 BSN SSP depositors have become millionaires. BSN will continue to produce more millionaires through the BSN SSP Special Draw which is still maintained for the BSN SSP 2021 Campaign with a reward of RM1 million. For 2021, BSN will offer rewards over RM30 million to more than 19,000 winners through existing and new draw categories.

BSN Care
BSN Care

Bank Simpanan Nasional (BSN) mempunyai tradisi dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, kaum dan kedudukan sosial. Sejajar dengan visinya, 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan', BSN komited untuk mencapai hubungan yang mapan dan bermakna kepada para pelanggan bukan sahaja dengan menyediakan perkhidmatan perbankan, malahan juga melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sekaligus memberi impak yang positif kepada komuniti.

BSN juga telah memperkukuhkan lagi imej jenama CSRnya dengan mewujudkan 'BSN *Care*' bersama slogan 'Memperkaya Setiap Langkah Kehidupan', bertujuan untuk mempertingkatkan persepsi positif pelanggan dan nilai jenama BSN melalui aktiviti CSR. Dengan memiliki jenama CSR yang kukuh, ia dapat memberikan nilai tambah kepada BSN dalam pasaran dan secara tidak langsung membezakannya daripada institusi-institusi kewangan yang lain.

CSR BSN adalah sejajar dengan janji jenamanya iaitu 'Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik' demi menyediakan akses perbankan yang menyeluruh kepada semua komuniti terutamanya mereka yang berada di luar bandar dan pedalaman selaras dengan mandat BSN untuk memperkasakan rangkuman kewangan kepada semua.

Bank Simpanan Nasional (BSN) has a long-standing tradition of serving Malaysians from all walks of life regardless of background, race and social standing. In line with the Bank's vision 'No Malaysian Left Behind', the Bank is committed to achieve sustainable and meaningful relationships with its customers not only by providing banking services, but also through Corporate Social Responsibility (CSR) programmes, which will bring positive impact to the community.

BSN has strengthened its CSR brand image by establishing 'BSN Care' with its tagline 'Enriching Lives Each Step of the Way', aimed at enhancing consumer's perception and increasing its brand value through CSR activities. A strong CSR brand creates added value for BSN in the market hence differentiating it from other financial institutions.

BSN's CSR is aligned with its brand promise – 'A Better Life Within Your Reach' to provide the community especially the underserved, the opportunity to enjoy a better life by championing our mandated roles in providing financial inclusion to all.

PROJEK TERAS/CORE PROJECT

PENDIDIKAN
EDUCATION

Kami menolong masyarakat dengan memupuk keperluan pendidikan anak-anak.
We help the community by investing in children's education needs.

Jom to School – Spectacular (JTS Spectacular)
Inisiatif JTS Spectacular bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar sekolah rendah daripada keluarga kurang berkemampuan yang mempunyai masalah penglihatan. Kira-kira 2,000 pelajar di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program ini yang dilancarkan pada Disember 2020. BSN telah menyediakan perkhidmatan pemeriksaan mata dan menyumbang cermin mata percuma bernilai RM150 daripada pakar optometri yang telah dilantik. Selain itu, pelajar terpilih juga telah menerima wang tunai RM50 yang dimasukkan ke dalam akaun mereka serta beg-beg sekolah BSN Care.

Jom to School – Spectacular (JTS Spectacular)
JTS Spectacular initiative aims to help primary school students from under privileged families who have vision problems. About 2,000 students nationwide have benefited from the program, which was launched in December 2020. BSN provided eye examination services and donated glasses worth RM150 for free through appointed optometrists. Apart from that, the selected students also received RM50 deposited into their accounts as well as BSN Care school bags.

Murid Spec-tacular
Program Murid Spec-tacular telah dilancarkan pada Oktober 2020. BSN telah menyumbangkan cermin mata kepada pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan yang mempunyai masalah penglihatan. Seramai 38 pelajar dari Sekolah Kebangsaan (LKPT) Lepar Hilir 1, Felda Lepar Hilir Lima, Gambang, Pahang telah dikenal pasti sebagai penerima program ini. Sekolah Lepar Hilir 1 merupakan salah sebuah sekolah angkat BSN di Pahang.

Murid Spec-tacular
The Murid Spec-tacular Program was launched in October 2020. BSN donated spectacles to vision impaired students from underprivileged families. A total of 38 students from Sekolah Kebangsaan (LKPT) Lepar Hilir 1, Felda Lepar Hilir Lima, Gambang, Pahang have been identified as recipients under this program. Sekolah Lepar Hilir 1 is one of the BSN's adopted schools in Pahang.

PROJEK TERAS/CORE PROJECT

KESELAMATAN & KESIHATAN
HEALTH & SAFETY

Kami menyokong usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan.

We support sustainable efforts towards promoting health, wellbeing and safety.

Program Kesedaran Keselamatan untuk Komuniti
Kesedaran mengenai keselamatan jalan raya, kebakaran dan keganasan.

Safety Awareness Programme for Community
Awareness on road safety, fire and violence.

Penjagaan Buah Pinggang
Menyumbangkan mesin dialisis ke pusat-pusat dialisis bagi membantu mengurangkan kos rawatan yang semakin meningkat dan beban kewangan masyarakat dengan menawarkan alternatif yang berpatutan.

Kidney Care
Providing dialysis machines to dialysis centres as the treatment cost is rising and we aim to reduce the financial burden of communities by offering them an affordable alternative.

KOMUNITI
COMMUNITY

Kami menyediakan peluang untuk menjana kehidupan yang mapan dan impak sosial.

We create opportunities to generate sustainable livelihoods and social impact.

Penglibatan Komuniti
Menyokong komuniti yang tidak berpeluang di seluruh negara seperti ibu tunggal, golongan gelandangan dan keluarga yang kurang bernasib baik dengan memberikan bantuan keperluan asas.

Community Engagement
Supporting the underserved communities across the nation such as single mothers, homeless and underprivileged families by providing basic necessities assistance.

BSN Care Ramadan/Raya 2020
Program BSN Care Ramadan/Raya 2020 dilaksanakan melalui pengedaran paket makanan asas kepada golongan kurang berkemampuan/tanggungan/ibu tunggal di seluruh negara. Program ini dijalankan melalui BSN Negeri di mana pek makanan asas yang diterima berupa beras, minyak masak, tepung, gula, kicap, kopi/teh, biskut, mi dan lain-lain bernilai RM150. Sebanyak RM45,500 telah diperuntukkan untuk program ini yang telah dijalankan di 13 buah Negeri BSN di seluruh negara.

Sumbangan kepada barisan hadapan melalui organisasi ini:
1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) – Menyumbang peralatan bernilai RM50,000.
2. Institut Bioteknologi Nasional Malaysia – Menyumbang pensanitasi tangan bernilai RM50,000.
3. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) – Menyumbang peralatan bernilai RM15,000.
4. AIBIM – Menyumbang peralatan bernilai RM5,000.

BSN Care Ramadan/Raya 2020
The BSN Care Ramadan/Raya 2020 program was carried out through the distribution of basic food packs to the underprivileged/dependents/single mothers throughout the country. This program is conducted through BSN Negeri where basic food packs received are in the form of rice, cooking oil, flour, sugar, soy sauce, coffee/tea, biscuits, noodles and others worth RM150. A total of RM45,500 has been allocated for this program which has been conducted in 13 BSN States throughout the country.

Donation to frontliners through these organisations:
1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) – Donated equipment worth RM50,000.
2. National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIDM) – Donated hand sanitizer worth RM50,000.
3. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) – Donated equipment worth RM15,000.
4. AIBIM – Donated equipment worth RM5,000.

SUKAN
SPORTS

Kami memupuk bakat dengan menanamkan kepentingan sukan dalam kalangan generasi masa hadapan.

We nurture talent by instilling the importance of sports among future generation.

Ikon Pelajar BSN
Menaja pelajar yang berpotensi/bakal bintang yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang sukan malahan juga pelajaran. Ikon Pelajar BSN akan memberi inspirasi sebagai pelajar contoh di kalangan remaja.

BSN telah melantik Muhammad Azeem Mohd Fahmi sebagai Ikon Pelajar BSN oleh kerana kecemerlangannya dalam kedua-dua bidang sukan dan akademik. Pelantikan ini merupakan tajaan yang merangkumi pembiayaan pelajaran serta perlindungan takaful BSN Fitrah selama dua tahun mulai Januari 2020. Program ini bertujuan memupuk bakat dengan menanamkan kepentingan sukan di kalangan generasi akan datang.

BSN Student Icon
Sponsoring a rising star in sports who is not only successful in sports but also in education. BSN's Student Icon will be an influencer and role model for other students.

BSN has appointed Muhammad Azeem Mohd Fahmi as the BSN Student Icon for his excellence in sports and academics. The appointment is a sponsorship to fund Azeem's education for two (2) years starting January 2020 as well as BSN Fitrah takaful coverage. This program is to cultivate talent by instilling the importance of sports among future generations.

Sorotan Media
Media Highlights

MalaysiaGazette

BSN Care hulur sumbangan kepada 260 keluarga

BSN mansuh kadar faedah dua peratus bagi BSN Micro/i Kredit Prihatin

Petani berterima kasih, minta bantuan diteruskan

BSN urus RM700 juta bantu usahawan mikro

Ketua Pegawai Eksekutif BSN, Datuk Yunos Abd Ghani

KUALA LUMPUR: Bank Simpanan Nasional (BSN) menerima peruntukan sebanyak RM700 j... kerajaan untuk mengendalikan pinjaman atau kewangan kepada usahawan mikro yang ter...

BSN kaji bantuan sesuai pasca moratorium

TheStar Financial assistance for micro businesses

Financial assistance for micro businesses

SME Association of Malaysia president Datuk Michael Kang: "The micro SMEs make up the biggest group of companies, numbering around 700,000. If you add on about 200,000 of small SMEs, that's about 900,000 companies that are of the smaller businesses and they are really facing problems."

PETALING JAYA: Micro businesses are urged to tap into the financial assistance allocated to them under the stimulus packages to help them tide over the movement control order (MCO) period as they prepare to pick up once the restrictions are lifted.

"The micro SMEs make up the biggest group of companies, numbering around 700,000. If you add on about 200,000 of small SMEs, that's about 900,000 companies that are of the smaller businesses and they are really facing problems.

"We need to assist them," said SME Association of Malaysia president Datuk Michael Kang.

EKONOMI

BSN terus galakkan budaya menyimpan walaupun COVID-19 belum berakhir

FB BSN

Memupuk tabiat menabung

Inculcating the habit of savings

Sebagai sebuah Bank yang diberi mandat oleh kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda menabung, BSN terus mempromosikan pelbagai produk simpanan yang merangkumi akaun simpanan Giro/Giro-i, Deposit Tetap, Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP), BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) dan sebagainya.

As a government-mandated Bank established to encourage Malaysians especially the young generation to save, BSN continues to promote various savings products such as Giro/Giro-i savings account, Fixed Deposit, Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP), BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) and many more.

Penyataan Tadbir Urus Korporat
Statement on Corporate Governance

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional komited untuk mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus korporat dan memegang pada Dokumen Dasar Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Tadbir Urus Korporat untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan yang Ditetapkan (Dokumen Dasar BNM).

A. LEMBAGA PENGARAH

SAIZ DAN KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah mengikuti kehendak yang ditetapkan dalam Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146). Komposisi ini juga memenuhi syarat untuk memiliki majoriti pengarah bebas seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Dasar BNM. Ketua Eksekutif adalah satu-satunya Pengarah Eksekutif di Lembaga Pengarah, sementara satu (1) Bukan Eksekutif Bukan Bebas merupakan calon Kementerian Kewangan Malaysia. Lembaga Pengarah komited dalam memastikan kepelbagaian dan penyertaan dalam komposisi dan proses membuat keputusan. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah mempertimbangkan kepelbagaian dari beberapa aspek yang berbeza, termasuk jantina, umur, latar belakang pendidikan, pengalaman profesional, kemahiran, pengetahuan dan jangka masa perkhidmatan.

Kemahiran dan pengalaman ahli-ahli Lembaga Pengarah merangkumi yang berikut:

- Perbankan
- Pelaburan Kerajaan
- Pegangan Pelaburan
- Undang-undang dan Pematuhan
- Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah kini dianggotai tujuh (7) orang Pengarah susulan daripada tamatnya tempoh lantikan dua (2) orang Pengarah. Komposisi Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada tujuh (7) orang Pengarah Bukan Eksekutif. Pengarah Eksekutif merupakan Ketua Eksekutif BSN. Kesemua Pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing dan telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Profil setiap Pengarah juga disertakan dalam laporan ini pada muka surat 33 sehingga 41.

Pelantikan kesemua Pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam Dokumen Dasar BNM.

TEMPOH PERKHIDMATAN PENGARAH

Selaras dengan Dokumen Dasar Urus Tadbir Urus Korporat BNM dan sepertimana yang termaktub di dalam Piagam Lembaga BSN, tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tidak boleh melebihi jangka waktu kumulatif selama sembilan (9) tahun, kecuali dalam situasi luar biasa atau sebahagian dari pengaturan peralihan ke arah pelaksanaan rancangan penggantian Bank sepenuhnya. Setelah perkhidmatan mencapai sembilan (9) tahun, Pengarah Bebas boleh terus berkhidmat tertakluk kepada perlantikan semula sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif serta penilaian Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan, atau dengan persetujuan Kementerian Kewangan Malaysia.

The Board of Directors (Board) of Bank Simpanan Nasional (the Bank or BSN) is committed to upholding the principles of corporate governance and subscribes to Bank Negara Malaysia Policy Document on Corporate Governance for prescribed Development Financial Institutions (BNM Policy Document).

A. BOARD OF DIRECTORS

BOARD SIZE AND COMPOSITION

The composition of the Board follows the requirement stipulated in the Bank Simpanan Nasional Act 1974 (Act 146). The composition also meets the requirement of having a majority of independent directors as set out in the BNM Policy Document. The Chief Executive is the only Executive Director on the Board, while one (1) Non-Independent Non-Executive Director is a nominee of the Ministry of Finance, Malaysia. The Board is committed to ensuring diversity and inclusion in its composition and decision-making process. In this regard, the Board considers diversity from a number of different aspects, including gender, age, educational background, professional experience, skills, knowledge and length of service.

The skills and experience of the Board members include the following:

- Banking
- Government Investments
- Investment Holding
- Legal and Compliance
- Corporate Governance

The Board currently has seven (7) members, comprising two (2) Non-Independent Non-Executive Directors (including the Chairman) and five (5) Independent Non-Executive Directors following the expiry of the appointment terms of one (1) Non-Independent Non-Executive Director and one (1) Executive Director. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. All Directors possess the necessary skills and experience in their respective fields of expertise and have contributed significantly to the progress and development of BSN. The profile of each Director is briefly described on pages 33 to 41 of this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under the BNM Policy Document.

TENURE OF DIRECTORS

As per BNM's Corporate Governance Policy Document and reflected in the BSN Board Charter, the tenure of an Independent Non-Executive Director shall not exceed a cumulative term of nine (9) years, except under exceptional circumstances or as part of transitional arrangements towards full implementation of the succession plans of the Bank. Upon completion of nine (9) years, an Independent Director may continue to serve the Board subject to the Director's re-designation as a Non-Independent Non-Executive Director and assessment of the Nomination and Remuneraion Committee, or with the approval of the Ministry of Finance, Malaysia.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:-

- Untuk meluluskan selera risiko, rancangan perniagaan, rancangan strategik dan inisiatif lain Bank yang secara tunggal atau kumulatif akan memberi kesan terhadap kekukuhan kewangan, reputasi atau kawalan operasi utama, profil risiko Bank dan kemampuan berterusan untuk menyokong mandatnya;
- Untuk meluluskan bajet anggaran perbelanjaan tahunan Bank dan melakukan tinjauan berkala mengenai pencapaian oleh jabatan-jabatan operasi terhadap sasaran perniagaan masing-masing;
- Untuk meluluskan dasar-dasar Bank dan mengawasi penetapan prosedur pentadbiran Bank;
- Untuk mengawasi operasi perniagaan dan prestasi kewangan Bank;
- Untuk mengawasi pemilihan, prestasi, pampasan dan rancangan penggantian untuk jawatan Pegawai Kanan Utama dan anggota pengurusan kanan yang lain (secara kolektif disebut sebagai "Pengurusan Kanan") selaras dengan bidang tugas penugasan, sehingga Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kecekapan kolektif Pengurusan Kanan untuk memimpin operasi Bank dengan berkesan;
- Untuk mempromosikan, bersama-sama Pengurusan Kanan, budaya korporat yang mantap di dalam Bank yang mengukuhkan tingkah laku etika, berhemah dan profesional. Ini termasuk memastikan bahawa Pengurusan Kanan melaksanakan dan memantau dasar dan prosedur yang menghalang aktiviti dan hubungan yang tidak selaras dengan urus tadbir yang baik, menangani situasi konflik kepentingan dengan berkesan, melarang urusan rasuah dan memastikan urusan selengan dengan pihak yang berkaitan dan entiti yang berminat;
- Untuk menggalakkan kelestarian melalui pertimbangan persekitaran, sosial dan tadbir urus yang sesuai dalam strategi perniagaan Bank;
- Untuk mengawasi dan menyetujui pemulihan dan rancangan kesinambungan perniagaan Bank untuk mengembalikan kekuatan kewangan, operasi kritikal dan perkhidmatan kritikal ketika mengalami tekanan;
- Untuk menggalakkan komunikasi yang cepat dan berkesan antara Bank, Bank Negara Malaysia dan pihak kementerian berkepentingan mengenai perkara-perkara yang mempengaruhi atau yang boleh mempengaruhi keselamatan, kekukuhan dan mandat Bank;
- Untuk melakukan tinjauan secara berkala terhadap mandat Bank, dengan mempertimbangkan perubahan dalam ekonomi dan sistem kewangan. Lembaga Pengarah akan membuat saranan untuk meninjau mandatnya kepada Kerajaan setelah berkonsultasi dengan Bank Negara Malaysia, sekiranya relevan;

FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The key responsibilities of the Board are as follows:-

- Approve the Bank's risk appetite, business plans, strategic plans and other initiatives which would singularly or cumulatively have an impact on the financial soundness, reputation or key operational controls, risk profile of the Bank and continuing ability to support its mandate;
- Approve the Bank's annual budget and carry out periodic reviews of the achievements by the various operating departments against their respective business targets;
- Approve policies of the Bank and oversee the establishment of procedures governing the Bank;
- Provide oversight over the Bank's business operations and financial performance;
- Oversee the selection, performance, compensation and succession plans for the post of Key Senior Officers and other members of the senior management (collectively referred to as "Senior Management") in alignment with the assignment of responsibility areas, such that the Board is satisfied with the collective competence of the Senior Management to effectively lead the operations of the Bank;
- Promote together with Senior Management, a sound corporate culture within the Bank which reinforces ethical, prudent and professional behaviour. This shall include ensuring that the Senior Management implements and monitors policies and procedures that prevent activities and relationships inconsistent with sound governance, effectively addresses conflicts of interest situation, prohibits corrupt dealings and ensures arm's length dealings with connected parties and other interested entities;
- Promote sustainability through appropriate environmental, social and governance considerations in the Bank's business strategies;
- Oversee and approves the recovery and business continuity plans for the Bank to restore its financial strength, critical operations and critical services when it comes under stress;
- Promote the timely and effective communication between the Bank, Bank Negara Malaysia and stakeholder ministries on matters affecting or that may affect the safety, soundness and mandate of the Bank;
- Perform regular review on the Bank's mandate, taking into account changes in the economy and financial system. Where relevant, the Board shall make recommendations to the Government in consultation with Bank Negara Malaysia, for a review of its mandate;

Penyataan Tadbir Urus Korporat
Statement on Corporate Governance

- Untuk mengawasi pengaturan tadbir urus untuk mempromosikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam proses pengurusan dan pembuatan keputusan dalam Bank, dan memastikan bahawa Ketua Eksekutif melaksanakan pengaturan tadbir urus di semua fungsi Bank dengan efektif;
- Untuk mengawasi perkembangan dan pelaksanaan efektif rangka pengukuran prestasi Bank yang sesuai dengan mandatnya;
- Untuk menyediakan fungsi pengawasan dalam membangunkan rangka tadbir urus Syariah yang kuat dan sesuai dengan ukuran, kerumitan dan sifat perniagaan Bank.
- Untuk bertindak demi kepentingan terbaik Bank, bebas dari pengaruh luaran tidak wajar yang boleh menjejaskan mandat dan kekukuhan kewangan Bank yang diluluskan; dan
- Untuk mengawasi semua isu peraturan dan/atau kepatuhan termasuk tetapi tidak terhad kepada Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram dan Transaksi Pihak Berhubung.

LATIHAN BAGI PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan lanjutan pelajaran bagi para Pengarah untuk memastikan bahawa mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan memenuhi cabaran-cabaran yang dihadapi Lembaga Pengarah. Sepanjang tahun kewangan berakhir 2020, semua ahli Lembaga Pengarah menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai isu-isu yang berkaitan dengan BSN. Memandangkan penularan wabak COVID-19, program-program latihan dikendalikan secara maya semenjak bulan Mac 2020.

IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

Pakej imbuhan untuk Pengarah Bukan Eksekutif setimpal dengan peranan dan tanggungjawab pada peringkat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dan menurut arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Julat imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif BSN pada tahun kewangan berakhir 2020 adalah seperti berikut:

- Oversee the governance arrangements to promote transparency and accountability in the management and decision-making processes within the Bank, and to ensure that the Chief Executive effectively implements the governance arrangements across all functions of the Bank;
- To oversee the development and effective implementation of a performance measurement framework for the Bank that is aligned with its mandate;
- Provide the oversight function in establishing robust Shariah governance framework that commensurate with size, complexity and nature of the Bank's business.
- Act in the best interest of the Bank, free from any undue external influence which could undermine the Bank's approved mandate and financial soundness; and
- Oversee all regulatory and/or compliance matters including but not limited to Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism and Connected Party Transactions.

DIRECTORS' TRAINING

The Board acknowledges the importance of continuous education for the Directors to ensure that they are well equipped with the necessary skills and knowledge to perform their duties and meet the challenges facing the Board. During the financial year ended 31 December 2020, all the Board members attended various training programmes and workshops on issues relevant to BSN. In view of the COVID-19 pandemic, the training programmes attended were conducted virtually since March 2020.

BOARD REMUNERATION

The remuneration package for Non Executive Directors commensurate with the accountabilities, roles and responsibilities at both the Board and Board Committees, and is in accordance with the directive issued by the Minister of Finance, Malaysia.

The range of remuneration of Non Executive Directors of the Bank during the financial year ended 31 December 2020 are as follows:

Pengarah Bukan Eksekutif/Non-Executive Directors	**Bil. Pengarah/ No. of Directors**
Bawah/Below RM10,000.00	1
Bawah/Below RM100,000.00	–
RM100,000.00 – RM200,000.00	2
RM200,000.00 – RM300,000.00	5

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan untuk mengkaji hal-hal kewangan, strategi serta dasar dan juga memantau prestasi BSN. Mesyuarat khas juga telah diadakan untuk menimbang hal-hal perniagaan dan lain-lain urusan yang penting sekiranya perlu. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali. Memandangkan penularan wabak COVID-19, mesyuarat telah dikendalikan secara maya semenjak bulan Mac 2020. Kehadiran Pengarah-Pengarah adalah seperti berikut:

BOARD MEETINGS

The Board meets at least once a month to consider financial matters, strategies and policies as well as monitor the overall performance of BSN. Special Board meetings are also convened to consider urgent business matters as and when required. During the financial year ended 31 December 2020, the Board met thirteen (13) times. In view of the COVID-19 pandemic, the meetings were conducted virtually since March 2020. The attendance of the Directors is as follows:

Bil/ No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	**Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid** Pengerusi Bukan Eksekutif/Non-Executive Chairman (dilantik pada 1 Februari 2020/appointed on 1 February 2020)	12/12**
2	**Encik Razali Othman** (Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif/Non-Independent Non-Executive Director (Timbalan Pengerusi hingga tamat tempoh lantikan pada 8 Disember 2020/ Deputy Chairman until term ended on 8 December 2020)	11/12*
3	**Dr. Mastura Abdul Karim** (Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif/Non-Independent Non-Executive Director (Timbalan Pengerusi dari tarikh dilantik pada 4 Disember 2020/ Deputy Chairman from date appointed on 4 December 2020)	1/1**
4	**Datuk Yunos Abd Ghani** Pengarah Eksekutif/Executive Director (tamat tempoh lantikan pada 30 November 2020/term ended on 30 November 2020)	12/12*
5	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director	13/13
6	**Datin Zaimah Zakaria** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director	12/13
7	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director	13/13
8	**Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director	13/13
9	**Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar** Pengarah Bebas Bukan Eksekutif/Independent Non-Executive Director	12/13

* *Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.*
Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.

** *Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan.*
Refers to the number of meetings attended from the date of appointment.

Penyataan Tadbir Urus Korporat
Statement on Corporate Governance

B. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Terdapat four (4) jawatankuasa lembaga yang membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab:

(i) Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan;
(ii) Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko;
(iii) Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Saraan;
(iv) Lembaga Tender.

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Audit (JLA) adalah untuk mengkaji penyata kewangan BSN, kawalan dalaman, prestasi dan pendapat para pengaudit dan menyarankan secara berkala tindakan pemulihan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLA adalah seperti berikut:

- Memastikan akaun disiapkan secara tepat dan mengikut jadual, dengan kajian semula yang kerap untuk menentukan adanya peruntukan secukupnya bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan serta hutang lapuk dan hutang ragu. Semakan semula juga dijalankan terhadap kunci kira-kira dan akaun untung-rugi sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah serta memastikan laporan tahunan diterbitkan mengikut jadual;
- Menjalankan kaji semula terperinci untuk memastikan kesemua keperluan perundangan, peraturan dan garis panduan dipatuhi;
- Mengkaji semula kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman serta penemuan audit dalaman dan mengesyorkan tindakan yang harus diambil oleh pihak pengurusan. Laporan-laporan dari audit dalaman dan JLA tidak boleh terlebih dulu mendapat kelulusan Ketua Eksekutif atau mana-mana Pengarah Eksekutif. JLA juga perlu menilai prestasi dan memutuskan pakej imbuhan untuk audit dalaman;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung aktiviti antara BSN dan pengurusan kecairan BSN keseluruhannya;
- Jawatankuasa ini juga perlu menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalam dan memberi maklumbalas dan cadangan mengenai pakej imbuhan untuk kakitangan berkenaan;
- Mengkaji semula kebebasan dan prestasi Juruaudit Luar, bidang pelan audit mereka, sistem kawalan akaun dalaman, laporan-laporan audit, bantuan dari pengurusan dan kakitangan kepada ahli-ahli Juruaudit Luar serta penemuan audit dan tindakan yang perlu diambil;

B. BOARD COMMITTEES

There are four (4) Board Committees to assist the Board in discharging its duties and responsibilities:

(i) Board Audit Committee;
(ii) Board Risk Management Committee;
(iii) Board Nomination and Remuneration Committee; and
(iv) Tender Board.

BOARD AUDIT COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Audit Committee (BAC) is to review the financial statements of BSN, its internal controls, performance and findings of the internal auditors and to recommend appropriate remedial action regularly.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BAC are as follows:

- Ensure the accounts are prepared in a timely and accurate manner, with frequent reviews of the adequacy of provisions against contingencies and bad and doubtful debts. Review the balance sheet and profit and loss statement before presenting them to the Board and ensure the annual report is published according to schedule;
- Carry out a detailed review to ensure compliance to all legal requirements encompassing statutes, guidelines, regulations, etc;
- Review internal controls including the scope of the internal audit programme, the internal audit findings, and recommend actions to be taken by Management. The reports from internal auditors and BAC should not be subject to the clearance of the Chief Executive and/or Executive Director. The BAC should also evaluate the performance of and decide on the remuneration package of the internal auditors;
- Review and evaluate the adequacy and effectiveness of internal control systems in relation to interbank activities and management of the overall liquidity of BSN;
- Evaluate the performance of the Chief Internal Auditor (CIA) and provide feedback on the remuneration package of the CIA;
- Review the independence and performance of the External Auditors, the scope of their audit plan, the system of internal accounting controls, the audit reports, the assistance given by the Management and its staff to the External Auditors and any findings and actions to be taken;

- Mengkaji semula penyata kewangan di hujung tahun kewangan sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, dengan tumpuan kepada:
  - Andaian perniagaan berterusan;
  - Pematuhan kepada piawaian akaun dan keperluan undang-undang;
  - Perubahan dalam dasar dan amalan akaun;
  - Isu-isu penting dan perkara-perkara berbangkit yang mungkin terhasil dari proses audit.
- Membincangkan apa-apa isu dan keraguan yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar melalui audit awal dan akhir dan apa-apa jua hal yang mungkin dikemukakan oleh Juruaudit Luar tanpa pembabitan pihak pengurusan;
- Mengkaji semula kandungan surat kepada pengurusan dari Juruaudit Luar serta jawapan dari pengurusan; dan
- Mengkaji semula apa-apa transaksi dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam BSN atau dalam kumpulan syarikat, termasuk apa-apa transaksi, prosedur atau tingkah laku yang boleh mempersoalkan integriti pihak pengurusan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Dalam tahun 2020, JLA telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

- Review the year-end financial statement before it is tabled to the Board for approval, focusing on the following:
  - Continuous business assumptions;
  - Compliance to accounting standard and legal requirements;
  - Changes in policy and accounting practices;
  - Important issues and extraordinary matters which arise from the audit process.
- Discuss any issues and reservations raised by the External Auditors from the interim and final audits, as well as any matter which the External Auditors may wish to discuss in the absence of the Management;
- Review the contents of the Management Letter issued by the External Auditors as well as the Management's responses thereto; and
- Review any related party transactions and conflict of interest situations that may arise in BSN or within the Group including any transaction, procedure or conduct that raises question on the Management's integrity.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BAC meets at least once in three (3) months. During the financial year ended 31 December 2020, the BAC convened twelve (12) times. The attendance recorded for the members is as follows:

Bil/ No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat** (Pengerusi/Chairman)	12/12
2	**Datin Zaimah Zakaria**	12/12
3	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim**	12/12
4	**Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar**	12/12

Penyataan Tadbir Urus Korporat
Statement on Corporate Governance

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) adalah untuk menyelia aktiviti pengurusan kanan dalam mengurus bahagian risiko utama BSN dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersiap sedia dan berfungsi dengan berkesan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLPR adalah seperti berikut:

- Merangka strategi untuk keseluruhan risiko berkaitan aktiviti BSN;
- Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama seperti risiko-risiko pasaran, kredit, taja jamin, pelaburan dan operasi;
- Mengkaji semula kecukupan dasar pengurusan risiko, sistem-sistem dan tahap di mana kaedah-kaedah ini beroperasi secara berkesan;
- Mempromosi pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko berselang-kait;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- Mengkaji semula maklumat berkala dari pengurusan mengenai pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko; dan
- Merangka pelan perniagaan berterusan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangya sekali dalam tiga bulan. Pada tahun berakhir 31 Disember 2020, JLPR telah bermesyuarat sebanyak empat belas (14) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Risk Management Committee (BRMC) is to oversee the Senior Management's activities in managing the key risk areas of BSN and to ensure that the risk management process is in place and is functioning effectively.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BRMC are as follows:

- Formulate strategies to manage the overall risks associated with BSN's activities;
- Recommend appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk;
- Review the adequacy of risk management policies, systems and the extent to which these are operating effectively;
- Promote an integrated approach to evaluate and monitor interrelated risk;
- Ensure that the infrastructure, resources and systems are in place to identify, measure, monitor and control risks;
- Review the Management's periodic information on risk exposures and risk management activities; and
- Formulate business continuity plans.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BRMC meets at least once in three (3) months. During the financial year ended 31 December 2020, the BRMC convened fourteen (14) times. The attendance recorded for the members of the BRMC is as follows:

Bil/ No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim** (Pengerusi/Chairman)	14/14
2	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat**	14/14
3	**Datin Zaimah Zakaria**	14/14
4	**Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar**	13/14

JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN IMBUHAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan (JLPI) adalah untuk merangka prosedur bertulis, formal dan telus berkaitan perlantikan ahli-ahli Lembaga, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan menilai keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga pada keseluruhannya dan jawatankuasa-jawatankuasa serta Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama. Jawatankuasa ini juga berperanan menyediakan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar imbuhan untuk Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan memastikan imbuhan berkenaan berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLPI adalah seperti berikut:

- Menetapkan keperluan minima untuk Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif menjalankan tugas secara berkesan. Ia juga bertanggungjawab menyelia komposisi Lembaga Pengarah dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai, keseimbangan antara Pengarah Eksekutif, Bukan Eksekutif dan Bebas, serta keseimbangan antara kemahiran dan kecekapan utama menerusi semakan tahunan;
- Mengesyorkan dan menilai pencalonan untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah, Pengarah yang menganggotai pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah serta pencalonan sebagai Ketua Eksekutif. Tugas ini termasuklah menilai prestasi pengarah dan Ketua Eksekutif jika disyorkan untuk perlantikan semula sebelum permohonan untuk kelulusan dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia;
- Menetapkan mekanisme untuk penilaian formal dan juga menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Eksekutif;
- Menyarankan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran Pengarah/Ketua Eksekutif sekiranya tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai sewaktu menjalankan tanggungjawab;
- Memastikan semua Pengarah menghadiri program induksi bersesuaian dan menerima latihan berterusan;
- Menyelia perlantikan, pelan pengambilalihan jawatan pengurusan dan prestasi eksekutif kanan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran mana-mana eksekutif kanan yang tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai dalam menjalankan tugas.

BOARD NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Nomination and Remuneration Committee (BNRC) is to establish a documented, formal and transparent procedure for the appointment of Directors, Chief Executive and Key Senior Officers, and to assess the effectiveness of individual Directors, the Board as a whole and the various committees of the Board, the Chief Executive and Key Senior Officers. The objective of the BNRC is also to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with BSN's culture, objectives and strategy.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BNRC are as follows:

- Establish minimum requirements for the Board and the Chief Executive to perform their responsibilities effectively. It is also responsible for overseeing the overall composition of the Board in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive, Non-Executive and Independent Directors, mix of skills and other core competencies required through annual reviews;
- Recommend and assess the nominees for directorship, the Directors to fill Board committees as well as nominees for the Chief Executive position. This includes assessing Directors and the Chief Executive for reappointment before an application for verification is submitted to Bank Negara Malaysia;
- Establish a mechanism for formal assessment and assessing the effectiveness of the Board, the contribution of the various Board committees and the performance of the Chief Executive;
- Recommend to the Board on the removal of a Director/Chief Executive if he is ineffective, errant or negligent in discharging his responsibilities;
- Ensure that all Directors undergo appropriate induction programmes and receive continuous training;
- Oversee the appointment, management of succession planning and performance evaluation of Key Senior Officers, and recommending to the Board the removal of any Key Senior Officers, if they are ineffective, erroneous or negligent in discharging their responsibilities.

Penyataan Tadbir Urus Korporat
Statement on Corporate Governance

- Mengesyorkan rangka imbuhan untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Dasar ini patut:
  – Didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Apa-apa perubahan juga perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah;
  – Menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul Pengarah secara individu, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan utama;
  – Lumayan untuk menarik minat dan mengekalkan Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan yang diperlukan untuk mengurus BSN dengan berkesan; dan
  – Wujud keseimbangan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk menampung pakej imbuhan berlebihan.
- Mengesyorkan pakej imbuhan tertentu untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan. Pakej berkenaan patut:
  – Berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
  – Memberi pertimbangan sewajarnya kepada penilaian Jawatankuasa Pencalonan mengenai keberkesanan dan sumbangan Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan utama;
  – Tidak ditentukan oleh budi bicara mana-mana individu atau kumpulan individu tertentu; dan
  – Berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

- Recommend a framework of remuneration for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers. The remuneration policy should:
  – be documented and approved by the Board and any changes thereto should be subject to the endorsement of the Board;
  – reflect the experience and level of responsibility borne by individual Directors, the Chief Executive and Key Senior Officers;
  – be sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive and Key Senior Officers of calibre needed to manage BSN successfully; and
  – be balanced against the need to ensure that the funds of BSN are not used to fund excessive remuneration packages.
- Recommend specific remuneration packages for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers. The remuneration packages should:
  – be based on an objective consideration and approved by the Board;
  – take due consideration of assessments of the Committee of the effectiveness and contribution of the Director, Chief Executive and Key Senior Officers concerned;
  – not be decided by the exercise of sole discretion of any individual or restricted group of individuals; and
  – be competitive and is consistent with BSN's culture, objectives and strategies.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

JLPI bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun. Pada tahun berakhir 31 Disember 2020, JLPI telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BNRC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2020, the BNRC convened twelve (12) times. The attendance recorded for the members is as follows:

Bil/ No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	**Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar** (Pengerusi/Chairman)	12/12
2	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat**	12/12
3	**Datin Zaimah Zakaria**	12/12
4	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim**	11/12

LEMBAGA TENDER

1. MATLAMAT

Matlamat utama Lembaga Tender (LT) adalah untuk memperkuatkan urus tadbir korporat, integriti dan ketelusan dalam proses perolehan dan pengurusan kontrak.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab LT adalah seperti berikut:

- Memastikan semua pelawaan tender mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa.
- Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender.
- Mempertimbang dan memutuskan tender yang menguntungkan dengan mengambil kira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyelenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan.
- Memutuskan untuk ditender semula atau mengesyorkan cara-cara perolehan yang lain, jika LT mendapati bahawa tatacara perolehan tersebut tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mengesyaki perkara luar aturan berlaku.
- Mempertimbangkan dan setuju terima tawaran dengan syarat keputusan yang dibuat adalah secara sebulat suara sahaja dan selaras dengan had nilai yang diluluskan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

LT bermesyuarat apabila diperlukan. Dalam tahun kewangan berakhir 2020, LT telah bermesyuarat sebanyak dua belas (12) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

TENDER BOARD

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Tender Board (TB) is to reinforce corporate governance, integrity and transparency in the procurement process and contract management.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the TB are as follows:

- Ensure that all tender invitations comply with the tender management procedures in force.
- Check the technical and financial capabilities of the tenderer.
- Consider and decide on a favourable tender taking into account the costs, service or use of goods, quantity, quality, delivery or completion period, maintenance costs and other related factors.
- In the event the TB finds that the procurement procedure does not follow the prescribed rules or suspects that irregularities have occured, TB may decide if a project should be re-tendered or recommends other means of procurement.
- Consider and agree to accept the offer provided that the decision made is unanimous and in accordance with the approved value limit.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The TB meets as and when necessary. During the financial year ended 31 December 2020, the TB convened twelve (12) times. The attendance recorded for the members is as follows:

Bil/ No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	**Datin Zaimah Zakaria** (Pengerusi/Chairman)	11/12
2	**Datuk Yunos Abd Ghani** (tamat tempoh lantikan pada 30 November 2020/term ended on 30 November 2020)	10/10*
3	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat**	11/12
4	**Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim**	12/12
5	**Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib**	12/12

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.
Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.

Penyata Pengurusan Risiko
Risk Management Statement

Selaras dengan prinsip dan peraturan tadbir urus risiko, pihak Bank mempunyai Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko yang memberi sokongan kepada Lembaga Pengarah bagi mengawal selia seluruh pengurusan risiko Bank. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko menjalankan fungsi sokongan pengawasan dalam memastikan objektif korporat Bank disokong oleh strategi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang kukuh dan berkesan yang bersesuaian dengan sifat, skala dan kerumitan aktiviti Bank.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bank telah dirancang untuk menyediakan persekitaran pengurusan risiko yang terkawal dan stabil. Rangka kerja ini juga menggariskan pendekatan Bank yang optimum dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan menangani risiko melalui pengurusan secara menyeluruh merangkumi risiko strategik, risiko kredit, risiko operasi, risiko pengurusan kesinambungan perniagaan, risiko pasaran, risiko teknologi maklumat dan risiko ketidakpatuhan Shariah.

Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pengurusan seharian dan kegiatan Bank adalah selaras dengan strategi risiko, polisi risiko dan selera risiko yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertanggungjawab dalam menyelia pembangunan polisi-polisi berkaitan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang penting dalam mengurus sesuatu aktiviti perniagaan Bank dan kecukupan sistem dan proses bagi menyokong fungsi pengurusan risiko. Jawankuasa Aset dan Liabiliti pula bertanggungjawab untuk menyelia kecukupan dan pendedahan risiko bagi keperluan pembiayaan dan kecairan komposisi aset dan liabiliti Bank.

In line with the regulatory principles and guidelines on risk governance, the Bank has established a Board Risk Management Committee (BRMC) at the Board-committee level to provide an oversight support on behalf of the Board on the supervision of risk management of the Bank in ensuring that the Bank's corporate objectives are supported by sound risk management strategies and framework that are appropriate to the nature, scale and complexity of its activities.

The Bank's Risk Management Framework (RMF) has been designed to provide a sound and well-controlled risk management environment within the Bank. This framework outlines the Bank's optimum approach in identifying, assessing, monitoring and addressing risks through a holistic management covering strategic risks, credit risks, operational risks, business continuity management risks, market risks, information technology risks and Shariah non-compliance risks.

At the management level, the Management Risk Committee (MRC) and Assets & Liabilities Committee (ALCO) are responsible in ensuring that the day-to-day management of the Bank's activities are consistent with its risk strategies, risk policies and risk appetite. MRC is responsible in overseeing the development of relevant risk and internal controls policies that are essential in managing the business activities of the Bank and the adequacy of system and processes supporting the risk management function. On the other hand, ALCO is responsible for overseeing the adequacy and the risk exposures of the Bank's assets and liabilities composition, as well of its funding and liquidity needs.



Rajah 1: Struktur Pentadbiran Risiko (Pelaporan kepada Jawatankuasa)
Figure 1: Risk Governance Structure (Committee Escalation Route)

STRUKTUR PENTADBIRAN RISIKO

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah merupakan badan pentadbir mutlak yang menyediakan pengawasan penting sama ada secara langsung atau menerusi jawatankuasa-jawatankuasanya, kepada usaha-usaha pengurusan risiko seluruh syarikat, dan menyedari serta mematuhi selera risiko Bank seperti yang dinyatakan oleh pihak Pengurusan Bank.

LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengurusan Risiko memberi pengawasan menyeluruh ke atas pendedahan risiko serta penetapan jumlah dan jenis yang ingin ditanggung dan dikekalkan sebagai risiko oleh Bank dan unit-unit perniagaan strategik, rangka kerja serta polisi untuk perbincangan lanjut oleh Lembaga Pengarah.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertindak selaku platform pengurusan tahap tinggi bagi Jabatan Pengurusan Risiko membincangkan isu-isu yang timbul daripada pemantauan praktis pengurusan risiko.

JAWATANKUASA ASET DAN LIABILITI

Jawatankuasa Aset dan Liabiliti adalah bertanggungjawab untuk memberikan sokongan kepada pihak Pengurusan dalam memastikan langkah-langkah yang diambil oleh Bank dapat mengurangkan risiko Pengurusan Aset dan Liabiliti. Semua keputusan yang dibuat dalam mesyuarat hendaklah disebarkan dengan sewajarnya kepada jabatan yang berkaitan. Jawatankuasa ini juga memantau dan mengurus risiko berkaitan yang mempunyai kesan langsung pada Imbangan Duga. Selain itu, jawatankuasa ini juga mengesahkan Garis Panduan dan Polisi Pengurusan Aset Liabiliti agar ianya bersesuaian dengan ukuran dan kerumitan operasi semasa dan masa hadapan Bank.

Jawatankuasa Aset dan Liabiliti juga bertanggungjawab untuk mempertimbangkan isu dan masalah yang berkaitan dengan pengurusan modal dan akan terus melaporkan kepada Lembaga Pengurusan Risiko ketika tahap modal menghampiri tahap membimbangkan seperti yang telah ditetapkan serta sebarang ketidakpatuhan dan pelanggaran tahap kecukupan modal, dan hal-hal pengurusan modal yang lain.

JAWATANKUASA KERJA RISIKO

Jawatankuasa Kerja Risiko adalah platform untuk membincang, mengkaji dan mencadangkan sebarang perubahan risiko terhadap rangka kerja, polisi, garis panduan, kawalan dan kepatuhan, alat dan sistem Bank, sesuai dengan amalan terbaik industri dan falsafah dan strategi pengurusan risiko yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah sebagaimana yang dijelaskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko (untuk semua bidang pengurusan risiko).

RISK GOVERNANCE STRUCTURE

BOARD OF DIRECTORS (BOARD)

The Board is the ultimate governing body which provides an important oversight either directly or via its Board level committees, to the enterprise-wide risk management efforts, and is aware of, and concurs with the Bank's risk appetite as put forward by the Management of the Bank.

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE (BRMC)

BRMC provides an oversight of the overall risk exposures which include the setting of the risk appetite/tolerance of the Bank and strategic business unit levels, frameworks and policies for further deliberation at the Board.

MANAGEMENT RISK COMMITTEE (MRC)

MRC acts as a top-level management platform for the Risk Management Department to highlight issues arising from the monitoring of risk management practices.

ASSETS AND LIABILITIES COMMITTEE (ALCO)

ALCO is responsible for providing support to the Management in ensuring that steps taken by the Bank in mitigating Asset and Liability Management (ALM) risks are sufficient and appropriate. All decisions made by the ALCO are disseminated accordingly to related departments. The ALCO also monitors and manages the relevant risks that have direct impact on the balance sheet. Additionally, the ALCO endorses the ALM Guideline and Policy to be in line with the size and complexity of the current and future operations of the Bank.

ALCO is also responsible for deliberating on issues/matters pertaining to the capital management and to escalate to BRMC when capital levels are approaching the set triggers, any non-compliance and breaches in capital adequacy levels, and on any other capital management matters.

RISK WORKING COMMITTEE (RWC)

RWC acts as the mid-level management platform to discuss, review and recommend risk related changes to the Bank's frameworks, policies, guidelines, controls and compliance, tools and system of the Bank in line with best industry practices and the Board-approved risk management philosophy and strategy as outlined in the Risk Management Framework (for all areas of risk management.

Penyata Pengurusan Risiko
Risk Management Statement

JAWATANKUASA KERJA RISIKO PEMATUHAN SHARIAH

Jawatankuasa Kerja Pematuhan Syariah ditubuhkan oleh Pihak Bank untuk bertanggungjawab terhadap pembangunan dan/atau penambahbaikan kepada keupayaan Bank di dalam menguruskan Risiko Ketidakpatuhan Syariah dan membuat cadangan kepada Jawatankuasa Syariah BSN (JKS-BSN) untuk perbincangan yang lebih lanjut dan membuat keputusan.

Antara tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Kerja Pematuhan Syariah ialah untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan risiko ketidakpatuhan Syariah termasuk insiden ketidakpatuhan Syariah, Tadbirurus Syariah, maklumat berkenaan Tadbirurus, memantau dan menjejak, mekasnime dan kawalan dalaman, peristiwa atau insiden luaran, dan lain-lain perkara berkaitan Syariah.

Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk mengesahkan insiden Potensi Ketidakpatuhan Syariah (PSNC) dan mengadakan perbincangan yang mendalam terhadap isu-isu PSNC terutamanya dari sudut pandang Syariah dan pengawalan setelah mempertimbangkan fakta-fakta dan bukti-bukti yang diberikan oleh Pihak Berkepentingan yang berkaitan sebelum isu-isu tersebut diajukan kepada JKS-BSN untuk membuat keputusan.

JAWATANKUASA KERJA RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jawatankuasa Kerja Risiko Teknologi Maklumat diwujudkan untuk membincang dan mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan masalah operasi teknologi termasuk mengawasi tindakan mitigasi untuk kejadian kerugian, masalah aplikasi, tadbir urus data dan harta tanah, kekurangan proses internal, pengendalian risiko dan langkah-langkah peningkatan lain yang diperlukan oleh Pihak Pengurusan, Lembaga, Pengawal Selia, atau mengikut amalan terbaik industri.

FALSAFAH PENGURUSAN RISIKO

"Risiko" sering ditakrifkan sebagai "kesan ketidaktentuan bagi sebarang objektif". Pengurusan risiko di BSN ditakrifkan seperti berikut: "Proses yang berterusan, proaktif dan sistematik dalam memahami, mengenal pasti, mengurus dan menyampai risiko yang membentuk perspektif keseluruhan bagi syarikat. Ianya bagi memudahkan pihak Bank dalam membuat keputusan, menyumbang kepada pencapaian keseluruhan objektif Bank." Falsafah asas pengurusan risiko Bank adalah bahawa semua aktiviti harus dijalankan secara optimum seiring dengan peranan mandat Bank, dan tujuan pertumbuhan/pulangan terhadap risiko yang berkaitan. Pada masa yang sama, tindakan pengimbangan juga haruslah selaras dengan struktur pentadbiran yang terbaik dari industri seiring dengan kepatuhan pengawalseliaan daripada pihak berkuasa dan keperluan Shariah; dan mencapai objektif yang disasarkan oleh Bank. Di samping itu, operasi dan aktiviti Bank haruslah berasaskan dan dikawal oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko, Rangka Kerja Pengurusan Shariah seperti yang disarankan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Bersandarkan pada falsafah asas ini, Bank telah mengamalkan konsep "tiga peringkat pertahanan", di mana risiko yang ada adalah dikendalikan oleh semua fungsi berdasarkan peranan masing-masing.

SHARIAH COMPLIANCE WORKING COMMITTEE (SCWC)

The SCWC was set up by the Bank to be responsible for developing and/or enhancing the capability of the Bank in managing Shariah non-compliance risks and recommending them to the Shariah Committee of BSN (SC-BSN) for further deliberation and decision.

Among the roles and responsibilities of SCWC are, discussing issues in relation to Shariah non-compliance risk including incidence of Shariah non-compliance events, Shariah governance, information governance, tracking and monitoring, internal control and mechanism, external events, and other Shariah related matters.

SCWC is also responsible for confirming on the Potential Shariah Non-compliance (PSNC) and to provide extensive deliberation on PSNC issues especially from Shariah and regulatory point of view after considering all the presented facts and evidence provided by the relevant stakeholders prior to escalation to the SC-BSN for decision.

INFORMATION TECHNOLOGY RISK WORKING COMMITTEE (ITRWC)

ITRWC was established for the purpose of discussing and reviewing technology operational issues including tracking the mitigation action for incidence of losses, applications issues, data and property governance, internal process inadequacies, other risk control and escalation measures as required by the Management, Board, regulators, or industry best practices.

RISK MANAGEMENT PHILOSOPHY

"Risk" is commonly defined as the "effect of uncertainty on objective". Risk management in BSN is defined as follows: "A continuous, proactive and systematic process to understand, identify, manage and communicate risk forms an enterprise-wide perspective. It is about facilitating the Bank in making its decisions, contributing to the achievement of the Bank's overall objectives." The basic philosophy of the Bank's risk management is that, all of its activities must strive for optimal balance between the Bank's mandated roles, and growth/return goals against the related risks. At the same time, the balancing act must also be in line with the industry's best structure, governance and practices while adhering to regulatory and Shariah requirements; and achieving its targeted objectives. In addition, the Bank's operation and activities must be guided and principally governed through the accepted Risk Governance and where applicable, the Shariah Governance Framework, and other regulatory requirements by the relevant authorities. Based on this basic philosophy, the Bank adopts the concept of "three lines of defense", where risks are collectively managed by all departments and functions based on their respective roles.

MEMBANGUNKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO YANG LESTARI

Penentu kejayaan dalam pengurusan risiko sesungguhnya menjadi keperluan utama dalam memastikan budaya dan kesedaran risiko yang lestari dirasai oleh setiap pekerja Bank. Pihak Bank akan memberikan sokongan penuh untuk melaksanakan proses pengurusan risiko dengan struktur organisasi yang bersesuaian dan memastikan bahawa kebertanggungjawaban ditakrifkan dengan jelas dan nyata di semua peringkat. Ini bagi membolehkan maklumat risiko disalurkan melalui struktur pelaporan yang jelas dan mantap.

DEVELOPING SUSTAINABLE RISK MANAGEMENT CULTURE

The key determinant of success in risk management is ensuring that a strong sustainable culture and awareness of risk permeates across every employee of the Bank. The Bank shall provide full support to implement the risk management processes with an appropriate organisational structure and shall ensure that accountabilities are clearly defined and communicated at all levels. This will enable the risk information to be communicated through a clear and robust reporting structure.

SELERA RISIKO

Selera risiko pihak Bank diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pihak Pengurusan Bank mengendalikan kenyataan selera risiko mengikut Rangka Kerja Pengurusan Risiko. Ianya bertujuan bagi menetapkan tahap risiko yang boleh diterima sebagai asas bagi sebarang keputusan yang perlu dibuat oleh Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah. Selera risiko akan dikaji semula mengikut keperluan bagi menyesuaikan tahap terdedahnya risiko sejajar dengan Pelan Strategi Korporat Bank.

RISK APPETITE

The Bank's risk appetite is approved by the Board. The Management of the Bank operationalises the risk appetite statement as per the Risk Management Framework. It sets the acceptable level of risk which is the basis of the decision-making of Management and the Board. The risk appetite is then reviewed as appropriate to adjust the desired level of risk exposure in line with the Bank's Corporate Strategy Plan (CSP).

Fokus Masa Nyata Real Time Focus	Pertahanan Peringkat Pertama First Line of Defense	• Menerapkan rangka kerja pengurusan risiko/polisi dan amalan pengurusan risiko yang mantap ke dalam prosedur operasi standard. • Embedding risk management framework/policies and sound risk management practices into standard operating procedures. • Bertanggungjawab untuk memantau dan menilai risiko dan kawalan. • Responsible and accountable for monitoring and assessing risks and controls. • Memastikan kakitangan mempunyai kemahiran dan latihan yang sesuai. • Ensuring staff have the appropriate skills and trainings.	Jabatan-Jabatan Perniagaan/ Sokongan Business Units/ Support Units
Fokus Kajian & Masa Nyata Real Time & Review Focus	Pertahanan Peringkat Kedua Second Line of Defense	• Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, polisi, sistem, dan proses. • Develop risk management framework, policies, system, processes and tools. • Menyokong unit-unit peringkat pertahanan pertama dalam menerapkan budaya pengurusan risiko dalam Bank. • Support units in the 1st line of defense in embedding the risk management culture in the Bank. • Proaktif dan reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. • Proactive and reactive to changes in the risk environment.	Jabatan Pengurusan Risiko/Jabatan Pematuhan Risk Management Department/ Compliance Department
Fokus Kajian Review Focus	Pertahanan Peringkat Ketiga Third Line of Defense	• Mengkaji semula keberkesanan amalan pengurusan risiko. • Reviews effectiveness of the risk management practices. • Mengesahkan tahap pematuhan. • Confirms level of compliance. • Mengesyorkan penambahbaikan dan tindakan pembetulan, jika perlu. • Recommends improvements and corrective actions, where necessary.	Jabatan Audit Dalaman Internal Audit Department

Rajah 2: Model Tiga Peringkat Pertahanan Pengurusan Risiko
Figure 2: Risk Management Three Lines of Defense Model

Penyata Pengurusan Risiko
Risk Management Statement

PROSES PENGURUSAN RISIKO/RISK MANAGEMENT PROCESS



Rajah 3: Proses Pengurusan Risiko
Figure 3: Risk Management Process

Proses pengurusan risiko dalam Bank melibatkan proses-proses pengenalpastian, penilaian/pengukuran, mitigasi, pemantauan dan laporan bagi mengoptimumkan pulangan ke atas pembiayaan dan aktiviti pengambilan risiko. Proses-proses ini diamalkan dalam mengurus tadbir risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi dan risiko ketidakpatuhan Shariah di semua fungsi dan jabatan Bank melalui pembentukan polisi risiko, garis panduan, prosedur dan had yang sesuai. Pengurusan risiko adalah tertumpu kepada bidang-bidang risiko berikut:

The risk management process within the Bank involves the identification, assessment/measurement, mitigation, monitoring, communicating and reporting to optimise returns on financing and risk-taking activities. These processes are practiced in managing credit, market, operational and Shariah non-compliance risks across various departments and functions of the Bank via appropriate risk policies, guidelines, procedures and limits. Risk management concentrates on the following key areas:



RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

1. RISIKO ENTERPRISE

Risiko Enterprise adalah proses berterusan, proaktif dan sistematik untuk memahami, mengenal pasti, mengurus dan menyampaikan risiko dari perspektif seluruh perniagaan. Ini adalah untuk mempermudah Bank dalam membuat keputusan, menyumbang kepada pencapaian objektif keseluruhan Bank. Risiko Enterprise biasanya merangkumi domain risiko dari perspektif strategik dan perniagaan. Risiko strategi didefinisikan sebagai risiko yang berkaitan dengan masa depan, iaitu dalam konteks BSN, rancangan dan strateginya, termasuk rancangan untuk menceburi perniagaan baru, memperluas perkhidmatan yang ada melalui pertumbuhan jualan dan keuntungan atau melalui penggabungan dan pengambilalihan, meningkatkan infrastruktur, risiko daripada pesaing dan lain-lain.

2. RISIKO OPERASI

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian yang timbul daripada kegagalan atau proses dalaman yang tidak mencukupi, faktor manusia dan sistem atau peristiwa-peristiwa luaran. Risiko ini diuruskan melalui proses pengurusan risiko operasi yang telah ditetapkan, pemantauan dan laporan mengenai pematuhan unit-unit perniagaan mengikut polisi yang telah disediakan, prosedur dan had oleh unit kawalan dan sokongan bebas, dan pengawasan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah.

3. RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kehilangan potensi pendapatan yang timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) dalam memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang dijadualkan. Bank adalah terdedah kepada risiko kredit yang datang daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan runcit, mikro, perusahaan kecil dan sederhana. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan sekuriti pasaran yang lain juga akan mendedahkan Bank kepada risiko kredit. Berpandukan kepada selera risiko perniagaan di seluruh Bank, fungsi pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan bagi memastikan pulangan terlaras risiko dimaksimumkan mengikut operasi dan selera risiko Bank.

4. RISIKO ASET DAN LIABILITI (ALM)

Risiko ALM merujuk kepada risiko yang berkaitan dengan kecairan, kadar pulangan dan pelbagai aset, liabiliti dan kunci kira-kira. Perkara utama dalam konteks ini adalah:

a. Campuran aset dan liabiliti
b. Struktur harga bagi aset dan liabiliti serta impaknya kepada margin kasar pihak Bank
c. Struktur semula harga dan struktur kematangan aset dan liabiliti serta kesannya ke atas kadar pulangan
d. Struktur matang bagi aset dan liabiliti dan kesannya kepada aliran tunai Bank
e. Sumber bagi liabiliti dan kos dana
f. Penggunaan deposit bagi membiayai dana aset sebaik mungkin
g. Mengekalkan jumlah aset yang boleh dipasarkan dengan kecairan yang mencukupi

RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

1. ENTERPRISE RISK

Enterprise Risk is an ongoing, proactive and systematic process for understanding, identifying, managing and delivering risks from a business-wide perspective. This is to facilitate the Bank in making decisions, contributing to the achievement of the Bank's overall objectives. Enterprise Risk Management typically covers risk domains from a strategic and business perspective. Strategic risk is defined as the risk associated with the future, in the context of BSN, plans and strategies, including plans to enter new business lines, expand existing services through organic growth or through mergers and acquisitions, improved infrastructure, risk from competitors and others.

2. OPERATIONAL RISK

Operational Risk is defined as the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems or from external events. This risk is managed through established operational risk management processes, proper monitoring and reporting of the business units' adherence to established risk policies, procedures and limits by independent control and support units, and oversight provided by the Management and the Board.

3. CREDIT RISK

Credit Risk is defined as the potential loss of income arising from failure of customers or counterparties (from financing and investment activities) to fulfil their obligations as scheduled. The Bank's exposure to credit risk is primarily from its lending/financing activities to retail customers, micro, small and medium-sized enterprises. Investment in equities, bonds, and other marketable securities will also expose the Bank to credit risk. Guided by the Bank-wide risk appetite, the Risk Management department's function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-à-vis the Bank's capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite.

4. ASSET AND LIABILITY (ALM) RISK

ALM risk refers to the risks associated with liquidity, rate of return and the Bank's full range of assets, liabilities and off-balance-sheet items. The major considerations in this context are:

a. The mix of the assets and liabilities
b. The pricing structure of assets and liabilities and its impact on the Bank's gross margin
c. The re-pricing and maturity structure of assets and liabilities and its impact on the rate of return
d. The maturity structure of both assets and liabilities and its impact on the Bank's cash flows
e. The sources of liabilities and the cost funds
f. Mobilisation of deposits and its utilisation to fund assets on the best possible terms
g. Maintaining an adequate amount of marketable and liquefiable assets

Penyata Pengurusan Risiko
Risk Management Statement

5. RISIKO PASARAN

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada perubahan dalam faktor risiko pasaran iaitu harga ekuiti, kadar faedah/keuntungan, sebaran kredit dan kadar pertukaran matawang. Risiko ini mempunyai kesan langsung ke atas pendapatan, serta nilai ekonomi Bank. Risiko kecairan pula ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada ketidakupayaan untuk menjana dana yang mencukupi bagi memenuhi komitmen dan obligasi kewangan dengan cara yang tepat pada masanya dan kos efektif. Punca biasa risiko ini adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian dalam masa dan nilai aliran masuk dan aliran keluar tunai yang timbul daripada pendedahan kunci kira-kira Bank (dalaman dan luaran).

6. RISIKO SHARIAH

Risiko Shariah ditakrifkan sebagai risiko yang terhasil daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Shariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Shariah. Rangka Kerja Tadbir Urus Shariah BSN (BSNSGF) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Shariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGFIFI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Objektif utama BSNSGF ini adalah untuk menggariskan peranan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Shariah, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Pengurusan Bank berhubung dengan perkara-perkara Shariah, termasuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan jabatan-jabatan dan fungsi-fungsi yang berkaitan yang mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan pematuhan dan fungsi penyelidikan Shariah yang bertujuan untuk mencapai persekitaran operasi berasaskan Shariah.

7. PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Kesedaran dalam Pengurusan Kesinambungan Perniagaan adalah sebahagian daripada pembangunan budaya Bank untuk menjadikan setiap kakitangan menyedari peranan dan tanggungjawab mereka berkenaan tahap persedian yang berterusan terhadap perkhidmatan kritikal dan penting oleh pihak Bank. Ianya merupakan kunci dalam memastikan keyakinan pelanggan, pematuhan peraturan dan melindungi reputasi Bank. Kesedaran yang berterusan tentang Pengurusan Kesinambungan Perniagaan diberikan semasa latihan dan Program Pemulihan Bencana/Pelan Kesinambungan Perniagaan bagi menubuhkan anggota pasukan operasi perniagaan yang kompeten, berpengetahuan, bermotivasi dan berkebolehan dalam informasi teknologi. Ini akan membantu untuk memastikan tindak balas yang berkesan dalam persediaan kesinambungan perniagaan, kesediaan dan daya tahan sekiranya berlaku sesuatu gangguan terhadap urusan perbankan.

5. MARKET RISK

Market Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the adverse movement in market risk factors namely equity prices, interest/profit rates, credit spreads and currency exchange rates. This risk has a direct impact on the earnings, as well as the economic value of the Bank. Liquidity Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the inability to generate sufficient funds to meet the financial commitments and obligations in a timely and cost-effective manner. The common source of the risk is attributed to the mismatch in timing and value of inflow and outflow of cash arising from the Bank's on and off-balance sheet exposures.

6. SHARIAH RISK

Shariah Risk is defined as risk resulting from the failure of any parts of the Bank to comply with the Shariah rules and principles determined by the relevant Shariah regulatory councils or committees. BSN Shariah Governance Framework (BSNSGF) for Islamic Banking Scheme is established in line with the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (SGFIFI) issued by Bank Negara Malaysia (BNM). The primary objective of the BSNSGF is to outline the role of the Board, the Shariah Committee, the Audit and Examination Board Committee, the Board Risk Management Committee, and the Management in relation to Shariah matters, including enhancing the capacity and capability of departments and functions having the responsibility to execute the Shariah compliance and research functions aimed at the attainment of a Shariah based operating environment.

7. BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT (BCM)

Business Continuity Management (BCM) awareness is part of the Bank's culture building to ensure that every staff is aware of his/her role and responsibility with respect to the need of having a continuous availability of the Bank's critical and essential services, which is key in ensuring customer confidence, regulatory compliance while protecting the Bank's reputation. Continuous awareness is consistently provided during training and in every Disaster Recovery Programme/ Business Continuity Plan exercises in order to establish competent, knowledgeable, motivated and technologically-enabled business operations personnel. This will help to ensure an effective response in the business continuity preparedness, readiness and resilience in the event of any banking disruption.

8. RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT

Risiko Teknologi Maklumat merupakan salah satu risiko perniagaan yang berkaitan dengan penggunaan, pemilikan, operasi, penglibatan, pengaruh dan pengambil alihan teknologi maklumat di dalam Bank. Ianya mungkin timbul akibat tiada pelaksanaan sistem, aplikasi, platform atau infrastruktur teknologi maklumat yang sempurna di mana ianya juga boleh mengakibatkan ancaman serta kelemahan terdedahnya kepada rangkaian luar atau internet yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan, gangguan perkhidmatan kewangan atau operasi Bank. Risiko Teknologi Maklumat boleh dikategorikan dalam tiga (3) kategori berlainan iaitu risiko manfaat/pembolehubah nilai, program teknologi maklumat dan risiko persiapan (perlaksanaan) projek, dan juga operasi teknologi maklumat dan penyediaan perkhidmatan.

KOMITMEN ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN)

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), BSN beriltizam untuk menerapkan amalan-amalan baik ESG ke dalam perniagaan dan operasi kami bagi menyokong visi kami iaitu 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan'. Kami menyedari kepentingan peranan kami untuk mewujudkan masa depan yang lestari untuk semua, justeru terus berusaha untuk memahami keperluan pelbagai pihak berkepentingan kami di samping memberi perhatian kepada kesan daripada tindakan kami terhadap pihak komuniti di mana kami memberi perkhidmatan. Kami sentiasa menilai cara untuk menerapkan amalan kelestarian agar kami dapat menguruskan risiko kami dengan wajar meskipun dalam usaha kami untuk memperkasa pertumbuhan ekonomi dan masyarakat.

Komponen-kompenen ESG adalah terikat kepada pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh BSN seperti yang diperincikan di bawah.

TADBIR URUS KORPORAT

Tadbir urus korporat memastikan proses membuat keputusan dilakukan secara bertanggungjawab demi menjaga kepentingan BSN dan pihak berkepentingannya. Ini memastikan bahawa kita memenuhi jangkaan pihak berkepentingan dan melaksanakan mandat kita untuk kelestarian, sekali gus mengurangi risiko dalam perniagaan kita. Oleh yang demikian, ini merupakan perkara asas untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan yang berwibawa dan boleh dipercayai. Dasar dan amalan yang sesuai mengukuhkan budaya integriti dan ketelusan yang sihat di seluruh BSN. Kelestarian tadbir urus yang baik adalah tertanam di dalam Nilai-Nilai Teras dan Kod Etika serta pelembagaan sasaran dan petunjuk-petunjuk prestasi utama BSN.

Dalam menjalankan tugas fidusiari dan fungsi kepemimpinannya, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mentadbir dan menetapkan hala tuju strategik BSN sambil menjalankan pengawasan yang berkesan terhadap pihak pengurusan. Lembaga Pengarah tidak terlibat dalam operasi perniagaan harian BSN. Pengarah bebas di dalam Lembaga berperanan untuk mewujudkan ketidakberpihakan dalam hal-hal percanggahan kepentingan yang mungkin timbul bagi pihak-pihak berkaitan. Di samping itu, Pengarah Bebas memainkan dua peranan dalam penciptaan nilai dan pemeliharaan nilai, dengan selalu bertindak demi kepentingan terbaik pihak berkepentingan BSN.

8 INFORMATION TECHNOLOGY RISK

IT risk is one of the business risk specifically associated with the use, ownership, operation, involvement, influence, and adoption of IT within the Bank. IT risk may arise from the non-performance of IT systems, applications, platforms or infrastructures including threats or vulnerabilities exposure to external network or internet, which could result in financial loss, disruption of financial services or the operations of the Bank. IT risk can be categorised in three (3) different categories namely, IT benefits/value enablement risk, IT programme and project delivery risk and IT operations and service desk delivery.

BANK SIMPANAN NASIONAL'S (BSN) ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE (ESG) COMMITMENT

As a Development Financial Institution (DFI), BSN is committed to ensure good ESG practices are embedded in our business and operations in support of our vision of 'No Malaysian Left Behind'. We are aware of the role we can play in creating a sustainable future for all, and in this regard, we continuously seek to understand the needs of our different stakeholders, while remaining attentive to the implications of our actions on the communities we serve. We continue to assess how we can further embed sustainability considerations, so that we can manage our risks appropriately even as we help facilitate economic and societal growth.

Components of ESG are embedded in various activities undertaken by the Bank as detailed below.

CORPORATE GOVERNANCE

Corporate governance ensures accountable decision-making in the interest of the Bank and its stakeholders. It ensures that we are meeting stakeholder expectations and carrying out our mandate for sustainability, while also mitigating the risks in our business. Hence, it is a fundamental aspect in positioning us as a trusted and credible financial services provider. Appropriate policies and practices reinforce a healthy culture of integrity and transparency throughout BSN. Sustainability of good governance is embedded in the Bank via our Core Values and Code of Ethics as well as institutionalisation of targets and KPIs.

In discharging its fiduciary duties and leadership functions, the Board governs and sets the strategic direction of the Bank while exercising effective oversight on management. The Board shall not be involved in day-to-day business operations of the Bank. Independent Directors on the Board serve to establish impartiality on matters of possible conflict and vested interests of related parties. In addition, Independent Directors play a dual role in value creation as well as value preservation, by always acting in the best interests of the Bank's stakeholders.

Penyata Pengurusan Risiko
Risk Management Statement

KETELUSAN DAN PELAPORAN

Ketelusan membina kepercayaan, keterlibatan dan komitmen pihak berkepentingan kami terhadap visi dan misi BSN. Kami sentiasa membincangkan dan mempertimbangkan tahap ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam melaporkan pelbagai fungsi BSN. Ini memberikan sumbangan positif untuk meningkatkan kualiti pelaporan kami, dari segi menyampaikan maklumat secara seimbang, bermakna dan tepat kepada pelbagai pihak berkepentingan kami.

KELESTARIAN KEWANGAN

Dalam memberi keutamaan kepada kepentingan terbaik pelanggan dan kelestarian jangka panjang, aktiviti pembiayaan kami adalah sejajar dengan Panduan Bank Negara mengenai Pembiayaan Bertanggungjawab dan Dokumen Dasar mengenai Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan. Pembiayaan kepada pihak-pihak yang berkaitan ditadbir oleh Dasar Pembiayaan Pihak-Pihak Terhubung BSN secara dalaman untuk memastikan bahawa semua urus niaga dilaksanakan secara telus dan setaraf.

Melalui dasar kami yang mengutamakan unsur Islam, amalan pemberian pinjaman kita disempurnakan oleh prinsip Syariah di mana kita mengelakkan pinjaman di sektor yang dilarang. Pengawasan risiko yang berkaitan dengan aktiviti pembiayaan kami dijalankan berdasarkan parameter Syariah, yang memberikan panduan kepada proses dan amalan kami untuk memastikan bahawa urus niaga dijalankan selaras dengan keperluan Syariah. Risiko ketidakpatuhan Syariah dikurangkan melalui pemantauan ketat terhadap ketidakpatuhan Syariah dalam semua aspek kitaran hayat produk.

TANGGUNGJAWAB PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), BSN bertanggungjawab bukan sekadar untuk merancang dan memberikan perkhidmatan kewangan yang membawa nilai kepada BSN malah juga menyokong matlamat sosial dan ekonomi yang lebih luas. Dengan meningkatkan penggunaan teknologi, mendorong inovasi dan penambahbaikan berterusan terhadap produk dan perkhidmatan kami, BSN menyokong pelanggan dan komuniti kami sambil memacu pertumbuhan yang lestari.

Piagam Layanan Adil Pelanggan BSN menunjukkan iltizam kami terhadap menyampaikan piawaian kesaksamaan yang tertinggi dalam semua urusan kami demi melindungi kepentingan dan kesejahteraan kewangan pelanggan kami. Kami komited terhadap memberikan nasihat yang jelas dan jujur dan untuk memastikan bahawa produk kewangan yang kami tawarkan adalah sesuai untuk pelanggan kami. Kami percaya bahawa memberikan hasil yang adil dan saksama kepada pelanggan akan membantu kami membina dan menjalin hubungan jangka panjang dengan pelanggan kami.

AMALAN PEROLEHAN BERTANGGUNGJAWAB

Proses, dasar dan tatacara dalaman kami merupakan panduan untuk memastikan amalan perolehan kami beretika dan bertanggungjawab, mematuhi prinsip keadilan dan mempertimbangkan semua kriteria yang wajar secara menyeluruh apabila memilih pembekal. Semua keputusan pembelian mesti dibuat berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dan demi kepentingan terbaik BSN.

TRANSPARENCY AND REPORTING

Transparency builds trust, engagement and commitment of our stakeholders to the vision and mission of the Bank. We continuously discuss and deliberate on the level of transparency and accountability in reporting across various functions of the Bank. This positively contributes to improving the quality of our reporting, in terms of presenting information in a balanced, meaningful and accurate manner to our various stakeholders.

FINANCIAL SUSTAINABILITY

In putting our customers' best interest and long-term sustainability at the forefront, our financing activities are aligned with Bank Negara's Guideline on Responsible Financing and Policy Document on Fair Treatment of Financial Consumers. Financing to connected parties are governed by BSN's internal Financing to Connected Parties Policy to ensure that all such transactions are conducted in a transparent and arms-length basis.

Through our Islamic-first policy, our lending practices are enhanced by Shariah principles and we refrain from lending in prohibited sectors. Oversight of the risks associated with our financing activities is based on Shariah parameters, which guide our processes and practices to ensure that transactions are carried out in accordance with Shariah requirements. Shariah non-compliance risks are mitigated through rigorous monitoring of Shariah non-compliance in all aspects of the product life-cycle.

PRODUCTS AND SERVICES RESPONSIBILITY

As a DFI, BSN is responsible not only for designing and delivering financial services that create value for the Bank but which also support wider social and economic goals. By deepening the utilisation of technology, driving innovation and constant enhancement to our products and services, BSN supports our customers and communities while driving sustainable growth.

BSN's Treat Customers Fairly Charter specifies our commitment to provide the highest standards of fairness in all our dealings to protect the interests and financial well-being of our customers. We are committed in providing clear and honest advice and to ensure that the financial products we offer are suitable for our customers. We believe that providing fair outcomes for customers helps us to build and foster long-term relationships with our customers.

RESPONSIBLE PROCUREMENT PRACTICES

Our internal processes, policies and procedures guide us in ensuring that our procurement practices are ethical and responsible, adhere to the principles of fairness and consider all appropriate criteria thoroughly when selecting suppliers. All purchasing decisions must be based on good governance practices and in the best interest of the Bank.

Tadbir urus dan tatacara dalaman yang mantap, termasuk Dasar Tanpa Hadiah BSN, menyediakan panduan bagi semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan ke arah memastikan tingkah laku beretika dan mencegah situasi konflik kepentingan. Semua sebut harga dan tender yang dikemukakan oleh pembekal dinilai berdasarkan kualiti barang dan perkhidmatan, latar belakang, pengalaman dan rekod prestasi pembida dan daya saing harga.

Oleh itu, komitmen kami terhadap menegakkan ketelusan, kerahsiaan dan keadilan dalam semua urusan kami memastikan bahawa semua pembekal kami menerima layanan secara adil dan saksama.

PERTUMBUHAN DAN PENGEKALAN PEKERJA

Warga kerja kami dan bakat mereka adalah sangat penting untuk pertumbuhan kami. Di BSN, kami memberikan sokongan penuh kepada kepelbagaian di tempat kerja yang mendorong modal insan berbakat untuk membangunkan potensi sepenuhnya. Cara kerja dan tindakan kami adalah berlandaskan nilai-nilai teras kami iaitu C.A.R.E (Komited, Cerdas, Menghormati dan Beretika).

Persekitaran perniagaan masa kini memerlukan warga kerja kami untuk dilengkapi dengan kemahiran yang akan mempersiapkan mereka untuk menguruskan risiko operasi perniagaan semasa dan yang bakal muncul. Kami percaya bahawa pengurusan perolehan, pertumbuhan dan pengekalan bakat yang berkesan dan cekap dapat menjamin kelangsungan, produktiviti, prestasi dan daya saing perniagaan.

PERHUBUNGAN KOMUNITI

Kami percaya bahawa penglibatan dalam pelbagai inisiatif komuniti akan memupuk rasa tanggungjawab di kalangan warga kerja kami terhadap pelbagai isu sosial dan alam sekitar. Ini juga menambah kepercayaan terhadap peranan penting mereka dalam menjana perubahan positif melalui cara penyelesaian yang lestari.

Kami mempunyai tradisi lama dalam memberi perkhidmatan kepada seluruh lapisan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, bangsa dan kedudukan sosial. Sejajar dengan visi Bank untuk 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan', BSN beriltizam untuk menjalinkan hubungan yang lestari dan bermakna dengan pelanggannya melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR), yang bertujuan memberi impak positif kepada komuniti. CSR BSN adalah sejajar dengan janji jenamanya untuk memberi masyarakat, terutamanya yang kurang berkemampuan, kesempatan untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di samping memperjuangkan mandat kami untuk menyediakan rangkuman kewangan kepada semua. BSN akan memastikan bahawa semua program CSR dilengkapi dengan nilai-nilai terasnya.

PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Penglibatan pihak bekepentingan merupakan asas untuk memahami keperluan mereka. Maklum balas dan input pihak berkepentingan kami adalah sangat berharga dan kami berhubung dengan mereka secara berkala melalui pelbagai platform sebagai kelaziman dalam perniagaan kami. Ia adalah penting untuk mengkaji, memahami dan bertindak balas terhadap harapan, keperluan, dan isu-isu pihak berkepentingan yang kian berkembang untuk memacu prinsip-prinsip dan program-progam yang akan meningkatkan kesedaran dan mendorong sokongan untuk tindakan yang berkesan ke arah mencapai pembangunan yang lestari.

Robust internal governance and procedures, including the Bank's No-Gift Policy, guide all those involved in the procurement process towards ensuring ethical conduct and preventing situations of conflicts of interest. All quotations and tenders submitted by suppliers are evaluated on the basis of quality of goods and services, background, experience and track record of the bidders and competitiveness of price.

Hence, our commitment to transparency, confidentiality and fairness in all our dealings ensures that all our suppliers can expect to be treated fairly and equally.

EMPLOYEE GROWTH AND RETENTION

Our people and their talent are fundamental to our growth. At BSN, we encourage a workplace with full diversity which attracts talented human capital to develop their fullest potential. We work and behave by our core values of C.A.R.E (Committed, Agile, Respectful & Ethical).

Today's business environment requires our people to be equipped with skills that will prepare them to manage present and emerging risks of our business operations. We believe that effective and efficient management of talent acquisition, growth and retention can ensure business continuity, productivity, performance and competitiveness.

COMMUNITY RELATIONS

We believe that involvement in various community initiatives helps instill a sense of responsibility in our employees towards various social and environmental issues. It also reinforces belief in their critical role in bringing about positive change through sustainable solutions.

We have a long-standing tradition of serving Malaysians from all walks of life regardless of background, race and social standing. In line with the Bank's vision of 'No Malaysian Left Behind', the Bank is committed to achieve sustainable and meaningful relationships with its customers through corporate social responsibility (CSR) programs, which will bring positive impact to the community. BSN's CSR is aligned with its brand promise to provide society, especially the underserved, the opportunity to enjoy a better life by championing our mandated roles in providing financial inclusion to all. BSN shall ensure that all CSR programs complement with its core values.

STAKEHOLDER ENGAGEMENT

Systematic engagement is fundamental to understanding stakeholders' needs. Our stakeholders and their inputs are valuable to us and we seek to reach out to them regularly through various platforms as part of the usual course of our business. It is crucial to analyse, understand and respond to the evolving expectations, needs, and issues of our stakeholders to advocate principles and programs that will raise awareness and activate support to enable meaningful actions towards sustainable development.

Kenyataan Audit Dalaman
Internal Audit Statement

Jabatan Audit Dalaman (IAD) melapor secara bebas kepada Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan (BAEC) dan ia adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan serta unit sokongan yang lain. IAD secara berkala akan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan BSN.

Skop audit IAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan termasuk anak-anak syarikat. Pengenalpastian unit-unit untuk diaudit secara keseluruhannya adalah berdasarkan kepada rangka kerja IAD berasaskan faktor risiko yang diluluskan oleh BAEC. Pelan audit tahunan dirangka berdasarkan penilaian risiko, pendedahan dan strategi BSN. Bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko tinggi adalah tertakluk kepada audit tahunan, manakala bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko sederhana tinggi, sederhana atau rendah adalah tertakluk kepada audit "cycle" yang diluluskan.

Walaupun berasaskan penilaian risiko, pelan audit juga mengambil kira bahagian yang akan diaudit secara tahunan mengikut keperluan kawal selia dan kriteria-kriteria lain seperti kejadian penipuan terkini, penarafan audit yang menurun sebelumnya serta faktor-faktor lain yang berkaitan. IAD juga menjalankan siasatan kes penipuan oleh kakitangan, pelanggan atau pihak ketiga dan mencadangkan penambahbaikan yang sesuai untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang dan mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab.

IAD mempunyai akses tanpa had kepada pihak BAEC dan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kerja pengauditan, yang mana asasnya termasuk mengenalpasti risiko yang boleh memberi impak negatif kepada prestasi BSN dan/atau menghalang BSN daripada mencapai matlamat korporatnya. Pihak BAEC juga akan memastikan bahawa pihak pengurusan memahami risiko dan proaktif dalam pengawasan ke atas resolusi dan mitigasi mengikut keperluan.

Laporan Audit menyediakan skop audit yang dilaksanakan, penilaian ke atas sistem kawalan dalaman berserta dengan pemerhatian audit yang terperinci, tindakan mitigasi oleh pihak pengurusan, ulasan dan cadangan IAD untuk penambahbaikan. BAEC menyemak dan membincangkan pengecualian atau ketidakpatuhan yang diutarakan dan memastikan bahawa sekiranya perlu dan berkaitan, pihak BAEC mengarahkan pihak Pengurusan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu berkaitan dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperkuatkan sistem kawalan dalaman berdasarkan cadangan-cadangan audit tersebut.

BAEC terdiri daripada empat Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ia adalah satu Jawatankuasa yang berwakilkan Lembaga Pengarah yang menyediakan pengawasan ke atas laporan kewangan, pendedahan, pematuhan peraturan undang-undang, pengurusan risiko, amalan tadbir urus dan pemantauan proses kawalan dalaman dalam BSN. BAEC memanfaatkan kerja-kerja IAD dan Laporan Audit yang dibentangkan kepada BAEC. Semua penemuan-penemuan ketara dan penting oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pihak pengawalseliaan akan dilaporkan kepada BAEC untuk semakan dan perbincangan. Dalam hal ini, BAEC memastikan pelan mitigasi dilaksanakan oleh pihak pengurusan kanan untuk melindungi kepentingan BSN dan untuk memastikan tadbir urus yang wajar. Pengurusan unit perniagaan dan sokongan yang diklasifikasikan 'Tidak Memuaskan' oleh pihak IAD akan diberi nasihat yang sewajarnya oleh BAEC.

The Internal Audit Department (IAD) reports independently to the Board of Audit & Examination Committee (BAEC) and is independent of the activities and operations of the business and other support units. IAD regularly evaluates the adequacy, efficiency and effectiveness of risk management, control, and governance processes implemented by the Management of BSN.

IAD scope of coverage encompasses all business and support units, including subsidiaries. The identification of the auditable units and the audit universe are based on a risk based IAD framework that is approved by BAEC. The annual audit plan is developed based on assessment of risks, exposures, and strategies of BSN. Areas that are assessed to be high risk are subject to an annual audit while those that are assessed to be medium high, medium or low risk are subject to a cyclical audit.

Notwithstanding the risk assessment, the annual audit plan will include areas that will be audited annually due to regulatory requirements, and other established criteria such as recent incidence of fraud, previous adverse audit rating or other pertinent considerable factors. IAD also undertakes investigations into alleged frauds by staff, customers or third parties, and recommends appropriate improvements to prevent recurrence and actions against responsible parties.

IAD has unrestricted access to BAEC and information required in the course of its work, which fundamentally involves identifying risks that could negatively impact the performance of the Group and/or keep it from achieving its corporate goals. The BAEC ensures that Management fully understands the risks and proactively provide the required oversight for resolution and mitigation, where necessary.

The Audit Report provides the scope of audit work performed, a general evaluation of the system of internal control together with detailed audit observations, management mitigation actions, comments and IAD recommendations for improvement. The BAEC reviews and deliberates exceptions or non-compliances raised and ensures that where required and applicable, the BAEC directs Management to take cognisance of the issues and establish necessary steps to strengthen the system of internal controls based on audit recommendations.

BAEC comprises four (4) Independent Non-Executive Directors. It is a Board-delegated committee that provides oversight on financial reporting, disclosure, regulatory compliance, risk management, governance practices and monitoring of internal control processes in BSN. BAEC leverages on the work of the IAD and the Audit Report that is presented to the BAEC. All significant and material findings by the internal auditors, external auditors and regulators are reported to the BAEC for review and deliberation. In this regard, the BAEC ensures that mitigation plans are implemented by senior management to safeguard the interests of BSN and to upkeep proper governance. Management of business and support units that are rated 'Unsatisfactory' by IAD are counselled by the BAEC.

Laporan Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee Report

JAWATANKUASA SYARIAH (JKS)

Sebagai sebuah Perniagaan Perbankan Islam, satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank, yang merangkumi penubuhan JKS ini selari dengan keperluan Bahagian IV Penggal 2 Seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dan pelaksanaan Tadbir Urus Syariah oleh organ-organ utama di dalam Bank berdasarkan kepada Dokumen Polisi Tadbir Urus Syariah BNM (2019). Secara umum, JKS bertanggungjawab untuk memberikan nasihat yang objektif dan bernas kepada Bank untuk memastikan tujuan dan operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti kegiatannya mematuhi Syariah.

Untuk memastikan keberkesanan pengawasan dan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah, JKS dibantu oleh fungsi-fungsi kawalan di bawah Tadbir Urus Syariah iaitu Risiko Syariah Jabatan Pengurusan Risiko, Semakan Syariah Jabatan Pematuhan dan Audit Syariah Jabatan Audit Dalaman manakala sokongan operasi bagi keberkesanan fungsi JKS dilaksanakan oleh Bahagian Syariah Jabatan Perbankan Islam.

SHARIAH COMMITTEE (SC)

As an Islamic Banking Business, a Shariah governance framework has been put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank, which includes establishment of the SC in line with the requirement of Part IV Division 2 Section 30 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) and implementation of Shariah Governance by key organs of the Bank in accordance with the BNM Policy Document Shariah Governance (2019). In general, the SC has the responsibility to provide objective and sound advice to the Bank to ensure that its aims and operations, business, affairs and activities are in compliance with Shariah.

In ensuring the oversight and effective management of the Bank's overall Shariah non-compliance risk, the SC is assisted by the control functions under the Shariah Governance namely the Shariah Risk of Risk Management Department, Shariah Review of Compliance Department and Shariah Audit of Internal Audit Department, while the operational support for the effective functioning of the SC is provided by the Shariah Division of Islamic Banking Department.

KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Keanggotaan JKS adalah terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam dan undang-undang transaksi Islam. Di Bank Simpanan Nasional, JKS terdiri daripada enam (6) orang ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE

Members of the SC are scholars who have the qualifications and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence and Islamic commercial laws. In Bank Simpanan Nasional, the SC consists of six (6) members with diverse backgrounds in terms of qualifications, experience and knowledge.

MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, dua belas (12) mesyuarat JKS termasuk mesyuarat-mesyuarat khas telah diadakan sepanjang dua belas (12) bulan tersebut. Mesyuarat-mesyuarat ini telah diadakan secara fizikal dan secara maya sepanjang tahun susulan keadaan pandemik COVID-19. Kehadiran ahli-ahli JKS adalah seperti berikut:

SHARIAH COMMITTEE MEETING

For the financial year ended 31 December 2020, twelve (12) SC meetings including special meetings were held during the twelve (12) months. The meetings were held physically and virtually throughout the year in view of the COVID-19 pandemic situation. The attendance of the SC members is as follows:

Bil/No	Ahli Jawatankuasa Syariah/Shariah Committee Members	Kehadiran/Attendance
1	**Prof. Madya Dr. Mohamad Zaharuddin Zakaria**	12/12
2	**Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh**	12/12
3	**Dr. Mohd Fuad Md Sawari** (tamat tempoh lantikan pada Mei 2020/term ended on May 2020)	03/04
4	**Tuan Haji Selamat Haji Sirat** (meletak jawatan pada Mei 2020/resigned on May 2020)	02/03
5	**Dr. Asma Hakimah Ab Halim**	12/12
6	**Ustaz Abdullah Hanif Hassan**	12/12
7	**Tuan Haji Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib** (dilantik pada April 2020/appointed on April 2020)	09/09

PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK SIMPANAN NASIONAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Bank dan Kumpulan dan Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 5 hingga 184.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Pelaporan Kewangan Institusi Kewangan Pembangunan terbitan Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan keperluan Syariah.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Pelaporan Kewangan Institusi Kewangan Pembangunan terbitan Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan keperluan Syariah. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Bank dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urusniaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Pelaporan Kewangan Institusi Kewangan Pembangunan terbitan Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan keperluan Syariah, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan keperluan Pelaporan Kewangan Institusi Kewangan Pembangunan terbitan Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 [Akta 146], Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan keperluan Syariah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
26 MAC 2021

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID** dan **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan perubahan kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan serta hasil kendaliannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID
PENGERUSI

Kuala Lumpur
Tarikh: 3 MAR 2021

JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kuala Lumpur
Tarikh: 3 MAR 2021

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BANK SIMPANAN NASIONAL

Kami, **ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID** and **JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH** sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif, masing-masing yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Bank Simpanan Nasional, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas:)

ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID)
(No. K/P: 650813-10-7476))
dan
JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH)
(No. K/P: 761101-08-6453))
di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)
pada 3 MAR 2021)

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 711
SYED KHAIRIL ANUAR
B. SYED ZAINUDIN
01/01/2021-31/12/2023
MALAYSIA

43A-1-11, JALAN 1/48A
SENTUL PERDANA
BANDAR BARU SENTUL
51000 KUALA LUMPUR
+6018 357 3015

Laporan Pengarah

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020

Para Pengarah Bank Simpanan Nasional (Bank) dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti dinyatakan masing-masing dalam Nota 8 dan 9 kepada penyata kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	BANK RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	**369,636**	**306,868**
Belanja cukai dan zakat	**(127,789)**	**(102,754)**
Keuntungan bersih pada tahun semasa	**241,847**	**204,114**
Keuntungan boleh diagihkan kepada:		
Pemilik Bank	**216,853**	**204,114**
Kepentingan bukan kawalan	**24,994**	**–**
Keuntungan bersih pada tahun semasa	**241,847**	**204,114**

Keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Dividen tunai yang dibayar oleh Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah RM34 juta.

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas ialah:

Rossana Annizah Binti Ahmad Rashid (dilantik pada 1 Februari 2020)
Dr Mastura Binti Abdul Karim (dilantik pada 4 Disember 2020)
Haji Selamat Bin Sirat
Datin Zaimah Binti Zakaria
Dato' Haji Amirudin Bin Haji Abdul Halim
Ahmad Lutfi Bin Abdull Mutalip @ Talib
Dato' Mohd Rizal Bin Mohd Jaafar
Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah (dilantik pada 3 Februari 2021)
Datuk Yunos Bin Abd Ghani (bersara pada 30 November 2020)
Razali Bin Othman (berkhidmat sehingga 8 Disember 2020)

Kesemua ahli Lembaga adalah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Datuk Yunos Bin Abd Ghani dan Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah. Kesemua ahli Lembaga adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Laporan Pengarah

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada antara Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang imbuhan (selain daripada imbuhan yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang telah diterima atau patut dan belum diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 31 dalam penyata kewangan) di bawah kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana para Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana para Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Sepanjang tempoh dan pada akhir tahun kewangan tiada sebarang perjanjian yang mengatakan Bank merupakan pihak yang mana Pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pembelian saham atau debentur dalam Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambih langkah yang munasabah:

i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan

ii) untuk memastikan aset-aset semasa yang mana nilai bukunya, mungkin tidak dapat direalisasi dalam rekod perakaunan dalam urusniaga biasa perniagaan, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk atau peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dalam penyata Kumpulan dan Bank adalah sangat tidak mencukupi; atau

ii) nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan; atau

iii) tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau

iv) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak bersesuaian.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; atau

ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank selepas berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank yang boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh merosotnilaikan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMBUNGAN)

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2020 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah:

ROSSANA ANNIZAH BINTI AHMAD RASHID
Pengerusi

JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
Pengarah

Kuala Lumpur
Tarikh: 3 Mac 2021

Laporan Jawatankuasa Syariah BSN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Penyayang
Segala Puji-Pujian Hanya kepada Allah SWT dan Selawat serta Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan sahabat Baginda.

Dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional sepertimana digariskan di dalam Dokumen Polisi Urus Tadbir Syariah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga sebagai mematuhi surat perlantikan, kami dengan ini mengemukakan laporan kami bagi penyata kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Pengurusan Bank pada setiap masa bertanggungjawab memastikan Bank menjalankan operasi dan perniagaan berkaitan Perbankan Islam selaras dengan prinsip Syariah, dan adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyatakan pendapat secara bebas berdasarkan semakan kami ke atas operasi dan perniagaan produk-produk patuh Syariah Bank.

Kami telah mengadakan dua belas (12) kali mesyuarat sepanjang tahun kewangan di mana kami telah menyemak, membincangkan, meluluskan dan mengesahkan produk, transaksi, perkhidmatan, proses serta dokumentasi berkaitan Perbankan Islam. Secara umum, berikut adalah kontrak Syariah yang telah diluluskan bagi produk Patuh Syariah:

a) *Tawarruq*	:	Pembiayaan perumahan Islamik, Pembiayaan peribadi Islamik, Pembiayaan Perniagaan Mikro Islamik, Deposit Tetap Islamik, Sijil Simpanan Premium Edisi Khas, Akaun Simpanan dan e-Semasa Islamik
b) *Ujrah*	:	Kad Kredit Islamik
c) *Mudarabah*	:	Sijil Simpanan Premium
d) *Qard*	:	Akaun Simpanan Islamik

Dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab, pendapat kami dirumus berdasarkan kepada maklumat yang dibentangkan kepada Jawatankuasa termasuk penilaian berdasarkan ujian ke atas setiap jenis transaksi, dokumen-dokumen yang berkaitan dan prosedur-prosedur yang digunapakai oleh Bank tidak melanggar prinsip dan peraturan Syariah. Di samping itu, kami juga menilai laporan Risiko Syariah Jabatan Pengurusan Risiko beserta laporan Semakan Syariah Jabatan Pematuhan dan Audit Syariah Jabatan Audit Dalaman.

Selain itu, kami juga dibantu oleh Bahagian Syariah yang bertanggungjawab untuk memberikan sokongan operasi bagi fungsi Jawatankuasa Syariah dengan berkesan, dan fungsi kawalan di bawah Urus Tadbir Syariah yang terdiri daripada Risiko Syariah, Semakan Syariah dan Audit Syariah dalam memastikan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah yang efektif di Bank.

Kami mengakui, meskipun Bank menghadapi cabaran disebabkan oleh keadaan pandemik Covid-19 yang tidak pernah berlaku sebelum ini pada tahun kewangan ini, pelaksanaan moratorium dan juga kemudahan penjadualan semula dan penstrukturan semula pembiayaan Islamik yang dilaksanakan oleh Bank semasa krisis Covid-19 adalah selaras dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) MPS berhubung larangan keuntungan berkompaun yang mana ia berteraskan asas pertimbangan prinsip kebajikan (*Ihsan*) yang bertujuan untuk meringankan bebanan dan kesusahan kewangan (*masyaqqah*) pelanggan-pelanggan yang terjejas akibat pandemik Covid-19 ketika ini.

Bagi tujuan memperkukuhkan kemampuan Jawatankuasa Syariah, selain daripada mengikuti latihan dan kursus Syariah yang berkaitan, kami juga telah menjalani program pensijilan berkaitan Perbankan Islam & Syariah iaitu Certified Shariah Advisors (CSA) dan Certified Shariah Practitioner (CSP) yang dianjurkan oleh Persatuan Penasihat Syariah Dalam Kewangan Islam (ASAS).

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mengukuhkan interaksi antara Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah pada tahun kewangan ini, kami bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga telah menyertai satu sesi latihan dalaman yang dijalankan oleh penceramah luar yang dilantik di mana program latihan tersebut juga termasuk dengan sesi libat urus di antara ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Syariah. Sementara itu, bagi memastikan fungsi pemantauan Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah, Pengerusi Jawatankuasa Syariah pada setiap suku tahun telah membentangkan maklumat kemaskini daripada mesyuarat Jawatankuasa Syariah sebagai pemakluman kepada Lembaga Pengarah, sebagai tambahan kepada pemakluman setiap minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah kepada mesyuarat Lembaga Pengarah.

Sepanjang tahun kewangan, tiada kejadian ketidakpatuhan Syariah yang dilaporkan kepada Jawatankuasa Syariah. Bagaimanapun, kami memantau pihak Bank dalam mengambil tindakan ke atas kejadian ketidakpatuhan Syariah yang lalu yang berlaku pada tahun kewangan sebelum mengambil kira proses tindakan pembetulan masih berterusan.

Bersandarkan kepada perkara di atas, kami berpendapat bahawa:

1. kontrak, transaksi dan urusniaga yang digunakan oleh Bank Simpanan Nasional pada tahun berakhir 31 Disember 2020 yang telah kami semak, mematuhi prinsip dan peraturan Syariah; dan

2. pengagihan keuntungan dan caj kerugian berkenaan akaun pelaburan mematuhi asas-asas yang telah diluluskan oleh kami berdasarkan prinsip dan peraturan Syariah; dan

3. segala pendapatan daripada sumber yang diluluskan kami telah disalurkan bagi tujuan kebajikan; dan

4. pengiraan zakat yang dilakukan berdasarkan kaedah yang disahkan oleh pihak Berkuasa Zakat yang berkaitan, adalah mematuhi prinsip dan peraturan Syariah.

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Bank Simpanan Nasional, dengan ini mengesahkan, setakat kemampuan terbaik kami, bahawa operasi produk-produk patuh Syariah Bank Simpanan Nasional untuk tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dijalankan mengikut prinsip dan peraturan Syariah.

Bagi pihak Jawatankuasa Syariah:

PROF. MADYA DR. MOHAMAD ZAHARUDDIN ZAKARIA
Pengerusi Jawatankuasa Syariah

DR. ASMA HAKIMAH AB HALIM
Ahli Jawatankuasa Syariah

Kuala Lumpur, Malaysia
23 Februari 2021

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2020

		KUMPULAN		BANK	
		2020	**2019**	**2020**	**2019**
	Nota	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**
ASET					
Tunai dan dana jangka pendek	3	**2,188,453**	888,243	**2,059,544**	847,741
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain		**143,898**	160,093	**–**	–
Pelaburan sekuriti	4	**7,569,553**	6,945,491	**7,363,811**	6,740,165
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	5	**29,785,820**	25,434,467	**29,785,820**	25,434,467
Aset-aset lain	7	**387,491**	417,280	**187,298**	188,621
Pelaburan dalam subsidiari	8	**–**	–	**53,000**	53,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	**126,627**	155,892	**127,877**	144,724
Hartanah, loji dan peralatan	10	**527,352**	531,572	**498,048**	498,065
Aset hak-kegunaan	11	**161,220**	169,729	**86,126**	88,402
Pelaburan hartanah	12	**60,989**	52,390	**60,989**	52,390
Bayaran pajakan prabayar	13	**74,809**	75,893	**73,324**	74,390
Aset tak ketara	14	**234,120**	211,186	**103,909**	104,924
Aset cukai tertunda	24	**86,057**	72,343	**88,481**	74,362
Aset dana takaful keluarga	41	**4,552,960**	3,599,005	**–**	–
Jumlah aset		**45,899,349**	38,713,584	**40,488,227**	34,301,251
LIABILITI DAN EKUITI					
Deposit daripada pelanggan	15	**27,782,240**	22,875,146	**27,785,964**	22,879,704
Akaun pelaburan oleh pelanggan	16	**3,572,254**	3,092,562	**3,572,254**	3,092,562
Deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	17	**2,663,923**	2,696,574	**2,663,923**	2,696,574
Pendapatan tertunda	18	**958,680**	517,009	**958,680**	517,009
Obligasi manfaat persaraan	19	**649,281**	510,086	**649,281**	510,086
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	20	**264,790**	220,869	**264,790**	220,869
Liabiliti pajakan	21	**159,231**	164,383	**81,741**	82,645
Liabiliti-liabiliti lain	22	**1,311,651**	1,226,132	**965,121**	891,357
Peruntukan untuk cukai dan zakat	23	**67,362**	133,445	**66,825**	131,668
Liabiliti dana takaful keluarga	41	**356,989**	348,727	**–**	–
Liabiliti dana pemegang polisi takaful keluarga	41	**4,195,971**	3,250,278	**–**	–
Jumlah liabiliti		**41,982,372**	35,035,211	**37,008,579**	31,022,474
EKUITI					
Keuntungan tertahan		**1,601,552**	1,585,719	**1,443,294**	1,440,200
Rizab-rizab lain		**2,038,279**	1,840,502	**2,036,354**	1,838,577
Jumlah Rizab		**3,639,831**	3,426,221	**3,479,648**	3,278,777
Kepentingan bukan kawalan terkumpul		**277,146**	252,152	**–**	–
Jumlah ekuiti		**3,916,977**	3,678,373	**3,479,648**	3,278,777
Jumlah liabiliti dan ekuiti		**45,899,349**	38,713,584	**40,488,227**	34,301,251
KOMITMEN DAN LIABILITI LUAR JANGKA	36	**2,147,829**	1,723,746	**2,146,717**	1,710,727

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020

		KUMPULAN		BANK	
		2020	2019	2020	2019
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Hasil	25	**2,886,839**	2,901,993	**2,035,597**	2,131,623
Pendapatan faedah	26	**574,305**	663,712	**568,835**	654,806
Belanja faedah	27	**(121,518)**	(192,701)	**(130,085)**	(197,131)
Pendapatan faedah bersih		**452,787**	471,011	**438,750**	457,675
Pendapatan fi dan komisyen	28	**821,632**	776,884	**79,153**	97,412
Pendapatan operasi lain	29	**213,005**	197,625	**109,712**	115,633
Perbelanjaan operasi lain	30	**(65,540)**	(55,748)	**(61,820)**	(47,600)
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	40	**850,823**	859,395	**850,823**	859,395
Jumlah pendapatan bersih		**2,272,707**	2,249,167	**1,416,618**	1,482,515
Perbelanjaan kakitangan	31	**(760,069)**	(764,209)	**(663,511)**	(672,468)
Perbelanjaan lain	32	**(1,077,122)**	(960,462)	**(392,777)**	(359,578)
Keuntungan operasi sebelum elaun rosotnilai		**435,516**	524,496	**360,330**	450,469
(Elaun)/Masuk kira semula bagi rosotnilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	33	**(37,365)**	38,740	**(37,365)**	38,740
Masuk kira semula/(Elaun) bagi rosotnilai atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	**2,378**	(37,384)	**(16,097)**	(43,368)
Keuntungan operasi selepas elaun rosotnilai		**400,529**	525,852	**306,868**	445,841
Bahagian kerugian selepas cukai bagi syarikat bersekutu	9	**(30,893)**	(20,639)	**–**	–
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat		**369,636**	505,213	**306,868**	445,841
Belanja cukai	34	**(120,751)**	(157,231)	**(100,754)**	(135,688)
Zakat	23	**(7,038)**	(5,181)	**(2,000)**	(1,588)
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**241,847**	342,801	**204,114**	308,565
Keuntungan bersih pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		**216,853**	318,546	**204,114**	308,565
Kepentingan bukan kawalan	8	**24,994**	24,255	**–**	–
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**241,847**	342,801	**204,114**	308,565

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020

	Nota	KUMPULAN 2020 RM'000	KUMPULAN 2019 RM'000	BANK 2020 RM'000	BANK 2019 RM'000
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**241,847**	342,801	**204,114**	308,565
(Kerugian)/Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai dan cukai tertunda:					
Item yang tidak akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:					
Pengukuran semula obligasi manfaat ditentukan		**(64,963)**	–	**(64,963)**	–
Item yang mungkin akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:					
Sekuriti pelaburan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		**95,720**	206,310	**95,720**	206,310
Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa, selepas cukai dan cukai tertunda		**30,757**	206,310	**30,757**	206,310
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		**272,604**	549,111	**234,871**	514,875
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		**247,610**	524,856	**234,871**	514,875
Kepentingan bukan kawalan	8	**24,994**	24,255	**–**	–
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		**272,604**	549,111	**234,871**	514,875

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020

KUMPULAN		Milik pemegang ekuiti Bank								
		Tidak boleh diagih				Boleh diagih				
	Nota	Rizab Am* RM'000	Rizab Modal** RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Pematuhan*** RM'000	Rizab Penilaian Semula RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000	Kepentingan Bukan Kawalan RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
Pada 1 Januari 2019		100,000	1,237,748	8,954	131,283	1,925	1,431,455	2,911,365	227,897	3,139,262
Keuntungan bersih pada tahun semasa		–	–	–	–	–	318,546	318,546	24,255	342,801
Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa		–	–	206,310	–	–	–	206,310	–	206,310
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		–	–	206,310	–	–	318,546	524,856	24,255	549,111
Dividen dibayar	42	–	–	–	–	–	(10,000)	(10,000)	–	(10,000)
Pindahan ke rizab modal		–	154,282	–	–	–	(154,282)	–	–	–
Pada 31 Disember 2019		100,000	1,392,030	215,264	131,283	1,925	1,585,719	3,426,221	252,152	3,678,373
Pada 1 Januari 2020		**100,000**	**1,392,030**	**215,264**	**131,283**	**1,925**	**1,585,719**	**3,426,221**	**252,152**	**3,678,373**
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**216,853**	**216,853**	**24,994**	**241,847**
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain pada tahun semasa		**–**	**–**	**95,720**	**–**	**–**	**(64,963)**	**30,757**	**–**	**30,757**
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		**–**	**–**	**95,720**	**–**	**–**	**151,890**	**247,610**	**24,994**	**272,604**
Dividen dibayar	42	**–**	**–**	**–**	**–**	**–**	**(34,000)**	**(34,000)**	**–**	**(34,000)**
Pindahan ke rizab modal		**–**	**102,057**	**–**	**–**	**–**	**(102,057)**	**–**	**–**	**–**
Pada 31 Disember 2020		**100,000**	**1,494,087**	**310,984**	**131,283**	**1,925**	**1,601,552**	**3,639,831**	**277,146**	**3,916,977**

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2019: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 39(b) (vi).

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

Sebelum 1 Julai 2018, Kumpulan mematuhi Dasar BNM mengenai Klasifikasi dan Peruntukan Rosotnilai untuk Pinjaman/Pembiayaan, untuk mengekalkan, secara agregat, elaun rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan tidak kurang dari 1.2% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan yang belum dijelaskan, setelah ditolak elaun rosotnilai individu.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020

BANK	Nota	Rizab Am* RM'000	Rizab Modal** RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Pematuhan*** RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000
		← Milik pemegang ekuiti Bank →					
		← Tidak boleh diagih →				Boleh diagih	
Pada 1 Januari 2019		100,000	1,237,748	8,954	131,283	1,295,917	2,773,902
Keuntungan bersih pada tahun semasa		–	–	–	–	308,565	308,565
Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa		–	–	206,310	–	–	206,310
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		–	–	206,310	–	308,565	514,875
Dividen dibayar	42	–	–	–	–	(10,000)	(10,000)
Pindahan ke rizab modal		–	154,282	–	–	(154,282)	–
Pada 31 Disember 2019		100,000	1,392,030	215,264	131,283	1,440,200	3,278,777
Pada 1 Januari 2020		**100,000**	**1,392,030**	**215,264**	**131,283**	**1,440,200**	**3,278,777**
Keuntungan bersih pada tahun semasa		**–**	**–**	**–**	**–**	**204,114**	**204,114**
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain pada tahun semasa		**–**	**–**	**95,720**	**–**	**(64,963)**	**30,757**
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		**–**	**–**	**95,720**	**–**	**139,151**	**234,871**
Dividen dibayar	42	**–**	**–**	**–**	**–**	**(34,000)**	**(34,000)**
Pindahan ke rizab modal		**–**	**102,057**	**–**	**–**	**(102,057)**	**–**
Pada 31 Disember 2020		**100,000**	**1,494,087**	**310,984**	**131,283**	**1,443,294**	**3,479,648**

* Rizab am merupakan suntikan modal oleh Kementerian Kewangan.

** Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2019: 50%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat.

*** Rizab pematuhan mewakili pematuhan Kumpulan dengan Dokumen Dasar BNM yang disemak semula mengenai Pelaporan Kewangan dan Pelaporan Kewangan bagi Institusi Perbankan Islam yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2018, di mana anak syarikat perbankan domestik perlu mengekalkan, secara agregat, peruntukan kerugian bagi pendedahan bukan kredit terjejas dan rizab pematuhan tidak kurang daripada 1% daripada jumlah pendedahan kredit, setelah ditolak peruntukan kerugian bagi pendedahan yang mengalami kerugian.

Sebelum 1 Julai 2018, Kumpulan mematuhi Dasar BNM mengenai Klasifikasi dan Peruntukan Rosotnilai untuk Pinjaman/Pembiayaan, untuk mengekalkan, secara agregat, elaun rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan tidak kurang dari 1.2% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan yang belum dijelaskan, setelah ditolak elaun rosotnilai individu.

Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020

	KUMPULAN		BANK	
	2020 RM'000	**2019 RM'000**	**2020 RM'000**	**2019 RM'000**
ALIRAN TUNAI DARIPADA/(DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI OPERASI				
Untung sebelum cukai dan zakat	**369,636**	505,213	**306,868**	445,841
Pelarasan untuk:				
Pelunasan premium bersih	**4,795**	17,976	**4,795**	17,976
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	**70,523**	83,935	**66,750**	79,690
Susut nilai aset hak-kegunaan	**27,304**	26,137	**20,868**	21,485
Susut nilai pelaburan hartanah	**1,352**	580	**1,352**	580
Pelunasan pembayaran pajakan prabayar	**1,085**	1,085	**1,067**	1,067
Pelunasan aset tak ketara	**53,101**	39,876	**33,460**	30,181
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	**2,051**	2,448	**1,660**	1,118
Pembalikkan peruntukkan bagi hartanah, loji dan peralatan	**1,416**	5,180	**–**	330
Kerugian rosotnilai ke atas hartanah, loji dan peralatan	**4,072**	–	**4,072**	–
Kerugian/(Keuntungan) bersih ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**146**	(23)	**146**	(21)
Keuntungan bersih ke atas penamatan aset hak-kegunaan	**(1,736)**	(821)	**(1,644)**	(821)
Peruntukan jangkaan kerugian kredit bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**9,014**	(89,242)	**9,014**	(89,242)
Elaun rosotnilai ke atas pelaburan sekuriti	**1,250**	–	**1,250**	–
(Masuk kira semula)/elaun rosotnilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	**(2,378)**	37,384	**16,097**	43,368
Hutang lapuk dihapus kira	**57,773**	78,064	**57,773**	78,064
Bahagian kerugian selepas cukai bagi dalam syarikat bersekutu	**30,893**	20,639	**–**	–
Keuntungan bersih daripada pelaburan sekuriti	**(82,176)**	(101,037)	**(72,049)**	(89,608)
Kos kewangan ke atas liabiliti pajakan	**6,933**	5,737	**3,215**	3,142
Manfaat perubatan selepas persaraan	**9,703**	9,374	**9,703**	9,374
Pelarasan manfaat perubatan selepas persaraan	**(400)**	–	**(400)**	–
Manfaat persaraan/gratuiti	**31,678**	30,698	**31,678**	30,698
Manfaat kakitangan jangka panjang lain	**1,488**	1,436	**1,488**	1,436
Pendapatan dividen	**(2,747)**	(8,577)	**(1,914)**	(6,571)
Penggunaan geran kerajaan	**93**	450	**93**	450
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	**594,869**	666,512	**495,342**	578,537

Penyata Aliran Tunai

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020

	KUMPULAN		BANK	
	2020 RM'000	2019 RM'000	2020 RM'000	2019 RM'000
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	**16,195**	(70,217)	**–**	–
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	**(4,418,140)**	(2,424,853)	**(4,418,140)**	(2,424,853)
Perubahan dalam aset-aset lain	**29,789**	18,344	**1,323**	38,795
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	**4,907,094**	2,363,193	**4,906,260**	2,363,114
Perubahan akaun pelaburan oleh pelanggan	**479,692**	(256,671)	**479,692**	(256,671)
Perubahan dalam deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	**(32,651)**	(206,134)	**(32,651)**	(206,134)
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	**85,519**	36,402	**73,764**	12,096
Aliran tunai dihasilkan daripada dalam operasi	**1,662,367**	126,576	**1,505,590**	104,884
Cukai dibayar	**(183,991)**	(103,586)	**(163,159)**	(82,686)
Bayaran balik cukai	**–**	44,368	**–**	44,368
Zakat dibayar	**(5,405)**	(7,483)	**(367)**	(3,890)
Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar	**(2,271)**	(2,068)	**(2,271)**	(2,068)
Manfaat persaraan/gratuiti dibayar	**(13,476)**	(11,541)	**(13,476)**	(11,541)
Manfaat pekerja jangka panjang lain dibayar	**(907)**	(730)	**(907)**	(730)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	**1,456,317**	45,536	**1,325,410**	48,337
ALIRAN TUNAI DARIPADA/(DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PELABURAN				
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	**6,795**	345	**268**	138
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	**(81,749)**	(94,323)	**(80,125)**	(80,748)
Pembelian hartanah pelaburan	**(2,706)**	(1,761)	**(2,706)**	(1,761)
Pembelian aset tak ketara	**(82,315)**	(69,280)	**(32,445)**	(29,327)
Pembelian pelaburan sekuriti	**(2,601,342)**	(2,718,913)	**(2,596,056)**	(2,707,484)
Dividen diterima	**2,747**	8,577	**1,914**	6,571
Penerimaan daripada pelupusan pelaburan sekuriti	**2,180,108**	2,743,397	**2,165,111**	2,717,717
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	**(578,462)**	(131,958)	**(544,039)**	(94,894)
ALIRAN TUNAI DARIPADA/(DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerimaan pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	**55,705**	200,000	**55,705**	200,000
Pembayaran balik pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	**(11,784)**	(12,999)	**(11,784)**	(12,999)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	**(29,144)**	(27,779)	**(21,067)**	(20,989)
Penerimaan geran daripada Kerajaan	**441,578**	150,000	**441,578**	150,000
Dividen dibayar kepada Kerajaan	**(34,000)**	(10,000)	**(34,000)**	(10,000)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	**422,355**	299,222	**430,432**	306,012

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

	KUMPULAN		BANK	
	2020	**2019**	**2020**	**2019**
	RM'000	**RM'000**	**RM'000**	**RM'000**
PENINGKATAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN	**1,300,210**	212,800	**1,211,803**	259,455
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	**888,243**	675,443	**847,741**	588,286
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	**2,188,453**	888,243	**2,059,544**	847,741
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 3)	**2,188,453**	888,243	**2,059,544**	847,741
ALIRAN KELUAR TUNAI UNTUK PAJAKAN SEBAGAI PEMAJAK				
Termasuk dalam tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan:				
Pembayaran liabiliti pajakan	**(29,144)**	(27,779)	**(21,067)**	(20,989)
Jumlah aliran keluar tunai untuk pajakan	**(29,144)**	(27,779)	**(21,067)**	(20,989)

PERUBAHAN DALAM LIABILITI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:

BANK	**1 Januari 2020 RM'000**	**Aliran Tunai RM'000**	**Perubahan Bukan Tunai RM'000**	**31 Disember 2020 RM'000**
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	**220,869**	**43,921**	**–**	**264,790**
Liabiliti pajakan	**82,645**	**(21,067)**	**20,163**	**81,741**
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	**303,514**	**22,854**	**20,163**	**346,531**

BANK	**1 Januari 2019 RM'000**	**Aliran Tunai RM'000**	**Perubahan Bukan Tunai RM'000**	**31 Disember 2019 RM'000**
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	33,868	187,001	–	220,869
Liabiliti pajakan	–	(21,334)	103,979	82,645
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	33,868	165,667	103,979	303,514

Nota kepada Penyata Kewangan

AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan berpengkalan di Malaysia. Pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan Bank adalah di Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 terdiri daripada Bank dan subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai Kumpulan) dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 tidak termasuk entiti lain.

Aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiarinya dinyatakan masing-masing di Nota 8 dan 9.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah pada 3 Mac 2021.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang telah diubahsuai oleh Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA), Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan keperluan Syariah, di mana berkenaan.

Penerapan baru dan Pindaan kepada MFRS

Pindaan kepada MFRS pada tahun kewangan semasa

Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Bank telah menerapkan semua Pindaan terhadap MFRS yang dikeluarkan oleh MASB yang relevan dengan operasi dan berkesan untuk tempoh perakaunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2020:

- Pindaan kepada MFRS 3, *Gabungan Perniagaan – Definisi Perniagaan*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Penyampaian Penyata Kewangan* dan MFRS 108 *Dasar Perakaunan, Perubahan Anggaran dan Kesilapan Perakaunan – Definisi Material*
- Pindaan kepada MFRS 9 *Intrumen Kewangan*, MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* dan MFRS 7 *Instrumen Kewangan – Pendedahan, Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah*
- Pindaan kepada MFRS 16, *Pajakan – Konsesi Sewa Berkaitan Covid 19*

Pemakaian awal pindaan tersebut tidak memberikan kesan kewangan yang ketara terhadap penyata kewangan tempoh semasa dan sebelumnya bagi Kumpulan dan Bank.

Dikuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai atau selepas 1 Januari 2021:

- Pindaan kepada MFRS 9, *Intrumen Kewangan*, MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* dan MFRS 7, *Instrumen Kewangan*, MFRS 4, *Kontrak Insuran*, MFRS 16, *Pajakan: Pendedahan – Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah – Fasa 2*

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata pematuhan (Sambungan)

Baru dan Pindaan kepada MFRS yang telah dikeluarkan tetapi belum berkesan (Sambungan)

Dikuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai atau selepas 1 Januari 2022:

- Pindaan kepada MFRS 1, *Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Gabungan Perniagaan – Rujukan kepada Rangka Kerja Konseptual*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada Contoh Ilustrasi yang mengiringi MFRS 16, *Pajakan (Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan – Hasil Sebelum Penggunaan Yang Dimaksudkan*
- Pindaan kepada MFRS 37, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka – Kontrak Membebankan – Kos Memenuhi Kontrak*

Dikuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai atau selepas 1 Januari 2023:

- MFRS 17, *Kontrak Insuran*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Penyampaian Penyata Kewangan – Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa*

Tarikh kuat kuasa belum ditentukan:

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Jualan atau Sumbangan Aset Antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Para Pengarah menjangkakan bahawa piawaian dan pindaan perakaunan di atas akan diterima pakai dalam penyata kewangan tahunan Kumpulan dan Bank apabila ia berkuatkuasa dan bahawa penggunaan pindaan ini tidak akan memberi kesan ketara terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Bank di awal tempoh penggunaan kecuali MFRS 17.

MFRS 17 memperkenalkan prinsip perakaunan yang konsisten bagi kesemua kontrak insurans berdasarkan model pengukuran sedia ada. MFRS 17 memerlukan entiti yang mengeluarkan kontrak insurans untuk mengiktiraf dan mengukur Kumpulan kontrak insurans kepada: (i) nilai semasa aliran tunai masa depan dilaraskan oleh risiko yang menggabungkan maklumat yang konsisten dengan maklumat pasaran yang boleh diperhatikan; termasuk (ii) amaun yang mewakili keuntungan belum diperolehi dalam Kumpulan kontrak. Kesan kewangan yang timbul daripada penggunaan piawaian ini masih dinilai oleh Kumpulan.

(b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan daripada yang dinyatakan dalam Nota 2. Kos sejarah secara umumnya berasaskan nilai saksama pertimbangan yang terlibat dalam pertukaran untuk aset. Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urusniaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran, tidak kira sama ada harga tersebut boleh diperhatikan dengan terus atau dianggarkan dengan menggunakan teknik penilaian lain. Dalam menganggar nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan mengambil kira karakter aset atau liabiliti jika peserta pasaran akan mengambil karakter tersebut dalam menentukan harga aset atau liabiliti pada tarikh pengukuran. Nilai saksama untuk pengukuran dan/atau untuk tujuan pendedahan di dalam penyata kewangan disatukan ditetapkan atas dasar tersebut kecuali untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang berada di dalam skop MFRS 2, urusniaga pemajakan yang berada di dalam skop MFRS 117 dan pengukuran yang mempunyai persamaan dengan nilai saksama tetapi bukan dinilai pada nilai saksama, seperti nilai boleh direalisasi dalam MFRS 102 atau nilai digunakan dalam MFRS 136.

Nota kepada Penyata Kewangan

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Asas Pengukuran (Sambungan)

Di samping itu, untuk tujuan laporan kewangan, pengukuran nilai saksama dikategorikan kepada Tahap 1, 2 atau 3 berdasarkan tahap input kepada pengukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan dan tahap signifikan input kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan yang dihuraikan seperti berikut:

- Input Tahap 1 adalah harga disebut (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama di mana entiti boleh mengaksesnya pada tarikh pengukuran;
- Input Tahap 2 adalah input, selain daripada harga disebut yang termasuk dalam Tahap 1, yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- Input Tahap 3 adalah input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan dan Bank mengenal pasti pemindahan antara hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Bank dan telah dibundarkan kepada ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Dalam penyediaan penyata kewangan, pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini. Anggaran dan andaian asas disemak semula secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan dalam tempoh di mana anggaran itu disemak semula dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang rosotnilai.

Bahagian penting penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang digunakan dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting dalam menentukan jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

(i) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama, di mana nilai saksama tidak boleh diperolehi daripada pasaran aktif, nilai saksama ini ditentukan menggunakan pelbagai teknik penilaian, termasuk penggunaan model matematik. Walaupun Kumpulan dan Bank secara amnya menggunakan model penilaian yang diiktiraf secara meluas dengan input pasaran yang boleh diperhatikan, pertimbangan diperlukan di mana data yang dapat diperhatikan tidak boleh diperolehi. Penghakiman tersebut biasanya menggabungkan andaian bahawa peserta pasaran lain akan menggunakan dalam penilaian mereka, termasuk andaian tentang kadar faedah/keuntungan, kadar pertukaran, volatilities dan bayaran pendahuluan dan kadar ingkar (*default rates*).

(ii) Kerugian rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kerugian rosotnilai yang dikira berasaskan kepada jangkaan kerugian kredit (ECL) model adalah output model yang kompleks dengan beberapa andaian asas mengenai pilihan input pemboleh ubah dan kebergantungan mereka. Elemen model ECL yang merupakan pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Kriteria untuk menilai jika terdapat peningkatan yang ketara dalam risiko kredit, yang termasuk penilaian kualitatif, untuk menentukan sama ada aset kewangan harus mengambil langkah ke atas dasar ECL sepanjang hayat dan bukan berasaskan 12 bulan ECL.
- Segmentasi aset kewangan, apabila ECL mereka dinilai secara kolektif.
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai formula yang diaplikasikan dan pilihan-pilihan input.
- Penentuan kolerasi antara senario makroekonomi, dan input ekonomi seperti kadar pengangguran dan kadar harga pengguna (CPI), dan kesannya pada Kebarangkalian Kemungkiran (PD), Rugi Akibat Kemungkiran (LGD), dan Pendedahan Kemungkiran (EAD).
- Pemilihan senario makroekonomi yang berpandangan ke hadapan dan wajaran kebarangkalian mereka, untuk memperolehi input ekonomi ke dalam model ECL.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (Sambungan)

(ii) Kerugian rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (Sambungan)

Penambahan dan penyesuaian ECL di dalam keadaan COVID-19

Oleh kerana model MFRS 9 semasa tidak dijangka dapat menjana tahap ECL dengan kebolehpercayaan yang mencukupi, memandangkan pandemik COVID-19 belum pernah terjadi sebelumnya dan berterusan, penambahan dan penyesuaian pasca model telah dipakai untuk menentukan tahap ECL keseluruhan yang mencukupi untuk tahun berakhir dan pada 31 Disember 2020.

Penambahan dan penyesuaian pasca model telah diambil bagi mencerminkan pandangan makroekonomi terkini yang tidak tercatat dalam hasil model dan potensi impak terhadap ketidakpastiaan dan kegagalan apabila pelbagai langkah bantuan dan sokongan akan berakhir pada tahun 2021.

Penambahan dan penyesuaian pasca model ini melibatkan tahap pertimbangan yang ketara dan mencerminkan pandangan pihak pengurusan mengenai kemungkinan akibat daripada pandemik dan jalan pemulihan dalam penilaian ke hadapan untuk tujuan anggaran ECL.

Senario penurunan yang diselaraskan mengandaikan kekangan persekitaran ekonomi yang berterusan akibat daripada COVID-19 hingga suku kedua tahun 2021, kesan penyesuaian pasca model ini dianggarkan pada tahap portfolio, ditetapkan di luar proses teras MFRS 9. Jumlah penambahan untuk ECL termasuk penyesuaian makro-ekonomi yang dikendalikan oleh Bank pada 31 Disember 2020 adalah RM73.61 juta.

